05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN MODUL PENTAKSIRAN AUTENTIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK TAHUN SATU BAGI TOPIK WANG, MASA DAN WAKTU

MAS NORBANY BINTI ABU SAMAH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN MATEMATIK)

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangun dan menilai Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) untuk pengajaran matematik Tahun Satu bagi topik Wang, Masa dan Waktu. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan melibatkan soal selidik dan kaedah temu bual. Kajian juga menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen bagi menentukan keberkesanan pengajaran menggunakan M-PA. Populasi seramai 210 guru matematik Tahun Satu di daerah Kuala Terengganu terlibat dalam kajian ini bagi membangunkan M-PA dengan menggunakan gabungan Model Russell, Model Sharifah Alwiah dan Model Mohd Sidek. Data dianalisis secara analisis deskriptif bagi mendapatkan min dan sisihan piawai, manakala ANCOVA bagi menentukan perbezaan pencapaian murid antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Data temu bual dianalisis menggunakan analisis isi kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan dan penerimaan guru terhadap Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) adalah sederhana manakala, tahap amalan dan pemantauan adalah tinggi. M-PA yang dibangunkan mempunyai 20 rancangan pengajaran bagi topik Wang, Masa dan Waktu adalah sah dan boleh dipercayai. Analisis ANCOVA juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian murid dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan. Guru pengendali modul berpendapat bahawa modul adalah lengkap, tersusun dan sesuai dengan proses pentaksiran autentik yang dicadangkan. Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya membangunkan M-PA yang memberi panduan kepada guru dalam melaksanakan pentaksiran autentik dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Implikasi daripada kajian ini ialah M-PA menyokong teori pembelajaran serta mampu meningkatkan pencapaian murid menggunakan pentaksiran autentik dalam KSSR Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DEVELOPMENT AND EVALUATION OF AN AUTHENTIC ASSESSMENT MODULE IN TEACHING AND LEARNING MATHEMATIC YEAR ONE ON MONEY, TIME AND PERIOD TOPICS

ABSTRACT

This study aimed to develop and evaluate the Authentic Assessment Module (M-PA) for teaching Year 1 Mathematics of Money, Time and Period topics. The study used survey design using a questionnaire and an interview method. The study also used a quasi-experimental design to determine the effectiveness of teaching using the M-PA. A population of 210 Year 1 mathematics teachers in Kuala Terengganu district was involved in this study to develop a M-PA using a combination of Russell's , Sharifah Alwiah's and Mohd Sidek's Models. Data were analyzed descriptively to obtain the mean and the standard deviation, while ANCOVA was used to determine pupils' achievement differences between the control and the experimental groups. The interviewed data were analysed using the content analysis. The findings showed that the levels of teachers' readiness and acceptance of Curriculum Standard of Primary School (KSSR) were at average level, while the teachers' practice and monitoring were found to be at high level. The developed M-PA which composed of 20 lesson plans for Money, Time and Period topics was valid and reliable. In addition, ANCOVA analysis showed that there was a significant difference in pupils' achievement between the experimental group as compared to the control group. The teacher who used the module claimed that the module was complete, systematic and suitable with the proposed authentic assessments. As a conclusion, this study has successfully developed the M-PA that could assist teachers in implementing the authentic assessment in teaching and learning of mathematics. The implication of this study is that the M-PA supported the learning theories as well as able to improve pupils' achievement using the authentic assessments in Mathematics KSSR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN **ii**

PENGHARGAAN **iii**

ABSTRAK **iv**

ABSTRACT **v**

KANDUNGAN **vi**

SENARAI JADUAL **xii**

SENARAI RAJAH **xv**

SENARAI SINGKATAN **xvi**

SENARAI LAMPIRAN **xvii**

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan 1

1.1 Latar belakang kajian 6

1.2 Pernyataan masalah 11

1.3 Tujuan kajian 18

1.4 Objektif kajian 18

1.5 Soalan kajian 19

1.6 Hipotesis kajian 21

1.7 Kepentingan kajian 21

1.8 Kerangka konseptual kajian 24

1.9 Batasan kajian 28

1.10 Definisi istilah 28

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Rumusan 33

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan 35

2.1 Perkembangan kurikulum matematik 40

2.1.1 Kurikulum Matematik di Amerika Syarikat 41

2.1.2 Kurikulum Matematik di United Kingdom 46

2.1.3 Kurikulum Matematik di Finland 50

2.1.4 Kurikulum Matematik di Singapura 53

2.1.5 Kurikulum Matematik di Malaysia 58

2.1.6 Kajian dalam kurikulum 64

2.2 Teori Pembelajaran 66

2.3 Model pentaksiran pendidikan 69

2.3.1 Model “Mutual Benefit Evaluation” 70

2.3.2 Model “Management By Objective Evaluation” 71

2.4 Pembelajaran masteri 72

2.5 Taksonomi Bloom 77

2.6 Penggunaan modul dalam pengajaran 79

2.7 Pentaksiran dalam pendidikan matematik 82

2.7.1 Pentaksiran Autentik dalam Matematik 92

2.8 Faktor guru 96

2.8.1 Kesediaan guru 104

2.8.2 Kepercayaan guru 105

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.3 Amalan guru 107

2.9 Rumusan 109

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 111

3.2 Reka bentuk kajian 111

3.3 Pemboleh ubah – pemboleh ubah kajian 115

3.4 Populasi kajian 116

3.5 Sampel kajian 118

3.6 Instrumen kajian 120

3.6.1 Soal selidik pentaksiran KSSR 120

3.6.2 Soal selidik penilaian modul 122

3.6.3 Ujian topik wang, masa dan waktu 122

3.6.4 Protokol temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen 128

3.7 Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen 131

3.7.1 Kesahan soal selidik kajian 132

3.7.2 Kesahan dalaman bagi kajian kuasi-eksperimen 134

3.8 Kesahan luaran 136

3.9 Prosedur kajian 137

3.10 Kajian rintis 138

3.11 Analisis data eksploratori 140

3.12 Prosedur penganalisisan data 141

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.12.1 Analisis data kuantitatif 141

3.12.2 Analisis data temu bual 142

3.13 Rumusan 145

BAB 4 PEMBANGUNAN MODUL

4.1 Pengenalan 146

4.2 Peringkat 1 : Penyediaan draf M-PA 150

4.2.1 Mengenal pasti teori, rasional, falsafah, konsep, sasaran dan tempoh masa 150

4.2.2 Kajian keperluan 151

4.2.3 Menetapkan objektif 151

4.2.4 Menentukan standard pembelajaran, kandungan pengajaran dan pembelajaran, evidens dan resos 152

4.2.5 Draf lengkap M-PA 155

4.3 Peringkat 2 : Pemantapan M-PA 161

4.3.1 Kesahan dan kebolehpercayaan M-PA 162

4.3.1.1Kesahan kandungan M-PA 162

4.3.1.2 Kebolehpercayaan M-PA 164

4.3.2 Kajian rintis M-PA 172

4.4 Format M-PA 174

4.5 Pemurnian M-PA 175

4.6 Rumusan 177

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

5.1 Pengenalan 178

5.2 Profil sampel kajian – fasa pertama 179

5.3 Analisis data kuantitatif 181

5.3.1 Tahap kesediaan guru daripada segi latihan, kemahiran dan pengetahuan KSSR 182

5.3.2 Tahap penerimaan guru daripada segi kepercayaan, pandangan dan kemahuan dalam melaksanakan KSSR 185

5.5.3 Tahap amalan dalam melaksanakan KSSR 188

5.5.4 Tahap pemantauan dalam melaksanakan KSSR 190

5.4 Profil sampel kajian – Fasa ketiga 193

5.4.1 Analisis pencapaian pelajar 194

5.4.1.1 Keputusan Ujian Pra bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen 195

5.4.2 Analisis tahap penguasaan murid dalam topik wang, masa dan waktu 200

5.4.3 Analisis data kualitatif 201

5.4.4 Masalah dalam menggunakan M-PA 203

5.4.5 Ciri-ciri M-PA 204

5.4.6 Ciri-ciri guru 205

5.4.7 Kesesuaian M-PA 206

5.5 Rumusan 208

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan 209

6.2 Ringkasan kajian 210

6.3 Ringkasan dapatan kajian 212

6.4 Perbincangan dapatan kajian 213

6.4.1 Tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan guru dan tahap pemantauan dalam KSSR 214

6.4.2 Modul Pentaksiran Autentik 222

6.5 Implikasi kajian 227

6.5.1 Teori 227

6.5.2 Praktikal 230

6.6 Cadangan kajian lanjutan 233

6.7 Rumusan 235

RUJUKAN 238

LAMPIRAN 281

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
1.1	Proses pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah dalam KSSR Matematik tahun satu	10
2.1	Perubahan dalam kontinum dari EYFS dalam “key stage 1”	48
2.2	Domain subjek matematik dalam pendidikan matematik sekolah rendah di Finland	51
2.3	Agihan topik bagi primary 1 sehingga primary 6	54
2.4	Penghuraian band bagi matematik	89
2.5	Petunjuk Standard Prestasi diwakili oleh bidang, deskriptor dan evidens	90
3.1	Model reka bentuk eksperimen	114
3.2	Bilangan guru matematik Tahun satu dan bilangan sekolah rendah mengikut daerah di Terengganu	117
3.3	Taburan item soal selidik pentaksiran KSSR	121
3.4	Pengkelasan item indeks kesukaran	126
3.5	Indeks diskriminasi dan pengelasan item	127
3.6	Interpretasi indeks kesukaran dan indeks diskriminasi	127
3.7	Skala nilai kebolehpercayaan cohen kappa	144
3.8	Senarai panel pakar analisis persetujuan pembangunan tema data kualitatif	144
4.1	Senarai topik dalam M-PA	154
4.2	Panel penilai M-PA	163
4.3	Penilaian M-PA bagi kandungan modul	165

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4	Penilaian M-PA bagi konstruk resos	166
4.5	Penilaian M-PA bagi konstruk keperluan teknikal	167
4.6	Penilaian M-PA bagi konstruk hasil pembelajaran	168
4.7	Penilaian M-PA bagi konstruk aktiviti pembelajaran	168
4.8	Penilaian M-PA bagi konstruk format modul	170
4.9	Penilaian M-PA bagi konstruk kebolehan bacaan modul	170
4.10	Penilaian M-PA bagi konstruk grafik modul	170
4.11	Pemurnian M-PA berdasarkan komen panel penilai dan guru	171
4.12	Keputusan ujian –t pencapaian topik Wang, dan Masa dan Waktu	173
4.13	Levene's test of equality of error variances	173
4.14	Test of Between – subjects effects	173
5.1	Latar belakang demografi sampel kajian bagi mewakili guru sekolah	180
5.2	Nilai skor min dan interpretasi	182
5.3	Aspek latihan guru dalam KSSR	183
5.4	Aspek kemahiran guru dalam KSSR	183
5.5	Aspek pengetahuan guru dalam KSSR	184
5.6	Aspek kepercayaan guru dalam KSSR	185
5.7	Aspek pandangan guru dalam KSSR	186
5.8	Aspek kemahuan guru dalam KSSR	187
5.9	Aktiviti dalam melaksanakan KSSR	188
5.10	Amalan guru dalam melaksanakan KSSR	189
5.11	Pemantauan dalam melaksanakan KSSR	191

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.12	Penyelarasan dalam melaksanakan KSSR	191
5.13	Kemudahan tempat, bahan, kos dan sumber dalam Melaksanakan KSSR	192
5.14	Latar belakang demografi sampel kajian bagi mewakili murid sekolah	194
5.15	Skor peratus pencapaian dan interpretasi	195
5.16	Keputusan ujian –t tidak bersandar	195
5.17	Statistik deskriptif Ujian Pra dan Ujian Pos	196
5.18	Ujian Levene	199
5.19	Keputusan analisis ANCOVA bagi ujian pos pencapaian matematik	199
5.20	Keputusan analisis ujian–t tidak bersandar	200
5.21	Tahap penguasaan murid dalam topik wang dan, masa dan waktu	201
5.22	Kod-kod bagi tema temu bual	202
6.1	Ringkasan dapatan kajian	212

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka pelaksanaan Modul Pentaksiran Autentik dalam KSSR Matematik Tahun Satu	27
2.1	Pengalaman pelajar	55
2.2	Standard Guru Malaysia	102
3.1	Reka bentuk kajian mengikut fasa	113
3.2	Fasa kajian	115
4.1	Proses pembangunan M-PA berasaskan Model Sharifah Alwiah, Model Mohd Sidek dan Model Russell	149
4.2	Perancangan dan kitaran pembelajaran	176
5.1	Markah Ujian Pra dan Ujian Pos bagi kumpulan kawalan	197
5.2	Markah Ujian Pra dan Ujian Pos bagi kumpulan eksperimen	198

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN/SIMBOL/TATANAMA/ISTILAH

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JPNT	Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
SGM	Standard Guru Malaysia
M-PA	Modul Pentaksiran Autentik
D	Deskriptor
B	Bidang
E	Eviden
SP	Standard Prestasi
SK	Standard Kandungan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
ANCOVA	*Analysis of Covariance*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Instrumen Pelaksanaan Pentaksiran Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Matematik Tahun Satu
B	Borang Penilaian M-PA
C	Ujian Topik Wang, dan masa dan waktu
D	Protokol temu bual
E	Protokol pemerhatian pengajaran
F	Borang soal selidik penilaian M-PA
G	Transkrip perbualan antara guru pengendali modul
H	Menilai kebolehpercayaan antara penilai
I	Realibility Analysis – guru matematik
J	Realibility Analysis – penilai modul
K	Modul Pentaksiran Autentik dalam pengajaran matematik tahun satu
L	Keputusan Analisis Linearliti
M	ANCOVA
N	Surat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada BPPDP
O	Surat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada JPNT
P	Surat permohonan untuk menjalankan kajian di SK Simpang Rawai
Q	Kebenaran untuk menggunakan instrumen kajian
R	Markah ujian pra dan ujian pos kumpulan kawalan
S	Markah ujian pra dan ujian pos kumpulan eksperimen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.0 Pengenalan

Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 adalah selaras dengan tindakan beberapa negara yang mengkaji semula sistem pendidikan di negara masing-masing seperti di Australia, United Kingdom, Singapura, Korea dan sebagainya. Perubahan kurikulum bertujuan secara umumnya meningkatkan kualiti pendidikan negara bagi menghadapi cabaran pada masa depan. Perubahan ini bertujuan untuk menyediakan pelajar mampu berfungsi secara efektif. Perubahan atau pengubahsuaian kurikulum mampu memperlihatkan perkembangan kurikulum yang lebih baik (Ball & Cohen, 1999; Cohen & Hill, 2001; Cross City Campaign for Urban School Reform, 2005; Liberman, David & Beeri, 2012; & Timperley & Parr, 2005). Perubahan pendidikan yang dilaksanakan di Malaysia ialah perubahan kurikulum dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) yang ingin dipelopori oleh pembuat polisi dan pendidik (Gurnam, Chan & Sarjit, 2011).

Usaha untuk menggubal dan melaksanakan KSSR oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan untuk memastikan kurikulum yang holistik dan sentiasa relevan bagi melahirkan modal insan seimbang yang dapat menangani cabaran semasa dan masa depan (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2010). Perubahan kurikulum perlu diberi perhatian yang sewajarnya demi melahirkan pelajar yang berwibawa dan berdaya saing. Berdasarkan perubahan ini, sistem pendidikan negara memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, penghasilan pelajar celik minda, pembentukan warga yang menguasai ilmu, kemahiran dan maklumat dan program membangunkan akal manusia dalam melahirkan insan yang holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan KSSR merupakan manifestasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang mengambil kira pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) sebelumnya dan perubahan-perubahan dasar pendidikan yang telah dilaksanakan seperti dasar Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang diperkenalkan oleh Tun Mahathir Mohamad pada tahun 2003. Rasional kepada perubahan dasar ini adalah perubahan penggunaan Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains. Perubahan ini adalah bersandarkan kepada keprihatinan kerajaan terhadap pembangunan sumber manusia demi meningkatkan standard pembangunan negara, melalui persediaan awal bagi menghadapi era globalisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan dalam kurikulum di negara kita merangkumi perubahan topik, pentaksiran, latihan keguruan, pemantauan dan juga pendekatan pdp. Ini bermaksud kurikulum baharu ini adalah berpusatkan pelajar yang menekankan aspek pembelajaran yang menyeronokkan, pemikiran kreatif dan kritis, kemahiran menaakul, komunikasi dan literasi komputer. Penanda aras bagi memastikan kurikulum yang dihasilkan adalah sempurna, penyemakan kurikulum dari United Kingdom, Singapura, Hong Kong, New Zealand, Australia dan negara Scandinavia telah dilaksanakan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Menurut Lee (2010), fokus perubahan kurikulum adalah terhadap penguasaan pelajar dalam literasi, numerasi dan kemahiran menaakul. KSSR adalah berdasarkan enam bidang utama iaitu komunikasi, keagamaan, tingkah laku dan nilai, kemanusiaan, literasi dalam sains dan teknologi, pembangunan fizikal dan personal demi menghasilkan pelajar yang holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu, KSSR juga menekankan aspek inovasi dan kreativiti dalam pembelajaran, keusahawanan dan, teknologi komunikasi dan informasi untuk diterapkan kepada pelajar. Proses pengajaran menjadi lebih bermakna dan menyeronokkan jika pendekatan yang digunakan oleh guru adalah berasaskan projek dan aktiviti serta penyelesaian masalah dengan menggunakan komponen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) seawal tahun satu. KSSR telah diimplementasikan bermula tahun 2011 menggantikan KBSR. Pelaksanaan KSSR membawa perubahan kepada kurikulum dan amalan kepada sistem pendidikan sekolah rendah. Pengubahsuaian model kurikulum daripada secara linear kepada bersifat modular dilaksanakan menerusi pengenalan kepada subjek baru, penekanan kepada pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pedagogi dan kaedah pentaksiran secara menyeluruh (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

Selaras dengan *National Key Result Area* (NKRA) untuk Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), kurikulum menekankan terhadap penguasaan asas 3M, kemahiran menaakul, asas TMK, pembangunan ekonomi, keagamaan, fizikal, kognitif, tingkah laku dan nilai. Kerangka konsep pengetahuan dikategorikan kepada tiga bahagian modul iaitu Modul Asas Utama, Modul Tematik dan Modul Elektif. Subjek Matematik dikategorikan dalam Modul Asas Utama. Pada peringkat kedua sekolah rendah, KSSR menekankan pengukuhan dan aplikasi kemahiran 3M, kemahiran asas TMK, pembangunan sosio emosi, keagamaan, fizikal, kognitif, tingkah laku dan nilai. Kandungan pengetahuan dilaksanakan menerusi sembilan subjek termasuk Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Datuk Seri Najib Tun Abd Razak melancarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 pada 11 September 2012, mengumumkan sebelas anjakan sistem pendidikan iaitu pendidikan wajib daripada enam tahun hingga sebelas tahun dan pelajar pintar menyelesaikan Ujian Pentaksiran Sekolah Rendah (UPSR) dalam tempoh lima tahun persekolahan. Peperiksaan dan pentaksiran kebangsaan adalah berfokus kepada soalan berkemahiran berfikir aras tinggi dan ini akan merangkumi 80 peratus soalan UPSR kelak.

Perubahan dalam pendidikan ini dinamakan Pelan 13 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang bertujuan melahirkan pelajar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berinovasi dan bertaraf dunia. Pelaksanaan Pelan 13 ini dirancang menerusi 3 gelombang bagi menangani kelemahan dalam sistem sedia ada dan menyediakan asas sistem pendidikan baru secara radikal, seiring penambahbaikan keupayaan dan kebolehan. Transformasi ini terdiri daripada empat ciri iaitu hasrat tinggi bagi meletakkan sistem pendidikan setara negara maju, komprehensif dengan meliputi semua jenis sekolah dalam sistem pendidikan termasuk pembelajaran di luar sekolah seperti di rumah atau komuniti bagi mewujudkan sistem menyeluruh.

Transformasi ini dinyatakan kepada tiga gelombang iaitu Gelombang 1 (2013-2015), Gelombang 2 (2016-2020) dan Gelombang 3 (2021-2025). Pemacu kejayaan bagi Gelombang 1 ialah100 peratus literasi pelajar dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu serta menguasai kemahiran numerasi selepas tiga tahun persekolahan, keberhasilan utama bagi Gelombang 2 ialah meningkatkan prestasi dalam purata antarabangsa dalam kitaran Trend Kajian Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Pencapaian Pelajar Antarabangsa (PISA) dan antara keberhasilan utama bagi Gelombang 3 ialah pencapaian negara pada kedudukan negara sepertiga teratas dalam TIMSS dan PISA.

Secara rumusan, perubahan kurikulum menjadi agenda utama KPM demi menghasilkan pelajar yang berkompetensi tinggi dalam penguasaan ilmu. Justeru, kurikulum baharu yang diutarakan dapat merealisasikan misi dan visi KPM. KPM berkeyakinan pelaksanaan KSSR dapat meningkatkan standard kurikulum kebangsaan agar mampu bersaing dan setanding dengan pendidikan global.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1.1 Latar Belakang Kajian

Perubahan sistem pentaksiran di Malaysia adalah dipengaruhi cabaran pentaksiran pada abad ke 21, prosedur pentaksiran adalah bertujuan membantu pelajar meningkatkan kemahiran dan nilai pendidikan yang bertujuan menyediakan pelajar menghadapi perubahan global, kemahiran kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan kebolehan untuk mengurus pembelajaran kendiri (Kay, 2007). Pelaksanaan sistem pentaksiran dalam pendidikan di negara kita dibahagikan kepada dua bentuk yang utama iaitu pentaksiran berpusat yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan pentaksiran dalaman di bawah kendalian sekolah.

Pelaksanaan sistem ini adalah selaras dengan pengelasan yang dikemukakan oleh Shepard (2000) iaitu pentaksiran berpusat yang dikenali sebagai *"external assessment"* yang berbentuk pentaksiran sumatif dan pentaksiran dalaman iaitu *"internal assessment"* yang dikaitkan dengan bentuk pentaksiran formatif. Pentaksiran pendidikan pada masa kini dikenali Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang merangkumi Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat (PP) bagi subjek akademik, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan kokurikulum (PAJSK) dan Pentaksiran Psikometrik (PPsi) adalah pentaksiran bukan akademik (LPM, 2012). Sistem pentaksiran yang dilaksanakan adalah selaras dengan standard pentaksiran yang dilaksanakan di Amerika Syarikat iaitu*" US New Standards Project"* dan Australia iaitu *"NSW HSC"* dan *"Victoria's CSF".*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran pusat yang bersifat pentaksiran sumatif pada peringkat sekolah rendah dikenali sebagai Ujian Pentaksiran Sekolah Rendah (UPSR). UPSR mula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilaksanakan pada tahun 1988 bagi menggantikan Pentaksiran Darjah Lima (PDL) dan Ujian Darjah Tiga (UDT) (KPM, 1988). Pentaksiran ini bertujuan memastikan akauntabiliti standard persijilan, mengawal kandungan kurikulum dan meneruskan kualiti pendidikan pada peringkat pendidikan menengah. Pentaksiran berpusat ini adalah di bawah kendalian LPM. Format peperiksaan UPSR bagi Matematik ialah merangkumi dua kertas iaitu Kertas Satu mengandungi 40 item objektif dan Kertas Dua yang mengandungi 20 item subjektif.

Peperiksaan tersebut diadakan serentak di seluruh negara mengikut jadual peperiksaan yang telah ditetapkan. Pengawas peperiksaan dilantik dalam kalangan guru dari sekolah berlainan. Kriteria pentaksiran ditentukan oleh LPM dan dilakukan oleh guru yang telah dilantik. Prosedur pentaksiran UPSR ini adalah sulit dan bersifat sumatif dan terminal yang melibatkan pendekatan Ujian Rujukan Norma dan Ujian Rujukan Kriteria. Namun tiada tindakan susulan seperti aktiviti pemulihan dilaksanakan. Keputusan pentaksiran ini adalah muktamad, namun guru atau ibu bapa masih berpeluang untuk membuat semakan semula dalam tempoh yang telah ditetapkan apabila mendapat kebenaran untuk berbuat demikian.

Pentaksiran formatif juga dilaksanakan dalam KSSR. Menurut PPK (1997) pentaksiran formatif yang dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah dikenali sebagai Pentaksiran Kendalian Sekolah Rendah. Menurut Surat Pekeliling Bil. 1 Tahun 2011, pentaksiran matematik bagi pelajar tahun satu dilaksanakan secara pentaksiran berasaskan sekolah yang bersifat formatif dan ditadbir sepenuhnya oleh sekolah. Proses pentaksiran ini dilaksanakan secara berterusan. Pentaksiran ini adalah bersifat diagnostik iaitu untuk mendapatkan maklumat balas, mengenal pasti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan mengesan kekuatan dan kelemahan pembelajaran serta maklumat pengajaran guru bagi tujuan tindakan susulan.

Aspek pentaksiran dalam KSSR memberi penekanan kepada konsep pentaksiran secara berterusan terhadap perkembangan semua aspek. Pentaksiran ialah proses membantu memperbaiki pembelajaran pelajar berdasarkan maklumat pentaksiran guru. Secara berfokus, tujuan pentaksiran ialah meningkatkan pencapaian, membaiki kelemahan pelajar dalam pembelajaran, meningkatkan keyakinan pelajar untuk belajar dan mengubahsuai strategi pengajaran (PPK, 2010). Menurut Airasian (2000), Bhasah (2003), Bott, (1996), Mc Millan (2001) dan Nitk (2001), pentaksiran ialah proses pengumpulan maklumat tentang perkembangan dan kemajuan pelajar melalui pelbagai kaedah meliputi ujian bertulis, pemerhatian dan lisan yang digunakan untuk membuat keputusan tentang pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Sejajar dengan ini, guru berperanan untuk menyediakan kepelbagaian kaedah pentaksiran bagi memastikan potensi pelajar dapat dinilai secara menyeluruh.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) adalah bertujuan memberi maklumat secara langsung tentang prestasi pembelajaran pelajar berdasarkan kriteria tertentu (Rohaida, 2005). PBS membolehkan guru mengetahui tahap pencapaian suatu objektif pelajaran iaitu berdasarkan penguasaan standard kandungan dalam KSSR. Pelajar berpeluang memperbaiki mutu pembelajaran melalui tindakan autentik untuk memastikan standard kandungan dapat dicapai. Pelaksanaan PBS adalah berlandaskan Akta Pendidikan 1996 yang dikenali sebagai Akta 550 yang merangkumi Seksyen 67 mengenai peperiksaan, Seksyen 68 mengenai pentaksiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Seksyen 69 mengenai pengendalian peperiksaan. Pengendalian PBS ini adalah berasaskan Surat Pekeliling Ikhtisas iaitu Surat Pekeliling Peperiksaan Bil.1/ 2011 dan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil.1/2014.

Penambahbaikan Sistem Pentaksiran Kebangsaan bagi UPSR telah dilaksanakan mulai Tahun 2011. Ini merujuk arahan yang dikemukakan menerusi Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil 3 Tahun 2011, Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil 6, Tahun 2011 dan Surat Pekeliling Lembaga Peperiksaan Bil 1 Tahun 2014. Pengendalian PBS di sekolah adalah merujuk kepada Jadual 1.1 yang telah dikemukakan oleh KPM 2011. Proses pelaksanaan pentaksiran KSSR Matematik Tahun Satu melibatkan LPM, JPN, PPD dan sekolah. Pihak yang terlibat ini perlu mematuhi jadual kerja yang telah ditetapkan bagi memastikan PBS dapat dilaksanakan dengan jayanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pelaksanaan PBS, guru perlu menyediakan bahan atau sebarang bentuk bukti yang menunjukkan pelajar melaksanakan sesuatu tugasan dalam bentuk produk atau proses yang dikenali sebagai eviden. Guru berperanan untuk melaksanakan pentaksiran sebagai pembelajaran, pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran tentang pembelajaran. Guru perlu menyediakan panduan perkembangan pembelajaran pelajar dalam mentaksir dan melapur pemeringkatan aras penguasaan pelajar mengikut tahap-tahap pencapaian berdasarkan hasrat dokumen kurikulum. Menurut Surat Pekeliling Peperiksaan Bil.1/2014, pelbagai instrumen yang sesuai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan konstruk yang ditaksir boleh digunakan iaitu tugasan bertulis, projek, persembahan, demonstrasi, kajian lapangan atau kajian kes.

Jadual 1.1 :

Proses Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah dalam KSSR Matematik Tahun Satu

Bil	Perkara	Tempoh	Tindakan
1	Surat Arahan pelaksanaan PBS ke JPN	Disember	Lembaga Peperiksaan Malaysia
2	Mengedarkan Surat Pekeliling dan Surat Arahan PBS	Disember	JPN
3	Mesyuarat Jawatankuasa PBS	Januari, April, Ogos dan Disember	JPN/PPD/ Sekolah
4	Pendaftaran Pelajar dalam SPPBS	Januari-Februari	Sekolah
5	Tempoh pelaksanaan PBS	Sepanjang tahun	Sekolah
6	Aktiviti Penjaminan Kualiti: Pementoran, pemantauan, Penyelarasan dan Pengesanan	Sepanjang tahun	Sekolah/PPD/ JPN/ LP/Bahagian KPM
7	Pengumpulan prestasi pelajar dalam SPPBS	Sepanjang tahun	Sekolah
8	Pelaporan prestasi pelajar	Mengikut keperluan	Sekolah

Sumber : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012

Antara faktor pelaksanaan PBS disebabkan oleh sistem pendidikan sedia ada yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan penglibatan dalam kokurikulum sangat kurang, pengiktirafan keterlaluan kepada pencapaian akademik semata-mata memberi tekanan kepada guru, pelajar dan ibu bapa, menilai produk akhir berbanding proses pembelajaran, pengabaian pembentukan modal insan yang seimbang dan faktor tekanan ke atas guru-guru untuk menghabiskan sukatan pelajaran menyebabkan pentaksiran pembelajaran diabaikan dan kurang membantu dalam proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran (LPM, 2011). Justeru, satu tindakan perlu diambil untuk meningkatkan martabat profesion keguruan, meningkatkan integriti dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Didapati sesetengah negara maju telah mengubah sistem pentaksiran iaitu tidak melaksanakan peperiksaan awam di sekolah rendah dan menengah rendah. Pentaksiran dalam sistem pendidikan kita perlu mengalami transformasi demi kecemerlangan pendidikan.

1.2 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan kurikulum baharu menuntut usaha dan pemahaman yang tinggi dalam kalangan guru bagi memastikan objektif kurikulum tercapai. Perubahan kurikulum ini perlu direalisasikan oleh guru bagi menyediakan modal insan demi menjadikan negara Malaysia maju dengan acuan sendiri menjelang tahun 2020, melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berketerampilan, berkeperibadian yang tinggi dan mulia. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) bertujuan memastikan perkembangan potensi pelajar dilaksanakan secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu dan meliputi aspek-aspek intelek, rohani dan emosi serta jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia. KBSR disemak semula berasaskan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 2/2002. Semakan semula kurikulum dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula tahun 1 dan tahun 4 terhadap sukatan pelajaran Matematik dan huraian sukatan pelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bertujuan untuk membina pemahaman pelajar tentang konsep nombor, kemahiran asas dalam pengiraan, memahami idea matematik dan berketerampilan dalam mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran matematik secara berkesan dan bertanggungjawab. Kitaran perubahan pembangunan kurikulum ini merangkumi analisis keperluan yang merangkumi teori pembelajaran, polisi, trend dunia, pengkajian semasa dan pendapat awam. Justeru, kurikulum matematik yang dihasilkan dapat menyediakan pelajar yang berdaya saing dan berpengetahuan tinggi dalam matematik.

KSSR mula dilaksanakan bagi pelajar tahun satu bermula tahun 2011 menggantikan KBSR secara berperingkat-peringkat. Walaupun kurikulum ini baru dilaksanakan, adalah penting kajian dilaksanakan bagi memastikan objektif kurikulum tersebut dapat dicapai. Menurut Cheow (2008) kurikulum Matematik perlu dirancang secara sistematik dan fleksibiliti untuk diamalkan di peringkat sekolah. Di samping itu, garis panduan pengajaran dan pembelajaran juga telah disediakan untuk guru. Perubahan KSSR perlulah dihayati oleh guru untuk diimplementasikan dalam proses pdp. Sejajar dengan perubahan KSSR, proses pentaksiran juga perlu diubah untuk menyediakan pelajar kepada pengetahuan baru dan kebolehan. Pelajar perlu menguasai kemahiran asas, namun perlu berfikir secara kritikal, analisis dan membuat inferens. Perubahan pentaksiran ini dimangkinkan oleh perubahan dalam kemahiran dan pengetahuan matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Permasalahan utama dalam aspek yang perlu diteliti dalam perubahan kurikulum matematik ialah dalam aspek keputusan dan pemilihan matematik untuk dipelajari. Secara umumnya, pembangunan kurikulum matematik adalah selari dengan pembangunan pendidikan yang dihubung kaitkan dengan keperluan masyarakat. Bagi memperjelaskan perkara ini secara lebih mendalam isu apakah konsep matematik yang sepatutnya diajar, bagaimanakah perubahan kurikulum akan memberi impak yang besar kepada guru dalam melaksanakan perubahan kurikulum ini. Perubahan yang ketara dalam KSSR ialah dalam aspek pentaksiran. Proses pentaksiran prestasi pelajar dinilai berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Pusat (PBP) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang dikelolakan sepenuhnya oleh sekolah. Perubahan ini akan mengubah amalan yang telah dilaksanakan dalam kurikulum sebelumnya, di mana aspek pentaksiran bukan lagi berasaskan peperiksaan atau ujian semata-mata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PBS perlu dilaksanakan secara formatif dan sumatif dengan memberi fokus kepada prestasi pelajar dalam konteks pembelajaran. Pada tahun 2016, peratus peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) merangkumi 60% PBP dan 40% adalah PBS. Ini secara langsung akan mengubah pandangan masyarakat terhadap pencapaian akademik semata-mata dan mampu mengurangkan tekanan kepada murid, ibu bapa dan guru bagi mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan khususnya (Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), 2012). Para guru boleh menggunakan pelbagai cara untuk mentaksir, dan setiap eviden atau bukti bahawa murid telah menguasai suatu topik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian terhadap amalan pentaksiran guru menunjukkan bahawa guru tidak bersedia untuk memenuhi permintaan untuk melaksanakan pentaksiran di dalam kelas kerana tidak mempunyai latihan yang mencukupi (Campbell, 2012). Menurut Rohani et al. (2014) terdapat juga guru yang dilaporkan terlibat dalam mengajarkan item ujian kepada pelajar, menambah masa ujian, memberikan petunjuk dan mengubah jawapan pelajar. Ini menyebabkan timbulnya isu tiada ketelusan dalam melaksanakan pentaksiran PBS di sekolah. Guru-guru juga mengalami kesukaran untuk mentaksir keputusan ujian standard dan keputusan ujian formatif yang telah dijalankan (Bilge et al.,2012).

Kajian terdahulu mendapati pelaksanaan kurikulum matematik tidak dilihat sebagai suatu yang penting (Corby, Halas, Dixon, Winstrup & Jantzen, 2005; Hardman & Marshall, 2000; Johns & Dimmock, 1999; Olofsson, 2003). Dapatan kajian mendapati peranan guru untuk memahami kurikulum dan melaksanakan fungsi pdp semakin dipinggirkan. Hal ini menyebabkan wujudnya jurang antara perkara yang diajar dengan perkara yang harusnya dipelajari (Bailey & Dismore, 2004; Corby et al., 2005; Hardman, 2006; Hardman & Marshall, 2000; Johns & Dimmock, 1999; Olofsson, 2003; Wee, 2003). Selain itu, sepanjang penelitian yang dilaksanakan ke atas kajian lepas hanya ditemui kajian perkembangan kurikulum matematik secara menyeluruh seperti Asiah (1982) iaitu perkembangan kurikulum matematik sekolah di Malaysia sejak zaman penjajah, Ibrahim(1995) mengenai Kurikulum matematik tahun 2000 dan pemikiran kreatif dan Lai dan Loo (1992) mengenai tinjauan pengkajian dalam pendidikan matematik di Malaysia. Namun,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masih belum ditemui kajian yang melaksanakan pentaksiran autentik dalam KSSR matematik Tahun Satu.

Terdapat banyak kajian kurikulum lepas adalah berkaitan dengan penyediaan modul pengajaran dan pembelajaran (pdp) (Kor, 2008; Munawir & Raihan, 2008; Noraini, 2003 Ong, 2004; Rosihan & Kor, 2004), dan modul penerapan nilai dalam pdp (Ab Rahman, 1994; Habsah, 2000; Mohd Arip, 2000; Musak Mantrak, 1993; Nik Zaharah, 2006; Nor Hayati Alwi, 2001; Robiah, 1999; Tunku Sarah, 1997) namun kurang kajian dilaksanakan berkaitan dengan pembangunan modul pentaksiran bagi kurikulum Matematik di peringkat sekolah rendah kerana kebanyakan kajian pembangunan modul yang telah dilaksanakan hanya berfokus pada proses pdp pada peringkat dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KSSR tidak akan menggantikan KBSR tetapi beriringan dengan kurikulum yang sedia ada (Alimuddin, 2010). KSSR bertumpu kepada penguasaan 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul serta kemahiran asas teknologi komunikasi dan maklumat (TMK), perkembangan emosi, kerohanian, fizikal, kognitif, sikap dan nilai. KSSR pada tahap dua sekolah rendah memberi tumpuan kepada pengukuhan dan aplikasi 4M, kemahiran asas TMK, perkembangan emosi, kerohanian, fizikal, sikap dan nilai (KPM, 2012). KSSR Matematik juga mengalami perubahan kandungan kurikulum iaitu Standard Kandungan iaitu kandungan umum tentang domain kognitif dan domain afektif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KSSR merangkumi domain kognitif dan domain efektif. Domain kognitif ini merangkumi aspek pengetahuan matematik. Domain efektif pula merangkumi sikap dan nilai yang boleh dicapai oleh pelajar dalam sesuatu sub topik. KSSR Matematik tahun satu memfokuskan dua komponen utama iaitu Nombor dan Operasi sebagai komponen pertama dan Sukatan dan Geometri adalah komponen ke dua. KSSR berbeza dengan KBSR dalam Standard Kandungan iaitu melibatkan topik Tambah dan Tolak dalam lingkungan 100, Pecahan, dan Topik Sukatan iaitu Panjang, Timbangan dan Isi padu Cecair. Berdasarkan aspek perbezaan, didapati huraian sukatan pelajaran matematik telah ditingkatkan dan merangkumi pengajaran topik matematik yang lebih mencabar. Hal ini menimbulkan cabaran kepada guru dalam melaksanakan proses pdp matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalannya sekarang, walaupun KSSR telah dilaksanakan dan guru-guru yang terlibat telah diberikan pendedahan oleh jurulatih yang terpilih, serta dibekalkan dengan modul pembelajaran dan pengajaran yang lengkap disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, namun tiada eviden berbentuk autentik dibekalkan kepada guru sebagai garis panduan dalam proses pentaksiran yang dilakukan. Eviden yang dibekalkan adalah berbentuk tradisional iaitu lembaran kerja atau ujian. Ini menyebabkan proses pentaksiran yang dilaksanakan oleh guru adalah sama seperti yang dilaksanakan dalam KBSR. Justeru, guru tidak melaksanakan pentaksiran autentik. Tanggung jawab ini sangat penting khususnya kepada guru yang seharusnya memahami aspirasi dan tujuan perlaksanaan serta matlamat KSSR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menyediakan modul pentaksiran yang membantu guru dalam melaksanakan PBS. Pemilihan topik dilakukan dengan teliti agar M-PA dapat membantu guru dalam memilih eviden pentaksiran semasa pdp. Dua topik dalam mata pelajaran matematik Tahun Satu telah dipilih yang merangkumi bidang nombor dan operasi bagi topik Wang dan bidang sukatan dan geometri bagi topik Masa dan Waktu. Topik ini telah dipilih berlandaskan pengetahuan konsep yang perlu diaplikasi dalam kehidupan seharian (Askew, 2003; & Hughes, Desforges, & Mitchell, 2000). Pemilihan topik-topik juga berdasarkan analisis topik dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Didapati topik ini menyumbang 17.5% bagi kertas satu dan 15% bagi kertas dua (LPM, 2013). Penguasaan pelajar dalam topik ini mempengaruhi gred pencapaian dalam matematik kelak. Faktor ke tiga pemilihan topik ini juga berlandaskan di mana ke dua –dua topik melibatkan Band 1, Band 3 dan Band 6 sebanyak sembilan eviden. Topik Masa dan Waktu melibatkan empat eviden iaitu B1D2E1, B3D5E2, B6D1E2 dan B6D1E3. Topik Wang pula melibatkan lima eviden B1D6E1, B3D4E1, B3D1E2, B6D1E2 dan B6D1E3. Kepelbagaian eviden yang terlibat menyebabkan topik ini sangat sesuai dipilih dalam pentaksiran autentik.

Terdapat beberapa kajian kuantitatif yang menyentuh mengenai kualiti, pengetahuan dan pedagogi seperti Ab Halim et al. (2004); Darling-Hammond, Wise, dan Klein (1995) dan Hatifah (2000). Kajian yang dijalankan oleh Deemer (2004) dan Habsah (2000) memberi penumpuan terhadap kepercayaan guru. Beberapa kajian juga telah dijalankan dalam bidang personaliti guru iaitu antaranya Ab. Halim (2005), Azhar (2006), Che Noraini (2005) dan Masribanun (2004). Kajian mereka melihat personaliti guru melalui persepsi pelajar dan menggunakan instrumen soal selidik. Aspek kemahiran guru juga menarik perhatian para pengkaji seperti Amin (2005) dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tam (1999) yang meneliti faktor-faktor mempengaruhi kemahiran dan kecemerlangan guru. Namun faktor kesediaan, penerimaan dan amalan guru masih jarang dibuat kajian. Selaras dengan itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengetahui tahap kesediaan, tahap penerimaan dan tahap amalan guru matematik Tahun Satu dalam KSSR dan mengenai pembangunan serta pengujian Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) yang boleh digunakan oleh guru bagi tujuan pentaksiran.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengetahui tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan dan tahap pemantauan guru dalam melaksanakan KSSR Matematik Tahun Satu. Ini akan memberikan maklumat yang holistik mengenai guru dalam kurikulum baharu ini iaitu KSSR.

Di samping itu, pembangunan modul pentaksiran bagi membantu guru-guru Matematik melakukan proses pentaksiran dalam pengajaran mereka juga dilaksanakan. Modul ini dikenali sebagai M-PA yang merangkumi topik Wang, dan Masa dan Waktu. Seterusnya, modul ini diuji keberkesanannya dalam menentukan tahap penguasaan pelajar dalam pembelajaran Matematik Tahun Satu.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. menilai tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan dan tahap pemantauan guru dalam melaksanakan pentaksiran dalam KSSR Matematik Tahun Satu.

2. membangunkan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) dalam pengajaran Matematik Tahun Satu bagi topik Wang, dan Masa dan Waktu.

3. menguji keberkesanan penggunaan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) yang dibangunkan dalam membantu guru melaksanakan pentaksiran autentik bagi topik Wang, dan Masa dan Waktu.

4. mengenal pasti pandangan dan masalah yang dihadapi guru pengendali Modul Pentaksiran Autentik (M-PA).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, soalan-soalan kajian berikut dibina:

Bagi objektif 1:

1. Apakah tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan guru dan tahap pemantauan dalam pentaksiran KSSR Matematik Tahun Satu ?

    1.1 Apakah tahap kesediaan guru daripada segi latihan, kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan pentaksiran KSSR Matematik Tahun Satu ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Apakah tahap penerimaan guru daripada segi kepercayaan, pandangan dan kemahuan dalam melaksanakan pentaksiran KSSR Matematik Tahun Satu ?

1.3 Apakah tahap amalan guru dalam melaksanakan pentaksiran KSSR Matematik Tahun Satu ?

1.4 Apakah tahap pemantauan yang diterima oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran KSSR Matematik Tahun Satu ?

Bagi objektif 2:

2. Bagaimanakah Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) yang dibangunkan dalam pengajaran Matematik Tahun Satu dalam topik Wang, dan Masa dan Waktu daripada aspek prosedur dan kesahan pakar ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi objektif 3:

3. Bagaimanakah Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) berkesan dalam membantu guru melaksanakan Standard Prestasi Matematik Tahun Satu?

3.1 Adakah terdapat perbezaan pencapaian pelajar yang mengikuti pengajaran menggunakan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) dengan pelajar yang tidak mengikutinya ?

Bagi objektif kajian 4 :

4.1 Apakah masalah yang dihadapi oleh guru yang menggunakan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) dalam pengajaran Matematik Tahun Satu bagi topik Wang, dan Masa dan Waktu ?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Apakah pandangan guru yang menggunakan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) dalam pengajaran Matematik Tahun Satu bagi topik Wang, dan Masa dan Waktu ?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan soalan kajian 3, hipotesis berikut dibina:

Ho_1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian matematik dalam ujian pra antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen.

Ho_2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian matematik pelajar yang mengikuti pengajaran menggunakan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) dengan pelajar yang tidak mengikutinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian terhadap penilaian kurikulum dapat memberi kefahaman dan maklumat tentang guru sebagai agen pelaksana pentaksiran di sekolah seperti yang dihasratkan oleh kurikulum kebangsaan. Kajian seperti ini penting kerana dapat memberi input untuk penambahbaikan kurikulum demi masa depan (Dusenbury, Brannigan, Falco & Hansen, 2003; & Graber, 2001). Menurut Dusenbury et al. (2003), kajian terhadap pelaksanaan penilaian kurikulum dapat memberi kefahaman terhadap faktor-faktor penyebab kejayaan atau kegagalan dapat dikenal pasti dan diatasi pada masa-masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian terhadap penilaian kurikulum juga dapat memberi makluman sama ada objektif atau standard pembelajaran yang telah ditetapkan dapat dinilai kejayaannya. Sebaliknya, sekiranya tiada kajian penilaian kurikulum dilaksanakan, maka tiada data yang diperoleh untuk menentukan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan kurikulum (Dane & Schneider, 1998). Tambahan pula, kurikulum baharu yang telah dirangka memakan masa, tenaga dan kepakaran (Fullen, 2001). Maka, kajian yang dilaksanakan ini, mampu memberi maklumat yang berguna kepada pihak-pihak berkaitan seperti Pusat Perkembangan Kurikulum dan Panel Penggubal terkini Huraian Sukatan Pelajaran Matematik supaya memberi penekanan kepada aspek penilaian dalam pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pihak berkenaan dapat melaksanakan penambahbaikan dan mengemas kini kandungan kurikulum supaya lebih bersifat praktikal dan mudah dinilai oleh guru dalam usaha memastikan proses pdp serta pentaksiran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Berdasarkan Standard 2 dalam Standard Guru Malaysia, guru perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang mantap dalam merancang dan menyepadukan aktiviti pentaksiran dan pentaksiran dalam pdp. Standard ini adalah untuk mengesan penguasaan dan kemajuan pembelajaran, mengenal pasti kesukaran pembelajaran serta keberkesanan pengajaran guru.

Guru juga perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang jelas dalam menganalisis maklumat pentaksiran. Pengetahuan dan kefahaman ini membolehkan guru membuat keputusan yang mempunyai ciri kesahan dan kebolehpercayaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkaitan dengan proses pentaksiran. Menurut Nik Azis (1997), guru merupakan inti pati dalam melaksanakan reformasi kurikulum. Keyakinan guru untuk berubah dan kesediaan untuk membina skim tingkah laku yang baru merupakan elemen penting bagi memastikan kejayaan suatu reformasi pendidikan. Bahan pengajaran dan pentaksiran adalah penting untuk diguna pakai oleh guru.

Transformasi KSSR turut melibatkan pihak pengurusan pendidikan seperti Jabatan Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah. Pihak ini juga boleh memperoleh manfaat daripada hasil kajian ini dalam merangka kursus-kursus berkaitan dengan KSSR. Bengkel ataupun ceramah dilaksanakan bagi perkongsian input-input berdasarkan M-PA untuk membantu guru melaksanakan proses pentaksiran. Di samping itu, dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu pendidik guru iaitu pensyarah Institut Pendidikan Guru meningkatkan lagi kualiti guru permulaan, guru pra perkhidmatan dan guru dalam perkhidmatan dalam memahami, menghayati dan melaksanakan pentaksiran dalam pengajaran Matematik Tahun Satu dengan lebih berkesan. Kajian ini juga dapat mengembangkan pengetahuan daripada segi pemindahan teori kepada amalan guru dan hasilnya ini dapat membantu meningkatkan mutu pengajaran guru matematik yang bertindak sebagai pelaksana kurikulum (So & Watksins, 2005).

Oleh itu, diyakini kajian yang dilaksanakan ini mampu membuka satu lembaran baru kepada guru untuk melaksanakan proses penilaian autentik KSSR Matematik yang lebih efisien berdasarkan M-PA yang dihasilkan. Penggunaan M-PA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mampu memperlihatkan peningkatan pencapaian Matematik pelajar KSSR Tahun Satu dalam topik Wang, dan Masa dan Waktu menggunakan protokol pemerhatian, projek dan ujian lisan. Penggunaan kepelbagaian instrumen pentaksiran yang digunakan membolehkan pelajar dinilai dengan lebih kesan dan menyeluruh. Kebolehan pelajar dapat dinilai secara autentik. Justeru, ini dapat mengurangkan kebimbangan pelajar jika dinilai menggunakan ujian atau peperiksaan. Domain pengetahuan pelajar dapat dinilai secara langsung dan menyeluruh semasa proses pdp. Secara tepat, pengkaji ingin mencadangkan M-PA yang dihasilkan ini diperluaskan penggunaannya di peringkat kebangsaan.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Menurut Jeffels (2004) kerangka konseptual kajian merujuk kepada struktur set idea dan teori yang digabung jalinkan dalam suatu kajian bagi memudahkan penjelasan objektif kajian dan persoalan kajian. Kajian ini berkenaan tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan guru dan tahap pemantauan dalam pelaksanaan KSSR dan pembangunan modul bagi pentaksiran formatif terhadap penguasaan pelajar dalam Matematik Tahun Satu. Kajian ini juga ialah meninjau sejauh mana M-PA yang dibina dapat melaksanakan proses pentaksiran formatif KSSR matematik tahun satu.

Kerangka teori kajian ini dibina berasaskan Fishbein dan Ajzen (1975) dan Shepard (2000). Shepard (2000) menegaskan bahawa dalam memastikan paradigma dalam sistem pentaksiran dalam sistem pendidikan, guru bertindak sebagai pelaksana dan agen perubahan. Guru perlu dilatih agar mahir untuk melaksanakan perubahan dalam sistem pentaksiran. Guru juga perlu mempunyai keyakinan untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melaksanakan PBS di mana faktor kepercayaan, pengetahuan dan kemahiran adalah asas dalam pelaksanaan pentaksiran. Faktor pemantauan dalam pentaksiran guru yang menggabungkan pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif dalam bilik darjah. Teori ini dipilih kerana bertepatan dengan faktor-faktor yang ingin dikaji.

Menurut Fishbein dan Ajzen (1975), kepercayaan guru dalam suatu perkara akan mempengaruhi sikap, keinginan dan kemahuan untuk melaksanakan suatu perkara tersebut. Mereka mengetengahkan teori tindakan beralasan yang dipercayai boleh menjangkakan tingkah laku. Fishbein dan Ajzen mengehadkan lagi skop teori tindakan beralasan ini dengan menyatakan bahawa aplikasi teori ini hanya untuk situasi yang menunjukkan sikap dan tingkah laku berada dalam keadaan selari. Justeru, aspek kepercayaan akan mempengaruhi amalan pelaksanaan proses pdp. Di samping itu, teori pembelajaran kognitif Piaget dan teori pembelajaran kognitif Bruner juga diaplikasikan dalam kajian ini. Aspek pembelajaran pelajar iaitu pembelajaran Masteri diterapkan dalam pelaksanaan KSSR Matematik. Pentaksiran pelajar adalah secara formatif dan pelajar hendaklah menguasai kemahiran asas sebelum dipindahkan kepada kemahiran yang lebih sukar dan abstrak. Pembangunan eviden pentaksiran oleh guru perlu mengambil kira domain kognitif pelajar iaitu mengikut tahap Taksonomi Bloom dan guru berperanan sebagai pelaksanaan pentaksiran.

Kajian ini menggunakan Model *"*Mutual Benefit Evaluation*"* dan Model *"*Management By Objective Evaluation". Secara rumusan, model kajian memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gambaran konseptual tentang sesuatu aktiviti yang dapat menunjukkan perkaitan antara berbagai elemen yang terlibat dalam aktiviti tersebut dan menyediakan maklumat kajian untuk tujuan membantu dalam membangunkan program (Razali dalam Norasmah, 2002). Pembangunan Modul Pentaksiran Autentik dalam kajian ini adalah dengan mengambil kira model pembangunan modul yang dikemukakan oleh Sharifah Alwiah Alsagoff (1981), Russell (1974) dan Mohd Sidek (2001).

Menurut Tuckman (1994) dan Smith (2004), model konseptual merupakan satu set cadangan perkaitan antara pemboleh ubah kajian yang merupakan input kepada proses dan hasil kajian yang spesifik. Input dalam kajian ini merangkumi konsep asas iaitu tahap kesediaan, penerimaan, amalan dan pemantauan guru dalam KSSR Matematik tahun satu. Seterusnya, pembangunan Modul Pentaksiran Autentik dan pengujian keberkesanan Modul ini dilaksanakan. Justeru, kerangka konsep pelaksanaan kajian ditunjukkan seperti Rajah 1.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1 : Kerangka pelaksanaan Modul Pentaksiran Autentik dalam KSSR Matematik Tahun Satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini akan dijalankan dengan batas-batas tertentu terutama sekali dari segi tempat kajian, responden, masa, tajuk dan tumpuan kajian. Ini kerana menurut Tickle (1999) dan Wiseman, et al. (1999) pengetahuan guru, kurikulum dan sistem pendidikan adalah komponen-komponen yang sangat luas dan mencakupi pelbagai dimensi. Kajian ini hanya melibatkan topik Wang, dan Masa dan Waktu bagi pelajar tahun satu. Justeru, dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan bagi topik-topik lain dalam sukatan pelajaran matematik tahun satu. Batasan kajian ke dua ialah sampel kajian adalah dari sekolah kebangsaan di Kuala Terengganu sahaja.

Di samping itu, M-PA yang dibangunkan dan diuji dalam kajian ini memfokuskan pengaplikasian pentaksiran autentik dalam pengajaran matematik. Secara rumusan, kajian ini berguna dalam mengembangkan pentaksiran autentik berbanding pentaksiran sumatif.

1.10 Definisi Istilah

Berikut adalah definisi istilah yang digunakan dalam kajian ini. Istilah yang digunakan ialah kesediaan guru, penerimaan guru, amalan guru dalam melaksanakan KSSR, pemantauan, eviden, pentaksiran autentik dan Modul Pentaksiran Autentik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Kesediaan Guru

Menurut Kamus Dewan (2002), kesediaan membawa maksud perihal sedia, kesanggupan dan kerelaan. Dalam kajian ini, kesediaan guru merujuk kepada aspek latihan, kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan KSSR. Latihan bermaksud kursus atau pendedahan yang diterima daripada jurulatih utama yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya guru mempunyai kemahiran dalam melaksanakannya. Kemahiran bermaksud kebolehan, kecekapan atau kepandaian guru melaksanakan KSSR. Pengetahuan bermaksud informasi atau maklumat yang diketahui atau disedari oleh guru terhadap KSSR matematik. Pengetahuan termasuk deskripsi, hipotesis, konsep, teori, prinsip dan prosedur KSSR matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Penerimaan Guru

Menurut Garmer (2009) mendefinisikan penerimaan sebagai kemampuan guru untuk memiliki suatu pandangan positif dan dikembangkan secara kendiri. Penerimaan guru dalam kajian ini merujuk kepada kepercayaan, pandangan dan kemahuan guru dalam melaksanakan KSSR. Kepercayaan bermaksud keyakinan atau rasa pasti guru dalam melaksanakan KSSR. Pandangan merujuk kepada pendapat guru mengenai KSSR. Kemahuan merujuk kepada keinginan dan kemahuan guru dalam melaksanakan KSSR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Amalan Guru Dalam Melaksanakan KSSR

Amalan merujuk kepada suatu yang dijadikan kebiasaan oleh seseorang guru. (Little, 2009). Amalan guru dalam melaksanakan KSSR dalam kajian ini merujuk kepada aktiviti guru dalam merancang, menaksir, mengambil tindakan susulan dan merumuskan semasa melaksanakan KSSR. Antara aktiviti merancang adalah seperti menentukan topik pengajaran yang hendak diajar, pentaksiran berdasarkan topik di mana kriteria dan instrumen pentaksiran berdasarkan panduan yang dibekalkan oleh PPK. Aktiviti menaksir ialah mengumpulkan maklumat terhadap penguasaan pelajar dan mengisi maklumat secara berkala bagi menentukan standard prestasi pelajar. Tindakan susulan perlu diambil untuk membetulkan kesilapan pelajar. Aktiviti merumus pula bermaksud guru menentukan tahap atau band yang dicapai oleh pelajar berdasarkan maklumat pentaksiran untuk tujuan pelaporan. Pentaksiran KSSR merangkumi pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Pentaksiran KSSR sebagai pentaksiran formatif bermaksud pentaksiran tersebut digunakan untuk membantu pelajar untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam proses pdp. Pentaksiran sumatif KSSR bermaksud ia digunakan untuk memberikan gred akhir terhadap penguasaan pelajar dalam pentaksiran subjek Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d) Pemantauan

Menurut KPM (2011) pemantauan adalah proses memastikan pelaksanaan PBS mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan. Pemantauan digunakan untuk mengetahui apakah pelaksanaan sesuai dengan kehendak atau ketetapan tugasan, menepati spesifikasi yang telah dipersetujui. Dalam kajian ini pemantauan merujuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada faktor luaran yang menyokong pelaksanaan pentaksiran KSSR Matematik Tahun Satu. Pemantauan ialah aktiviti penyeliaan terhadap pentaksiran KSSR yang dilakukan oleh pemantau dalaman iaitu guru yang dilantik oleh Jawatan kuasa PBS peringkat sekolah dan pemantau luaran yang terdiri daripada pegawai Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Aspek pemantauan ini selaras dengan penjaminan kualiti dalam PBS yang dikemukakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia pada tahun 2012.

e) Eviden

Eviden merujuk kepada kepelbagaian bentuk pentaksiran yang digunakan oleh guru dalam bilik darjah seperti lembaran kerja, ujian lisan, protokol pemerhatian, kerja kumpulan atau projek untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar dalam proses pdp (KPM, 2011). Eviden adalah pernyataan yang menerangkan tentang bagaimana pelajar melaksanakan apa yang diketahui dan boleh lakukan berdasarkan deskriptor yang ditetapkan.

f) Pentaksiran Autentik

Pentaksiran autentik meliputi petnaksiran dari pelbagai aspek merangkumi pengetahuan pelajar, pemahaman mendalam, penyelesaian masalah, kemahiran sosial, sikap terhadap persekitaran, dan simulasi terhadap situasi dunia sebenar. Dalam erti kata lain, pentaksiran autentik ini juga merupakan suatu proses yang melibatkan pelbagai bentuk pengukuran prestasi yang boleh mereflek tahap pembelajaran pelajar, kejayaan, motivasi dan sikap pada aktiviti yang releven (Airasian, 2011). Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini, pentaksiran merujuk kepada pencapaian sebenar yang ditunjukkan oleh pelajar dalam bilik darjah pada sehari hari. Autentik ini meliputi pentaksiran daripada pelbagai aspek merangkumi pengetahuan pelajar, pemahaman mendalam, penyelesaian masalah, kemahiran sosial, sikap terhadap pembelajaran dan simulasi terhadap situasi dunia sebenar. Proses ini melibatkan kepelbagaian bentuk pengukuran prestasi yang boleh mereflek terhadap pembelajaran pelajar dan amalan realistik dalam menilai kemajuan secara berterusan.

g) Modul Pentaksiran Autentik

Modul adalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (pdp) yang dinyatakan mengikut tempoh jangka masa pengajian, lengkap untuk suatu unit pembelajaran, atau terdiri daripada beberapa unit pelajaran yang menunjukkan kesinambungan bahagian-bahagian tertentu dalam suatu mata pelajaran (Mohd Sidek & Jamaluddin, 2005). Modul juga merupakan satu unit yang lengkap, mempunyai kesinambungan dengan unit pembelajaran yang berikutnya dan seterusnya ke arah pencapaian tugasan yang lebih besar atau mencakupi matlamat jangka panjang (Rogers, 2003). Modul juga dapat memberi pengalaman, peneguhan dan pengintegrasian maklumat baru dalam pengajaran (John, 2007). Eviden merujuk kepada bahan bukti yang perlu diurus secara sistematik untuk pentaksiran formatif pelajar. Eviden ini dibahagi kepada dua iaitu Eviden Pelajar yang merujuk kepada keupayaan sebenar tentang apa yang diketahui dan boleh dilaksanakan secara lisan atau perlakuan. Eviden bahan merujuk kepada bukti produk atau proses yang dihasilkan oleh pelajar dalam melaksanakan suatu tugasan. Eviden bahan boleh disediakan secara individu atau kumpulan. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini, Modul Pentaksiran Autentik merujuk kepada modul pdp Matematik yang dilengkapi dengan pentaksiran yang menggunakan eviden bahan dan eviden pelajar.

1.11 Rumusan

Abad ke 21 memperlihatkan perubahan dalam sistem pentaksiran kurikulum khususnya dalam proses pdp Matematik di Malaysia seiring dengan fenomena-fenomena baru seperti globalisasi, maklumat di hujung jari, dunia tanpa sempadan dan sebagainya. Globalisasi antara lainnya merujuk kepada penyebaran idea dari negara-negara maju, khususnya negara barat yang mengindoktrinasikan kepada negara membangun atau dunia ketiga, maklumat di hujung jari pula menggambarkan betapa senangnya segala informasi diperoleh oleh individu dan dunia tanpa sempadan pula memberi gambaran tiada sempadan had untuk memperoleh informasi tersebut. Fenomena ini turut dialami dalam sistem pendidikan termasuklah proses pentaksiran dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan kualiti pendidikan di negara kita adalah bertaraf antarabangsa. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1987), pelaksanaan Wawasan 2020 (1991) dan pelaksanaan KSSR (2011) telah digubal dan dilaksanakan demi mencapai taraf pendidikan yang diinginkan. Fokus pentaksiran dalam KSSR adalah untuk mengurangkan aspek peperiksaan dalam pendidikan sekolah rendah. Dalam usaha ini, guru diharapkan dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan mengaplikasikan kehendak KSSR ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi pembacaan pengkaji, didapati kurangnya kajian yang dilakukan terhadap kurikulum sekolah rendah di Malaysia terutama dalam aspek pembangunan modul pentaksiran. Kajian ini bertujuan membina modul pentaksiran dalam mata pelajaran Matematik Tahun Satu. Guru pengendali modul diminta pandangan tentang modul, masalah dalam penggunaan dan cadangan penambahbaikan diperoleh. Di samping itu, tahap pengetahuan guru dalam KSSR iaitu faktor kesediaan, penerimaan, amalan dan sistem sokongan juga dikaji. Adalah diharapkan bahawa M-PA berupaya memberi panduan kepada guru-guru Matematik dalam usaha melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB DUA

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan penulisan berkaitan dengan kurikulum Matematik dan pentaksiran dalam pendidikan Matematik. Perbincangan dibahagikan kepada lapan bahagian iaitu (1) Kurikulum Matematik; (2) Teori Pembelajaran; (3) Model Pentaksiran Pendidikan; (4) Pembelajaran Masteri; (5) Taksonomi Bloom; (6) Modul dalam Pengajaran Matematik; (7) Pentaksiran dalam Pendidikan Matematik; (8) Faktor Guru.

Kurikulum berasal daripada Bahasa Yunani yang bermaksud jarak yang harus ditempuhi oleh seorang pelari. Definisi kurikulum dalam konteks pendidikan di Malaysia adalah bersifat saintifik dan dinamik, iaitu bermaksud di mana sentiasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengalami perubahan. Perkembangan dan perubahan kurikulum ini berlaku atas desakan dan keprihatinan masyarakat (Heidegger, 2010). Untuk mendapatkan rumusan tentang pengertian kurikulum, para ahli mengemukakan pandangan yang beragam. Dalam pandangan klasik, kurikulum ialah rancangan pelajaran, pelajaran-pelajaran dan resos yang harus disediakan. George (2006, ms.128) mengemukakan bahawa *" A curriculum is a written document which may contain many ingredients, but basically it is a plan for the education of pupils during their enrollment in given school".*

Dalam pandangan moden, pengertian kurikulum lebih dianggap sebagai suatu pengalaman atau sesuatu yang nyata terjadi dalam proses pendidikan, seperti dikemukakan oleh Caswel dan Campbell (2005, ms.79) yang mengatakan bahawa kurikulum *" to be composed of all the experiences children have under the guidance of teachers".* Menurut Ronald (2004, ms.97) pula mengatakan bahawa *" ... the curriculum has changed from content of courses study and list of subject and courses to all experiences which are offered to learners under the auspices".*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Wiles (2005), kurikulum adalah kandungan subjek, perancangan dan pengalaman pembelajaran. Kurikulum merupakan pelan perancangan dalam pendidikan yang melihat dua perkara utama iaitu visi dalam pendidikan dan struktur atau organisasi asas dalam pendidikan. Hamid (2008), mengemukakan bahawa konsep kurikulum dapat ditinjau dalam empat dimensi iaitu dimensi pertama iaitu kurikulum sebagai suatu idea yang dihasilkan melalui teori-teori. Dimensi ke dua kurikulum ialah rancangan tertulis iaitu merujuk kepada idea yang di dalamnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memuat tentang tujuan, bahan, kegiatan, alat-alat dan waktu. Dimensi ke tiga, kurikulum sebagai pelaksanaan daripada kurikulum sebagai suatu rencana tertulis iaitu bentuk pembelajaran. Dan dimensi ke empat, kurikulum sebagai suatu hasil atau implikasi daripada kurikulum iaitu perubahan tingkah laku pelajar atau kemampuan guru. Kurikulum merupakan satu daya usaha institusi pendidikan yang menyeluruh untuk memenuhi tujuan yang diharapkan semasa berada dalam institusi itu. Ini bertujuan membantu pelajar merujuk kepada tujuan yang telah ditetapkan. Dalam membentuk kurikulum perlu ada kriteria, rancangan kurikulum, bahan-bahan pengajaran serta cara menilai yang akan digunakan oleh guru. Terdapat empat persoalan asas yang digunakan untuk membina kurikulum:

(i) Apakah tujuan pendidikan yang dikehendaki untuk dicapai ?

(ii) Bagaimanakah pengalaman pembelajaran yang berguna dipilih untuk mencapai tujuan tersebut ?

(iii) Bagaimanakah pengalaman itu diolah atau disusun untuk mendapat pengajaran yang berkesan ?

(iv) Bagaimanakah keberkesanan pengalaman pembelajaran dapat dinilai ?

Keempat-empat persoalan ini menjelaskan bagaimana proses pendidikan ini mempunyai matlamat tertentu dan dilaksanakan dengan kaedah tertentu terhadap pelajar. Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) menjelaskan bahawa kurikulum meliputi aktiviti yang dilakukan oleh pelajar di bawah kelolaan sekolah atau institusi pendidikan. Ini merangkumi tiga aspek iaitu perkara yang dipelajari oleh pelajar, bagaimana pelajar belajar dan bagaimana guru membantu pelajar belajar. Laporan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawatankuasa Kabinet mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979 (Kementerian Pendidikan, 1979) mendefinisikan kurikulum sebagai :

(i) segala rancangan pendidikan yang dikendalikan sesebuah sekolah atau institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Kurikulum sekolah terbahagi kepada dua iaitu kurikulum akademik (pdp) dan kokurikulum.

(ii) satu rancangan pendidikan yang membendung segala ilmu pengetahuan dan kemahiran, nilai dan norma. Unsur kebudayaan dan kepercayaan yang telah menjadi pilihan masyarakat untuk diturunkan kepada ahli-ahlinya.

Menurut Marsh (2009), memberikan tiga takrifan kurikulum iaitu suatu yang luas dan besar meliputi segala pembelajaran yang berlaku di sekolah, pembelajaran yang telah dirancang dan ditentukan sama ada berlaku dalam kawasan sekolah dan kurikulum adalah suatu yang dirancang dan tidak terhad dalam bilik darjah sahaja. Menurut Schubert (1987, ms.132), kurikulum sebagai subjek kandungan iaitu sebagai *"concepts on tasks to be acquired, planned activities, the desired learning outcomes and experiences, product of culture and an agenda to reform society".*

Pratt (2008) mendefinisikan kurikulum sebagai dokumen penulisan yang secara sistematik mengandungi perancangan maklumat, objektif, kandungan, aktiviti pengajaran, prosedur pentaksiran dan sebagainya. Cronbleth (2002) mendefinisikan kurikulum menerusi tiga soalan iaitu apakah pengetahuan, kemahiran dan pentaksiran berguna, kenapakah pengetahuan, kemahiran dan pentaksiran berguna,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

apakah, kenapakah dan bagaimanakah pelajar menguasai pengetahuan, kemahiran dan pentaksiran. Goodlad dan Su (2002, ms.104) menyatakan kurikulum sebagai *"define curriculum as a plan that consists of learning opportunities for a specific time frame and place, a tool that aims to bring about behavior changes in students as a result of planned activities and includes all the learning experiences received by students with the guidance of the school".*

Kurikulum merupakan nadi dan ilmu teras dalam bidang pendidikan dan menjadi nafas kepada sistem pendidikan negara (Saedah, 2000). Pelaksanaan kurikulum dalam bilik darjah merupakan tahap yang paling sukar kerana ianya melibatkan penglibatan dan pengubahsuaian tingkah laku pelajar (Chan, 2002). Menurut Ornstein dan Hunkins (1998) menyatakan kejayaan dalam pelaksanaan kurikulum adalah satu proses yang boleh membawa suatu perubahan baru. Ini melibatkan proses menstrukturkan semula dan menggantikan kurikulum yang lama dengan yang baru. Proses ini menuntut penyesuaian daripada segi personal, persekitaran pembelajaran, kurikulum yang dimasukkan dan prosedur yang digunakan. Menurut Fullan (2001) pelaksanaan kurikulum adalah proses melaksanakan elemen-elemen seperti idea, program atau satu senarai aktiviti baru kepada sesuatu kurikulum. Pelaksanaan kurikulum ini adalah lebih penting berbanding kurikulum yang didokumentasikan (Wan Harun, 2008). Fullan dan Pomfret (2007) menggariskan dua orientasi pelaksanaan kurikulum iaitu orientasi pra-dominan yang bertujuan untuk menarik minat dan menentukan tahap pelaksanaan sesuatu inovasi kurikulum itu mencapai matlamat sebenar seperti yang dihasratkan. Ini merujuk sebagai konsep pelaksanaan sebenar dengan ketaatan (*fidelity of*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

implementation). Dan orientasi analisis kompleks iaitu analisis tentang bagaimana proses inovasi itu hendak dilaksanakan atau disebut sebagai konsep pengubahsuaian *(mutual adaptasi).*

2.1 Perkembangan Kurikulum Matematik

Kurikulum Matematik adalah bidang pengajian tentang cara manusia melakukan dan mempelajari Matematik di samping bagaimana perlakuan dan pembelajaran tersebut dipengaruhi dan dikembangkan melalui strategi pengajaran (Nik Azis, 2008). Semenjak abad ke-19, kurikulum Matematik telah mencapai perkembangan yang agak mantap. Penggabungjalinan telah berlaku antara teori pembelajaran, pendekatan pengajaran, kaedah pentaksiran, metodologi pengkajian dan gagasan kognitif. Kurikulum Matematik dibentuk untuk membantu guru Matematik mengaitkan teori dengan praktis dan mengamalkan kemahiran refleksi (Seow, 1995).

Awal abad ke-20, perkembangan kurikulum mula menjadi isu penting apabila berlakunya krisis pendidikan di Amerika (Abdul Rahim, 2007). Beberapa buah negara telah mengambil tindakan untuk menilai semula kurikulum pendidikan di negara masing-masing dan ini termasuklah transformasi dalam subjek Matematik telah dilaksanakan Jepun, Singapura, Korea dan Malaysia (Usiskin et al., 2008). Perubahan kurikulum ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor utama iaitu falsafah barat, falsafah Islam, keperluan dalam peningkatan modal insan dalam sektor awam dan swasta, pembangunan dan penyelidikan, keperluan dalam bidang latihan dan pendidikan dan termasuklah sumber tenaga (Glen, 2000; Glenn & Gordon, 2004; Hass, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1.1 Kurikulum Matematik Di Amerika Syarikat

Kurikulum pendidikan di Amerika Syarikat dipengaruhi oleh para imigrasi dan pendidikan berperanan untuk membangunkan kepelbagaian masyarakat menerusi *"new world"* (Rippa, 2002). Sistem pendidikan ini telah mengalami banyak transformasi yang merangkumi perubahan dalam asas dan falsafah pendidikan, kawalan, sistem sekolah dan kurikulum pendidik guru. Sistem pendidikan adalah di bawah kawalan negeri dan tiada sistem sekolah kebangsaan (Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat, 2009). Sistem pendidikan bermula seawal usia 5 tahun pada peringkat rendah. Perubahan pendidikan ini bertujuan untuk memastikan prestasi kecemerlangan pendidikan adalah berada pada tahap antara bangsa (Woo, 2006; Ball, Thames & Phelps, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan pendidikan berlaku kerana didapati kurangnya fokus dalam pendidikan perguruan (Borko & Whitcomb, 2008) dan sukatan pelajaran yang tidak mencukupi dan fokus mata pelajaran yang tidak seimbang. Walaupun, pelajar diperuntukkan banyak masa untuk mempelajari kurikulum Matematik, namun terdapat topik yang diagih tidak sama dan berlaku pengulangan kemahiran bagi gred yang berlainan (Guo, 2005). Di samping itu, berlaku perdebatan dalam pendidikan yang telah menghasilkan inisiatif daripada kerajaan seperti *"No Child Left Behind Act 2000"* yang bertujuan meningkatkan kualiti pendidikan. Kualiti pendidikan ditingkatkan menerusi sistem pentaksiran yang standard. Isu dalam pentaksiran yang berasaskan ujian masih berlaku bagi memastikan pentaksiran secara holistik dapat diaplikasikan (Paige, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum Matematik adalah berbeza antara negeri dalam Amerika Syarikat dan transformasi kurikulum Matematik dipantau oleh *National Council of Teachers of Mathematics* (NCTM) "*Standard*". "*Standard*" banyak mempengaruhi aspek pengkajian, kurikulum dan kaedah dalam pentaksiran. Semenjak tahun 2001, "*Standard"* telah digunakan secara menyeluruh dalam kurikulum baru Matematik di seluruh Amerika Syarikat. Penekanan dalam pendidikan khas telah menjadi fokus utama dalam pendidikan Matematik dalam penyemakan semula kurikulum (Marsh, 2009; NCTM, 2000; Rivera, 2007). "*Standard*" juga telah memperkenalkan "*Principles and Standards for School Mathematics*" yang merangkumi kemahiran dan pengetahuan matematik bagi sekolah rendah.

Perubahan dalam pendidikan matematik merangkumi aspek menjadikan bilik darjah sebagai komuniti Matematik, pengajaran dan pembelajaran (pdp) ke arah logik dan pembuktian Matematik sebagai pengesahan maklumat. Pengajaran matematik pula menjurus ke arah penaakulan Matematik, konjektur, penciptaan dan penyelesaian masalah Matematik serta perkaitan antara idea Matematik dan aplikasi. NCTM telah mengemukakan "*Standard for the Evaluation of Teaching of Mathematics"* iaitu yang merangkumi dua perkara iaitu proses pentaksiran dan fokus pentaksiran. Proses pentaksiran merangkumi proses penentuan matlamat oleh guru, pengumpulan maklumat dan perbincangan secara kolaborasi bagi menentukan reformasi, arah dan penambahbaikan matlamat bagi masa depan.

NCTM juga telah melancarkan "*Standard*" yang menjadi garis panduan pendidikan yang dikenali sebagai *"Principles and Standards for School*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mathematics". Ini yang merangkumi pengetahuan dan kemahiran matematik yang perlu dipelajari pada peringkat sekolah rendah. Dan *"Curriculum Focal Points"* pula mencadangkan topik-topik utama bagi setiap gred. Setiap peringkat matematik diajar mengikut gred dan peruntukan masa khas disediakan bagi tujuan ini. Topik-topik yang dicadangkan ialah operasi tambah dan operasi tolak bagi umur 5 tahun sehingga umur 7 tahun dan lebih bilangan digit bagi umur 8 tahun sehingga umur 9 tahun. Bagi operasi darab bermula pada umur 7 sehingga umur 8 tahun dan lebih bilangan digit untuk umur 9 sehingga 10 tahun. Dan operasi bahagi bermula umur 8 tahun dan lebih bilangan digit bagi umur 9 sehingga 10 tahun.

Di samping itu, topik-topik lain yang diajar ialah Nombor Rasional, Geometri, Pengukuran, Penyelesaian Masalah, Algebra, Kebarangkalian, Statistik, Kemahiran Menaakul juga diajar namun berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain. Kefasihan dalam nombor dan operasi memerlukan kefahaman asas dalam pengiraan, nombor rasional (pecahan, nombor perpuluhan dan peratus), nombor positif dan nombor negatif. Pelajar perlu menunjukkan kefahaman tentang operasi nombor dan nilai tempat. Prosedur penulisan matematik adalah berkaitan dengan prosedur pengiraan dan ini berkaitan dengan simbol algebra. Pelajar juga didedahkan dengan konsep penganggaran dan dikaitkan dengan saiz, jarak dan magnitud serta pemikiran mental.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembelajaran geometri adalah berkaitan dengan kemahiran mengitlakkan dan kemahiran menaakul. Model geometri dan kecerdasan ruang memberi peluang pembelajaran yang berasaskan persekitaran dan menjadi komponen penting dalam penyelesaian masalah. Kemahiran geometri dikaitkan dengan konsep luas dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pecahan, histogram dan *scatter plot* dikaitkan dengan pengendalian data dan graf koordinat. Pembelajaran geometri ini bermula pada peringkat prasekolah dan bidang ini dikaitkan dengan operasi nombor dan digabung jalinkan dengan subjek Sains, Seni dan Pendidikan Jasmani. Bidang Statistik iaitu pengendalian data juga diberi perhatian dalam kurikulum Matematik. Pembelajaran matematik juga dikaitkan dengan teknik pengiraan bagi topik nombor dan operasi nombor, nisbah bagi luas dan isi padu iaitu bidang geometri dan hubungan antara fungsi dan graf iaitu analisis data. Bidang ini telah menggabungkan pengetahuan statistik dan algebra.

Pembangunan kurikulum kebangsaan dan pentaksiran dalam Matematik perlu mematuhi prinsip asas ke arah kecemerlangan kurikulum untuk mengelakkan kepelbagaian Standard yang digunakan bagi negeri-negeri yang berlainan. NCTM telah mengemukakan Standard iaitu "*Curriculum and Evaluation Standards for School Mathematics"*, yang telah dimurnikan pada tahun 2000 dan dikenali sebagai "*Principles and Standards for School Mathematics". Curriculum Focal Points for Prekindergarten through Grade 8 Mathematics: A Quest for Coherence* (2006) yang diadakan untuk mengendalikan isu yang berkaitan fokus kurikulum sebagai rujukan standard. Kurikulum adalah pengumpulan aktiviti yang berfokus dan koheren iaitu memberi penumpuan terhadap kepentingan matematik dan proses pentaksiran. Koheren bermaksud menjurus kepada pengurusan dan integrasi idea matematik yang melihat bagaimana proses penggabungjalinan idea matematik dengan idea yang lain, untuk meningkatkan kemahiran matematik dan penyelesaian masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, fokus kepentingan matematik ialah kandungan matematik dan proses yang dikaitkan dengan masa dan tumpuan pelajar. Kurikulum matematik perlu dikaitkan dengan cabang ilmu matematik dan menyediakan pelajar bagi tujuan pendidikan peringkat tertinggi, pekerjaan dan kewarganegaraan. Kurikulum matematik menyediakan peta minda yang dapat membantu guru dalam membimbing pelajar pada tahap yang tinggi dan berpengetahuan. Guru perlu mengetahui setiap standard yang perlu dicapai oleh pelajar. Aspek pemantauan kurikulum perlu dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaannya adalah menepati sukatan yang telah ditetapkan. Kurikulum matematik menekankan pendekatan penyelesaian masalah di mana pelajar perlu mengaplikasikan pengetahuan dan pembentukan kefahaman baru dalam matematik dapat dilaksanakan. Pelajar digalakkan untuk melaksanakan pemikiran reflektif di mana penyelesaian masalah adalah bahagian terpenting dalam kurikulum Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Urutan dalam aktiviti pentaksiran hendaklah dikaitkan dengan "Standard" yang dikemukakan oleh NCTM (2005) iaitu perancangan, pengumpulan, interpretasi penggunaan maklumat yang dapat meningkatkan pembelajaran Matematik (Lane, 2003). Pengujian di peringkat kebangsaan adalah penting untuk memastikan kualiti pendidikan yang tinggi walaupun pelajar bersekolah yang berlainan jenis. Kualiti ini ditentukan menerusi standard yang ditetapkan oleh *"National Assessment of Educational Progress"* (NAEP). Badan ini diberi mandat untuk membandingkan pencapaian akademik merentas negeri. Terdapat ujian-ujian piawai yang digunakan misalnya; Ujian Diagnostik Aritmetik Stanford (*Stanford Diagnostic Arithmetic Test)* dan Ujian Diagnostik Bushwell-John mengenai proses asas dalam aritmetik (*Bushwell-John Diagnostic Test of Fundamental Processes in Arithmetic)*. Ujian-ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini dilengkapi dengan buku panduan bagi membolehkan guru yang ingin menggunakannya. Namun disebabkan oleh perbezaan kurikulum, ujian-ujian perlu diubahsuai jika perlu digunakan oleh guru untuk penyelarasan pentadbiran. Rumusan, kurikulum dan penilaian telah mengalami perubahan yang sejajar dengan perkembangan pelajar pada masa kini.

2.1.2 Kurikulum Matematik Di United Kingdom

Kurikulum Pendidikan di United Kingdom menjadi rujukan kepada kurikulum di barat dan telah banyak diadaptasi dalam kurikulum negara lain di seluruh dunia (Oon et al., 2011). Negara seperti India, Singapura dan Malaysia telah memperoleh banyak kelebihan dalam kurikulum hasil daripada tinggalan sejarah penjajah British. Sistem kurikulum di United Kingdom terbahagi kepada dua iaitu England dan Scotland, di mana perbezaan antara dua kurikulum tersebut adalah England menekankan bilangan topik yang diajar sementara Scotland pula lebih berfokus kedalaman suatu topik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, sistem kurikulum dibahagikan kepada dua fasa di mana sistem pendidikan bagi sekolah rendah dikenali sebagai *"key stages"*. "*Key stage 1"* iaitu fasa pertama bagi pelajar berusia 5 hingga 7 tahun dan "*Key stage 2"* ialah fasa kedua pula melibatkan pelajar yang berusia 7 hingga 11 tahun. Amalan pendidikan bagi sekolah rendah di mana seorang guru bertanggungjawab terhadap pelajaran dan kebajikan pelajar. Ini bertujuan menghasilkan hubungan yang baik dan mengetahui prestasi secara berterusan bagi setiap pelajar. Tujuan utama kurikulum pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rendah ialah untuk meningkatkan penguasaan standard kemahiran asas literasi, numerasi, Sains, Sejarah, Geografi dan Sains Sosial.

Perdebatan dalam pendidikan telah menghasilkan impak yang mendalam kepada pendidikan. Pada tahun 1992, Kurikulum Kebangsaan telah direka bentuk untuk memastikan semua pelajar dapat menguasai kemahiran asas dalam topik (Machin & Vignoles, 2006) dan subjek utama iaitu Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris adalah wajib bagi pelajar yang berusia 5 hingga 16 tahun. Reformasi pada tahun 1998 dengan tertubuhnya *"National Literacy and Numeracy Strategy"* yang bertujuan untuk mengatasi kelemahan dalam literasi dan numerasi. Di samping itu, pentaksiran secara berterusan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan tahap penguasaan pelajar (Machin & McNally, 2004). Pada tahun 2007, kerajaan telah mengadakan *"The Children Plan"* yang bertujuan untuk menjadikan England sebagai tempat yang terbaik bagi kanak-kanak bagi melaksanakan *"World-class schools"* dan *"World-class standards"* (DCSF, 2008).

Berdasarkan Jadual 2.1 menunjukkan berlaku transformasi dalam pendidikan sekolah rendah di United Kingdom yang berlaku dalam semua mata pelajaran termasuk Matematik. Ini menjadikan subjek Matematik lebih bermakna dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian pelajar. *"The Qualification and Curriculum Authority (QCA), 2007"* menekankan prinsip utama dalam mereka bentuk kurikulum ialah kefahaman dalam literasi dan numerasi di samping pembangunan personal pelajar dan penguasaan ilmu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Perubahan dalam Kontinum dari EYFS dalam "Key Stage 1".

Bidang dalam Matlamat Pembelajaran 2008	**Bidang dalam Matlamat Pembelajaran – 2009**
Penyelesaian Masalah, Penaakulan dan Numerasi	Kefahaman Matematik
Pengetahuan dan kefahaman Dunia	Saintifik dan Teknologi
Pembangunan Kreatif	Kefahaman Seni
Personal, Sosial dan Pembangunan Emosi	Kefahaman pembangunan fizikal, kesihatan dan kesejahteraan
Komunikasi, Bahasa dan Literasi	Bahasa Inggeris, komunikasi dan Bahasa – ICT merentas pembelajaran.

Sumber : DCSF, Rose., Independent Review of the Primary Curriculum Final Report. 2009.

QCA juga menekankan aplikasi pengetahuan Matematik antara subjek. Kerangka konsep kurikulum menjadikan perkaitan ini menjadi lebih eksplisit dan pengurusan menjadi lebih berkesan (DCSF, 2009a). DCSF mengemukakan laporan "*Your child, Your Schools, Our Future: Building for a 21st Century Schools System"* iaitu kurikulum Matematik menjadi lebih anjal, dengan memberikan kuasa autonomi dan meningkatkan pembangunan akademik (DCSF, 200b). Bidang kurikulum matematik yang dikemukakan ialah nombor, pengiraan dan bentuk, ruang dan pengukuran. Pada peringkat *"Key Stage 1 and 2" "Primary National Strategy"* (PNS) membahagikan perancangan kurikulum kepada lima bahagian iaitu:

i) Pengiraan, cerakinan dan pengiraan

ii) Pengetahuan fakta asas nombor dan pemahaman bentuk

iii) Pengendalian Data dan Pengukuran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv) Pengiraan, pengukuran dan pemahaman bentuk

v) Penguasaan Fakta Asas, Perhubungan dan Pengiraan

Bahagian-bahagian di atas mengaplikasikan penyelesaian masalah matematik, teknik menyoal matematik dan komunikasi matematik. Pentaksiran pendidikan, penguasaan dan potensi pelajar adalah aspek utama dalam pentaksiran pendidikan iaitu pentaksiran sumatif dan pentaksiran untuk pendidikan iaitu pentaksiran formatif (Jones & Allebone, 2000). Pendidikan sekolah rendah adalah menggabungkan pencapaian sekolah rendah dan pra sekolah di mana tempoh pelaksanaan adalah 6 tahun. *"Assessing Pupils Progress"* (APP) dan DCSF, 2008b menyatakan pentaksiran adalah bertujuan untuk:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Pentaksiran tepat: mengetahui standard, menilai kerja pelajar dan pentaksiran berdasarkan kurikulum kebangsaan.

ii) Pentaksiran adil: mengetahui kaedah pentaksiran adalah sah.

iii) Kebolehpercayaan pentaksiran: mengetahui andaian yang konsisten dan berdasarkan bukti-bukti.

iv) Penggunaan pentaksiran: mengenal pasti halangan untuk pelajar maju dan menggunakan maklumat untuk perbincangan selanjutnya.

v) Pentaksiran berfokus: mengenal pasti bidang-bidang yang sukar dikuasai oleh pelajar.

vi) Pentaksiran berterusan: maklumat pentaksiran dapat digunakan antara sekolah dan tahun.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya, prinsip pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif diamalkan dan menurut New National Curriculum (2014), pentaksiran kendiri adalah kemahiran yang perlu diajar, dan pelajar perlu mempunyai objektif dan sasaran dalam kerja. Guru mempunyai autoriti yang tinggi untuk melaksanakan penilaian dalam pdp.

2.1.3 Kurikulum Matematik Di Finland

Kejayaan pelajar Finland dalam *"The Program for International Student Assessment"* (PISA) pada 2000, 2003 dan 2006 dalam numerasi dan literasi telah menyebabkan Finland memperoleh pengiktirafan pada peringkat antarabangsa (Kupiainen, Hautamaki & Karjalaibnen, 2009). Sistem pendidikan di Finland telah memberi peluang kepada sekolah untuk membentuk kurikulum yang tersendiri. Sistem pendidikan juga menekankan keadilan kepada semua pelajar tanpa mengira latar belakang sosial di mana fokus utama adalah memberi sokongan dan bimbingan. Perbandingan merit dan persaingan antara pelajar adalah wajib selama sembilan tahun bermula usia tujuh tahun. Kurikulum di Finland menekankan kepada tiga faktor iaitu fleksibiliti dan kepelbagaian kurikulum menerusi maklumat dan sokongan, nilai yang sama bagi pembangunan individu yang seimbang dan pembelajaran yang merangkumi aspek pengetahuan, personaliti, nilai moral, kreativiti dan memupuk budaya secara profesional.

Guru berautonomi dalam melaksanakan proses pdp dan mereka bentuk pentaksiran untuk memperoleh maklumat (Sclafani, 2008). Pihak komuniti seperti ibu bapa sentiasa dijemput turut serta dalam perbincangan dan perbengkelan demi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan kualiti pendidikan (Korpela, 2009). Polisi pendidikan di Finland mengutamakan pelaksanaan kurikulum bagi pendidikan asas secara percuma dan konsep makanan sekolah diberikan secara percuma kepada semua pelajar. Pada tahun 2011, "*the Finnish National Board of Education*" telah melaksanakan projek pembangunan untuk meningkatkan pendidikan secara global bagi meninggikan mutu pendidikan.

Kurikulum pendidikan di Finland berfokus kepada perkembangan individu, identiti kebudayaan dan antarabangsa, kemahiran media dan komunikasi, kewarganegaraan dan keusahawanan, tanggungjawab terhadap persekitaran, kesejahteraan dan masa depan, keselamatan dan lalu lintas, teknologi dan individu. Nilai utama yang ditekankan ialah kemanusiaan dan demokrasi dan pendekatan pembelajaran secara konstruktivis sosial. Struktur kurikulum matematik sekolah rendah di Finland ialah berfokuskan keobjektivitian, ketetapan subjek dan domain subjek Matematik. Penghuraian prestasi bagi domain matematik ialah Gred 1 dan Gred 2 sebanyak enam jam, Gred 3, 4 dan 5 sebanyak 12 jam dan Gred 6, 7, 8 dan 9 pula sebanyak 14 jam. Jumlah keseluruhan bilangan jam ialah 32 jam. Domain Mata pelajaran iaitu topik matematik yang dipelajari ialah seperti Jadual 2.2 berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2 :

Domain subjek Matematik dalam Pendidikan Matematik Sekolah Rendah di Finland.

Domain matematik	***Gred***		
	Gred 1-2	***Gred 3-5***	***Gred 6-9***
Nombor dan Pengiraan	/	/	/
Geometri	/	/	/
Pengukuran	/		

sambungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Algebra	/	/	/
Pemprosesan Data dan Statistik			/
Kebarangkalian dan Statistik			/
Fungsi			/
Kaedah dan Kemahiran berfikir			/

Sumber : Finnish National Board of Education, 2012

Menurut Kilpatrick dan Swafford (2002) kurikulum Matematik telah menggunakan konsep *"Mathematical proficiency"* yang merangkumi lima kerangka utama iaitu:

(i) *"Adaptive reasoning"* – penggunaan logik Matematik untuk menerangkan dan menyelesaikan masalah atau pengembangan dalam mempelajari suatu yang belum diketahui. Pengaplikasian pengetahuan dan bahasa matematik, untuk menerangkan atau berkomunikasi dalam matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(ii) *"Strategic Competence"* – digunakan untuk merangka masalah Matematik dan merancang strategi untuk menyelesaikan dengan menggunakan konsep dan prosedur yang sesuai. Penggunaan Model Polya dalam penyelesaian masalah adalah asas dalam proses pembelajaran dan pengajaran matematik.

(iii) Kefahaman konseptual – merujuk kepada pemahaman konsep matematik yang menyeluruh, operasi dan hubungan, mengetahui simbol matematik, diagram dan maksud prosedur.

(iv) "*Productive Disposition"* – merujuk kepada memahami matematik, penggunaan dan melakukan Matematik. Ini melibatkan domain afektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang merangkumi aspek kepercayaan, tingkah laku dan pandangan mengenai matematik.

(v) "*Procedural Fluency"* – bertujuan untuk melaksanakan prosedur Matematik seperti melakukan operasi tambah, tolak darab dan bahagi secara fleksibiliti, tepat, berkesan dan sesuai. Pelajar dapat menguasai kemahiran mengira secara mekanikal, menggunakan algoritma dan mengikut prosedur.

Kerangka ini adalah tunjang utama dalam kurikulum Matematik di Finland iaitu berfokuskan pemikiran Matematik sebagai pemprosesan pengetahuan dan melahirkan pemikir Matematik. Pentaksiran pendidikan dilaksanakan secara tidak langsung semasa proses pdp. Maklumat daripada proses pentaksiran ini amat bermakna kepada sekolah dan pelajar. Sistem pentaksiran kebangsaan, senarai kedudukan pelajar dalam bilik darjah dan sistem pemantauan tidak wujud di Finland. Ibu bapa juga boleh mengikuti perkembangan secara *"online"* manakala pihak sekolah menyediakan pangkalan data yang lengkap tentang pelajar untuk disemak oleh ibu bapa. Secara rumusan, sistem pendidikan di Finland berfokuskan kepada keperluan pelajar dan menolak sistem pengasingan pelajar mengikut kebolehan.

2.1.4 Kurikulum Matematik Di Singapura

Kurikulum pendidikan Matematik bermula 1981 oleh CDIS (*Curriculum Development Institute of Singapore)* kini dikenali sebagai CPDD (*Curriculum*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Planning & Development Institute of Singapore). Kurikulum Matematik memberi fokus kepada kandungan subjek Matematik dan kurang penekanan dalam penyelesaian masalah. Penyemakan semula kurikulum telah dilakukan pada tahun 1992 yang berorientasikan kurikulum penyelesaian masalah seperti pengaplikasian novel dalam Matematik.

Pada tahun 1999, Kementerian Pendidikan Singapura memutuskan untuk mengurangkan kandungan sebanyak 30% untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir dan mengintegrasikan teknologi maklumat. Kandungan subjek yang dikurangkan ialah konsep atau kemahiran yang bukan asas kepada subjek Matematik, kandungan atau kemahiran yang bertindan dalam subjek yang sama atau subjek yang lain, kandungan yang memfokuskan dalam kemahiran teknikal berbanding kefahaman konseptual yang tidak relevan dengan amalan kehidupan semasa, kandungan yang terlalu abstrak dan sukar difahami seperti pembahagian pecahan (Kementerian Pendidikan Singapura, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahun 2001, reformasi dalam pendidikan matematik di Singapura melibatkan metodologi pengajaran, pendekatan pembelajaran dan mod pentaksiran. Ini bertujuan meningkatkan kemahiran kewarganegaraan, teknologi maklumat dan pemikiran kreatif. Perubahan kurikulum matematik sekolah rendah yang berlaku pada tahun 2007, di mana kalkulator diperkenalkan pada tahap 5, pengurangan mental matematik dan kombinasi unit dalam topik pengukuran. Visi Kementerian Pendidikan Singapura ialah "Sekolah Pemikir, Pembelajaran Kebangsaan" adalah untuk menyediakan generasi yang pemikir dan rakyat yang komited dan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bertanggungjawab terhadap pembangunan dan kemajuan. Kementerian juga berperanan menyemak semula kurikulum bagi memastikan kemahiran dan pengetahuan yang diajar di sekolah memenuhi cabaran abad ke 21.

Kurikulum Kebangsaan Singapura bertujuan meningkatkan potensi pelajar sepenuhnya, mengenal pasti bakat dan pembangunan pembelajaran sepanjang hayat. Pelajar didedahkan dengan pengalaman untuk meningkatkan kemahiran dan nilai yang diperlukan dalam kehidupan. Kurikulum yang luas ini merangkumi literasi, numerasi, dwibahasa, sains, kemanusiaan, estetika, pendidikan jasmani, sivik, pendidikan moral dan pendidikan kebangsaan. Rajah 2.1 menunjukkan bidang dalam pendidikan iaitu merangkumi nilai, pengetahuan dan kompetensi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1: Pengalaman Pembelajaran . Kurikulum Kebangsaan Singapura, 2007

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum Matematik di Singapura pada "Primary 1" sehingga "Primary 6", agihan topik yang diajar adalah seperti Jadual 2.3.

Jadual 2.3

Agihan Topik bagi Primary 1 sehingga Primary 6.

Topik/Sub topik	**Peringkat**					
	Primary 1	Primary 2	Primary 3	Primary 4	Primary 5	Primary 6
1. Nombor Bulat	/	/	/	/	/	-
2. Pengukuran	/	/	/	/	/	/
3. Geometri	/	/	/	/	/	/
4. Data Analisis	/	/	/	/	/	/
5. Pecahan		/	/	/	/	/
6. Nombor Perpuluhan				/	/	-
7. Peratus					/	/
8. Nisbah						/
9. Laju						/
10. Algebra						/

Sumber : Kurikulum Kebangsaan Singapura, 2007

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 2.3, secara umumnya pembelajaran matematik peringkat sekolah rendah di Singapura bermula pada *Primary* 1 sehingga *Primary* 6. *Primary* 1 sehingga *Primary* 3 melibatkan penguasaan konsep asas dalam matematik yang merangkumi topik nombor bulat, pengukuran, geometri, data analisis, pecahan dan nombor perpuluhan. Primary 4 sehingga Primary 6 merangkumi topik peratus, nisbah, laju dan algebra. Kurikulum Matematik juga bertujuan membolehkan pelajar membangunkan kefahaman konsep Matematik yang berkaitan dengan topik nombor, geometri, statistik dan algebra. Kurikulum juga berkaitan dengan mengenal pasti hubungan spatial antara bentuk 2 dimensi dan bentuk 3 dimensi, menggalakkan penggunaan sistem unit, penggunaan bahasa Matematik, simbol dan diagram untuk menyampaikan idea Matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum juga membolehkan pelajar melakukan operasi yang berkaitan dengan nombor bulat, pecahan, nombor perpuluhan, penggunaan geometri, melakukan operasi algebra yang mudah, penggunaan kalkulator, mengaplikasikan konsep Matematik untuk menyelesaikan masalah dan penggunaan heuristik untuk menyelesaikan masalah. Kurikulum ini juga bertujuan menggalakkan pemikiran secara logik dan pemikiran deduktif, menggalakkan aplikasi inkuiri penemuan menerusi aktiviti penyiasatan dan pembelajaran Matematik secara seronok. Kepelbagaian aktiviti digunakan dalam proses pembelajaran Matematik. Secara rumusan, kurikulum Matematik adalah berbentuk spiral yang menggabungjalinkan hubungan antara konsep, kemahiran dan proses (Lee, 2007).

Pentaksiran pendidikan kebangsaan bertujuan mengekalkan standard dan bertujuan sebagai penanda aras. Mod pentaksiran, format pentaksiran dan item-item pentaksiran sentiasa disemak berdasarkan pentaksiran formatif. Kepakaran guru dan pengalaman digunakan dalam penyediaan dokumen kurikulum dan bahan pengajaran. Item pentaksiran adalah berbentuk autentik. Mod pentaksiran autentik digunakan dalam menyediakan pelajar yang mampu menghadapi cabaran pada masa depan. Kesimpulan, kurikulum disediakan untuk memenuhi keperluan negara di mana guru berperanan untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1.5 Kurikulum Matematik Di Malaysia

Pendidikan Matematik telah mengalami beberapa transformasi berikutan perubahan dalam sistem sosial dan budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Menurut Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak (2013), transformasi pendidikan perlu dilaksanakan bagi melahirkan generasi yang berfikir di luar kotak. Perubahan kurikulum perlu dilaksanakan untuk melahirkan generasi pelajar yang dapat berfungsi secara berkesan, berakhlak, kreatif dan produktif dalam proses keharmonian, perpaduan dan pembangunan negara dan selaras dengan hasrat kurikulum yang dinayatakan dalam Penyata Razak (1956), Laporan Rahman Taib (1960), Akta Pelajaran 1961 dan Laporan Rahman Talib (1960), Akta Pelajaran 1961, dan Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KBSR bertujuan mengembangkan salah satu kemahiran asas iaitu kemahiran mengira dalam kalangan pelajar. Kurikulum ini memakan masa enam tahun ini, di mana pelajar dibimbing untuk mengembangkan kemahiran mengira melalui pemikiran kuantitatif iaitu mengikuti langkah-langkah yang logik. Perkembangan kemahiran mengira diperkukuhkan dengan membabitkan pelajar dalam aktiviti menyelesaikan masalah, pengukuran, penghampiran, anggaran, membaca jadual, membentuk graf yang mudah, menyusun data dan berkomunikasi dengan menggunakan bahasa matematik. KBSR juga membolehkan pelajar memahami beberapa pola dan ciri nombor dengan menggunakan sistem nombor perpuluhan. KBSR dapat merangsang minat pelajar untuk menghayati matematik dengan lebih mendalam. KBSR dibahagikan kepada dua tahap iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Tahun 1 selama tiga tahun adalah bertumpu kepada penguasaan empat operasi aritmetik iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi; dan

(ii) Tahap 2 selama tiga tahun adalah bertumpu kepada pengukuhan kemahiran mengira dan penggunaan kemahiran tersebut untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian.

Secara khususnya, KBSR ini membolehkan pelajar menguasai kemahiran menulis angka, membilang dan menyatakan nilai tempat, menguasai kemahiran dalam empat operasi aritmetik yang asas iaitu operasi tambah, operasi tolak, operasi darab dan operasi bahagi, menguasai kemahiran mengukur, menyukat dan menimbang, menyatakan waktu dan menentukan nilai wang, mengenal dan menamakan bentuk dua dan tiga dimensi seperti segi empat, segi tiga, bulatan, kubus, kuboid, silinder, sfera, kon dan piramid serta mengetahui ciri-ciri bentuk tiga dimensi, menyelesaikan masalah yang melibatkan bilangan, sukatan, timbangan, wang, jarak, ruang dan masa, membuat anggaran dan penghampiran dan merekod dan membaca himpunan data dalam bentuk jadual dan graf yang mudah.

Pentaksiran dalam Matematik KBSR boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu pentaksiran formatif, pentaksiran sumatif dan pentaksiran kemajuan (Nik Azis, 1992). Pentaksiran formatif ialah untuk memberi maklum balas perkembangan proses pdp sama ada perkembangan itu positif atau negatif (Nik Azis, 1992; Seow, 1995). Pentaksiran ini bertujuan menentukan sama ada pelajar telah menguasai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu kemahiran secara menyeluruh selaras dengan objektif pembelajaran daripada segi kognitif, afektif dan psikomotor. Guru perlu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar dan mengambil tindakan susulan untuk meningkatkan penguasaan pelajar.

Pentaksiran memberi maklumat mengenai tahap pencapaian dalam pengetahuan dan kemahiran, perkembangan minat dan daya kreatif, penghayatan nilai murni, kebolehan amali dan perubahan sikap. Format pentaksiran formatif dijalankan selepas pelajar mempelajari sesuatu kemahiran asas Matematik dan ini membolehkan guru mengambil tindakan langsung untuk mengatasi suatu masalah yang dihadapi. Pentaksiran sumatif pula digunakan untuk mengesan secara menyeluruh tahap pencapaian pelajar di akhir beberapa unit pelajaran Matematik. Matlamat pentaksiran ini membolehkan gred pencapaian pelajar direkodkan dalam Rekod Profil pelajar. Di samping itu, guru juga melaksanakan pentaksiran kemajuan yang digunakan untuk mengesan tahap kemajuan pelajar yang direkodkan dalam Rekod Prestasi pelajar. Berdasarkan keputusan ini, guru akan merancang aktiviti pengayaan dan aktiviti pemulihan untuk pelajar.

KSSR mula diperkenalkan pada tahun 2011 secara berperingkat bermula tahun satu di seluruh Malaysia, setelah mendapat kelulusan JKP Bil1/2008 pada 4 Ogos 2008. Perubahan kurikulum ini adalah berlandaskan analisis keperluan yang dipengaruhi oleh faktor polisi, trend dunia, pengkajian pentaksiran, teori pembelajaran dan pendapat awam. Perubahan kurikulum ini merangkumi proses perancangan, pembangunan dan pengembangan, penyebaran, pelaksanaan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pentaksiran dan pemantauan. Matlamat KSSR Matematik ialah membina pemahaman pelajar tentang konsep nombor, kemahiran asas dalam pengiraan, memahami idea Matematik yang mudah dan berketerampilan mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran Matematik secara berkesan dan bertanggungjawab.

Fokus kurikulum KSSR Matematik ialah memberi keutamaan dalam penguasaan pengetahuan dan pemahaman bagi membolehkan pelajar mengaplikasikan konsep, prinsip dan proses matematik yang dipelajari. KSSR ini mengaplikasikan kemahiran penyelesaian masalah, komunikasi, penaakulan, perkaitan dan penggunaan teknologi dalam matematik. Kandungan KSSR matematik ini merangkumi empat bidang pembelajaran iaitu Nombor dan Operasi, Sukatan dan Geometri, Perkaitan dan Algebra dan Statistik dan Kebarangkalian (KSSR, 2010). Bidang pertama ialah Nombor dan Operasi merangkumi topik nombor bulat, penambahan, penolakan, pendaraban, pembahagian, operasi bergabung, pecahan, nombor perpuluhan dan wang. Bidang ke dua iaitu sukatan dan geometri pula merangkumi topik masa dan waktu, ukuran panjang, timbangan, isi padu cecair, bentuk tiga dimensi dan bentuk dua dimensi. Bidang ke tiga iaitu perkaitan dan algebra dan bidang ke empat ialah Statistik dan Kebarangkalian yang merangkumi topik perwakilan data, purata dan peratus.

Menerusi proses penyelesaian masalah, pelajar berupaya membina konsep dan pengetahuan Matematik. Menerusi proses komunikasi, pelajar dapat menjelaskan dan memperkukuhkan pemahaman matematik, menyampaikan pemikiran matematik secara koheren dan jelas kepada rakan dan guru. Guru berperanan sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penganalisis dan penilai pemikiran matematik. Dalam KSSR juga melibatkan proses menaakul iaitu sebagai asas untuk memahami matematik dengan lebih berkesan. Pelajar dapat membuat konjektur, membuktikan konjektur, memberi penerangan logik, menganalisis, membuat pertimbangan, menilai dan memberi justifikasi terhadap semua aktiviti matematik. Di samping itu, anggapan matematik sebagai hanya satu set prosedur atau algoritma yang perlu diikuti bagi mendapatkan penyelesaian adalah tidak benar. KSSR juga berkaitan dengan proses membuat kaitan iaitu mengaitkan pengetahuan konseptual dan prosedur. Topik-topik dalam kurikulum matematik mempunyai perkaitan antara satu sama lain dan juga perkaitan dengan bidang lain. KSSR ini juga berkaitan dengan proses membuat perwakilan di mana pelajar berupaya mencipta dan menggunakan perwakilan untuk mengorganisasikan, merekod dan mengkomunikasikan idea matematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum matematik juga menekankan kemahiran numerasi, mengukur dan membina, mengendali dan mentafsir data, manipulasi aritmetik, manipulasi algebra, menggunakan algoritma dan menggunakan alat matematik dan TMK. Kemahiran ini juga merujuk kepada keupayaan menggunakan laras bahasa matematik yang betul dan mengaplikasikan penaakulan matematik, menyatakan idea matematik secara jitu, membuat, menguji dan membuktikan konjektur, mengekstrak makna daripada suatu penulisan matematik dan menggunakan matematik untuk memerihalkan dunia fizikal. KSSR matematik juga mengembangkan kemahiran menganalisis di mana melibatkan keupayaan berfikir secara jelas, memberi perhatian dan penelitian kepada setiap aspek, memanipulasi idea yang tepat, jitu dan terperinci, memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penaakulan yang kompleks, konstruksi dan mempertahankan hujah yang logik dan mendebatkan hujahan yang tidak munasabah.

Kurikulum matematik juga dikaitkan dengan kemahiran membuat pengkajian iaitu proses merujuk nota, buku teks dan bahan sumber lain, mengakses buku di perpustakaan, menggunakan pangkalan data dan mendapatkan maklumat daripada individu. Kurikulum matematik berupaya memperkembangkan aspek afektif dalam pembelajaran iaitu tanggapan terhadap matematik dan kegunaan, minat dan keseronokan, penghargaan terhadap keindahan dan keupayaan matematik, keyakinan menggunakan dan mengaplikasikan matematik serta cekal dan tabah dalam menyelesaikan masalah. Ini merujuk kepada nilai yang berkait dengan pembentukan sahsiah dan keperibadian individu seperti jujur, sistematik, bertekad, tekun dan cekal, kreatif, berkeyakinan, teliti, pengurus masa yang baik, berdikari, boleh dipercayai, cekap, bertanggungjawab, sabar dan berdedikasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum matematik telah menyediakan Standard Kandungan (SK) iaitu kenyataan umum tentang domain kognitif dan afektif yang boleh dicapai oleh pelajar dalam sesuatu sub topik, disusun mengikut hierarki pembangunan konsep. SK hendaklah realistik, sesuai dengan peringkat kebolehan dan umur pelajar. Standard Pembelajaran (SP) pula merujuk kenyataan khusus tentang apa yang pelajar tahu dan boleh lakukan daripada segi pengetahuan dan keupayaan melakukan sesuatu. Ini membolehkan guru mengesan prestasi pelajar dalam pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam bentuk yang boleh diukur. SP tidak menunjukkan langkah atau kaedah pengajaran. Ini bertujuan memberi ruang dan peluang kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru menggunakan kreativiti dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

SP mempunyai ciri-ciri iaitu realistik, boleh dilaksanakan oleh pelajar pada peringkat umur tersebut dan dalam persekitaran pembelajaran serta menuntut pelajar melakukan Matematik. Kandungan SP ini adalah mengikut hierarki dan berpadanan dengan SK. KSSR matematik tahun satu merangkumi dua bidang iaitu nombor dan operasi, sukatan dan geometri. Isi kandungan bagi bidang Nombor dan Operasi ialah nombor bulat hingga 100, tambah dalam lingkungan 100, tolak dalam lingkungan 100, pecahan dan wang. Topik pecahan adalah elemen baru yang dimasukkan dalam KSSR. Bidang Sukatan dan geometri pula merangkumi topik masa dan waktu, panjang, timbangan, isi padu cecair dan ruang (Huraian Sukatan Matematik KSSR Tahun Satu).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1.6 Kajian Dalam Kurikulum

Kurikulum Matematik telah mengalami banyak perubahan sejak awal 80an disebabkan oleh perubahan kurikulum pendidikan di Malaysia. Kurikulum Matematik sekolah rendah tidak diwartakan sebelum 1965. Namun selepas tempoh tersebut kurikulum Matematik telah mengalami reformasi dan ini menuntut kajian terhadap kurikulum dilaksanakan. Ini bertujuan penambahbaikan khususnya untuk mengetahui perkara-perkara yang menyebabkan kurikulum ini tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Kurikulum ini merupakan landasan yang terbaik bagi membentuk individu yang seimbang dan syumul sejajar dengan Falsafah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidik Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Hasil kajian ini juga dapat memberi input dan informasi yang berguna kepada perancang kurikulum di peringkat kebangsaan seperti Pusat Perkembangan Kurikulum. Kajian yang berkaitan dengan KBSR telah banyak dilakukan. Antaranya ialah Faridah & Sharifah Maimunah, 1996; Habibah, 2004; Mohammed Rahim, 2001 dan Mohd Ali, 2002.

Menurut Muhardi (1996) yang telah menjalankan kajian untuk menilai pelaksanaan KBSM di peringkat persekolahan menengah rendah terhadap pengetua, guru dan pelajar mendapati amalan pdp guru adalah selaras dengan KBSM. Dapatan kajian juga menunjukkan sikap guru-guru mata pelajaran Sains kurang positif terhadap program KBSM. Maaris (1996) telah menjalankan kajian untuk menilai keberkesanan kursus dalam perkhidmatan KBSM mendapati keseluruhannya, guru-guru belum memahami sepenuhnya konsep KBSM namun korelasi yang positif (r =.29) dalam menjalankan aktiviti berkaitan penerapan nilai-nilai murni. Dapatan kajian Sharifah Nor Puteh (1995) mendapati perubahan yang diharapkan dan ingin dibawa oleh KBSM amat kurang dilaksanakan di bilik darjah. Kajian Mohd Majid (1995) pula mendapati pelaksanaan KBSM mungkin kurang sesuai kerana faktor budaya pendidikan yang menekankan matlamat peperiksaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Lyn (2007), kajian mengenai kurikulum matematik sekolah rendah di Australia adalah satu cabaran. Ini kerana melibatkan peningkatan pemikiran kreatif dan fleksibiliti penggunaan idea matematik dalam konteks inter disiplin. Dapatan kajian ini juga mendapati, kurikulum ini tidak mempunyai perkaitan dengan subjek lain. Menurut Sabelli (2006), pendekatan berasaskan model dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran matematik bertujuan menjadikan perlaksanaan kurikulum matematik lebih mendalam dan lebih difahami oleh pelajar.

2.2 Teori Pembelajaran

Teori pembelajaran juga didapati mempengaruhi amalan pengajaran guru matematik khususnya dalam pengajaran tahun satu seperti teori perkembangan kognitif Piaget dan teori pembelajaran Bruner. Piaget (1964) telah mengkategorikan perkembangan kognitif kepada empat peringkat umur iaitu sensori motor (daripada lahir hingga 2 tahun), pra operasi (2-7 tahun), operasi konkrit (7-11 tahun) dan operasi formal (11 tahun ke atas). Peringkat operasi konkrit mempunyai kaitan dengan kajian ini kerana pengajaran dilakukan dalam kalangan pelajar tahun satu yang berumur tujuh tahun. Pada peringkat sensori motor, tingkah laku kanak-kanak bersifat refleksi dan egosentrik. Pelajar dapat mengenali objek dan mula membuat perwakilan mental. Hasil daripada peringkat ini, kanak-kanak berupaya melakukan aktiviti sensori motor di mana pelajar dapat memahami dan berinteraksi dalam persekitaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada peringkat pra-operasi, pemikiran kanak-kanak banyak menggunakan simbol dan kemahiran asas bahasa mula berkembang. Tingkah laku adalah berdasarkan intuisi daripada logik tetapi pemikiran kanak-kanak masih bersifat egosentrik. Kanak-kanak akan menggunakan bahasa yang mudah dan simbol untuk mengilustrasikan konsep matematik. Peringkat ini kanak-kanak tidak mampu untuk mengaplikasikan pemikiran secara deduktif atau pemikiran induktif kerana tidak berupaya untuk memahami proses matematik. Pelajar hanya dapat menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

contoh yang spesifik dalam penyelesaian masalah. Pada peringkat operasi konkrit, kanak-kanak banyak bergantung kepada objek-objek konkrit dalam menyelesaikan masalah. Maka proses pemikiran ini menjadi kurang egosentrik.

Kanak-kanak berupaya untuk mengidentifikasikan ciri-ciri suatu objek dan mampu membuat pengelasan objek. Aktiviti pembelajaran matematik hendaklah menggunakan bahan konkrit dan memerlukan pengalaman secara langsung. Pada tahap ini, proses pemikiran pelajar dapat disongsangkan dan prinsip keabadian dan pengelasan dapat dilaksanakan dalam proses pdp matematik. Pada peringkat operasi formal, pemikiran logik dan pemikiran abstrak kanak-kanak berkembang, di mana kanak-kanak boleh mengenal pasti pemboleh ubah. Teori pembelajaran Piaget ini mempunyai implikasi terhadap pengajaran dalam bilik darjah khususnya di sekolah rendah. Levin (2003) menyokong dapatan teori ini khususnya peringkat operasi dengan menyarankan pembelajaran matematik perlu menyediakan persekitaran yang mengikut empat tahap teori ini untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Piaget mencadangkan penggunaan perwakilan konkrit dan simbol matematik apabila melakukan operasi asas iaitu operasi tambah, operasi tolak, operasi darab dan operasi bahagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelajar akan dapat menguasai kemahiran yang diajar dengan lebih mudah. Guru juga berperanan penting untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar demi merancang proses pdp matematik dengan lebih efisien. Piaget tidak mencadangkan kaedah pengajaran yang khusus untuk meningkatkan penguasaan pelajar. Guru perlu mengaplikasikan teori ini dengan bijak agar bersesuaian untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

difahami oleh pelajar. Teori yang dikemukakan oleh Piaget adalah berkaitan dengan konsep pengekalan, seriasi dan pra nombor. Teori pembelajaran Piaget dilihat lebih diguna pakai untuk pembangunan kemahiran logik kerana ini dikaitkan dengan konsep nombor (Hiebert & Carpenter, 2002).

Berlandaskan teori perkembangan kognitif yang dikemukakan oleh Piaget, Bruner (1966) telah mengemukakan tiga tahap pembelajaran matematik iaitu mod enaktif (0-2 tahun), mod ikonik (2-4 tahun) dan mod simbolik (5-7 tahun). Pada peringkat mod enaktif, kanak-kanak menggunakan objek sebenar dan tidak menggunakan perkataan atau imaginasi. Proses pembelajaran adalah bergantung kepada rangsangan sensori motor untuk melakukan siri tindakan. Pada peringkat mod ikonik pula, kanak-kanak dapat berfikir dan menggunakan imaginasi untuk memahami konsep matematik. Hasil pembelajaran adalah bergantung kepada penggunaan gambar rajah yang digabungkan dengan maklumat secara verbal. Pada peringkat simbolik, kanak-kanak belajar dengan menggunakan pemikiran yang lebih abstrak dan fleksibel. Maklumat disimpan dalam bentuk kod atau simbol seperti bahasa, simbol matematik dan simbol-simbol lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusannya, Bruner menegaskan pembelajaran matematik perlu dimulakan dengan mod enaktif, diikuti dengan mod ikonik dan disempurnakan dengan penggunaan simbolik untuk mewakili suatu konsep. Teori yang dikemukakan oleh Bruner mencadangkan bahawa kesediaan pelajar untuk belajar bergantung kepada gabungan ketiga-tiga mod tersebut. Pengetahuan Matematik boleh disampaikan dengan menggunakan kepelbagaian jenis sumber dan pembelajaran Matematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermula dengan tindakan yang melibatkan sentuhan, emosi dan manipulasi. Berdasarkan dapatan teori Bruner ini, proses pengajaran merangkumi empat ciri guru. Guru perlu mengenal pasti tahap pengetahuan sedia ada pelajar yang boleh digunakan untuk memotivasikan pelajar, resos pembelajaran perlu diselenggarakan secara sistematik untuk memudahkan proses pembelajaran, mengenal pasti kaedah yang berkesan untuk menggunakan resos dengan berkesan dan mengenal pasti bentuk ganjaran dan dendaan yang digunakan dalam proses pentaksiran Matematik. Teori-teori pembelajaran ini mempunyai pengaruh terhadap penguasaan matematik. Menurut Reys (2009), teori pembelajaran dapat memberi garis panduan kepada guru untuk memastikan keberkesanan proses pdp.

2.3 Model Pentaksiran Pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Haywood dan Tzuriel (2013) pendekatan penambahbaikan dalam pentaksiran sangat bergantung atribut guru iaitu latihan profesional dan kompetensi pengajaran, tujuan dalam proses pengajaran iaitu penambahbaikan teknik pengajaran dan kriteria penentuan kejayaan pentaksiran iaitu demonstrasi kompetensi atau tingkah laku yang diingini oleh guru dan skor pelajar. Model pentaksiran yang digunakan dalam kajian ini ialah Model "*Mutual Benefit Evaluation*" yang dipelopori Mannat, Palmer dan Hidlebaugh pada 1976 dan Model "*Management by Objective Evaluation*" oleh Redfern pada 1980.

Kajian ini juga menggunakan teori yang dikemukakan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) yang berkaitan antara kepercayaan, sikap, kemahuan dan tingkah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang merupakan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini. Faktor kepercayaan guru terhadap perubahan kurikulum akan mempengaruhi sikap guru terhadap perubahan tersebut. Ini akan menimbulkan keinginan atau kemahuan guru untuk melakukan atau mengamalkannya. Dan ini akan memberi kesan terhadap kepercayaan, sikap dan kemahuan serta amalan pengajaran guru. Teori ini merujuk kepada sikap seseorang guru sama ada menyokong atau menolak dalam menilai suatu perubahan. Faktor keinginan merujuk kepada kemahuan seseorang guru untuk melakukan suatu dan tingkah laku merujuk kepada amalan, pertuturan atau perlakuan seseorang guru.

2.3.1 *Model "Mutual Benefit Evaluation"*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model ini menerangkan tentang guru, pentadbir dan program pendidikan sebagai penilai secara objektif (Gudridge, 1980). Model ini merangkumi empat langkah iaitu:

(i) Badan atau Panitia Sekolah yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti kriteria minimum berdasarkan standard pengajaran. Fasa ini melibatkan teknik pengajaran yang produktif, hubungan interpersonal yang positif, pengurusan bilik darjah, rangsangan intelektual dan tingkah laku di luar bilik darjah (Gudridge, 1980).

(ii) Pentaksiran diagnostik adalah merujuk kepada prestasi untuk menilai iaitu standard. Fasa ini termasuk pentaksiran kendiri guru, pemantauan bilik darjah dan seminar pentaksiran pos.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) Penilai menentukan sasaran secara objektif dan boleh diukur setelah proses kolaborasi.

(iv) Tempoh masa pelaksanaan pentaksiran perlu dinilai semula dan sasaran baru pentaksiran ditentukan.

2.3.2 Model "*Management By Objective Evaluation*"

Model ini diubahsuai daripada Redfern (1980) daripada "*Management by Objective Evaluation"* model yang asalnya digunakan dalam perniagaan. Kini model "*Management by Objective Evaluation"* diaplikasikan pula dalam proses pentaksiran guru. Seperti Model *"Mutual Benefit Evaluation"* adalah menjadi tanggungjawab guru untuk memastikan matlamat pembelajaran ditentukan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti sekolah atau badan tertentu dapat dicapai. Walau bagaimanapun sebelum penetapan kriteria pentaksiran sejagat, guru dan individu yang berkaitan, perlu berbincang bagi menentukan objektif pembelajaran, perancangan tindakan dan indikator pengukuran pengembangan (Haefele, 1980; Lewis, 1982; Redfern, 1980). Perancangan pelaksanaan guru dipantau secara diagnostik oleh pihak pentadbir sekolah. Keputusan pemantauan dinilai dan digabungkan dengan perbincangan guru dan pembentukan objektif pentaksiran ditetapkan.

Proses pentaksiran ini adalah penting bagi guru dalam melakukan pentaksiran secara kendiri (Iwanicki, 2001). Model ini juga bertujuan untuk meningkatkan perkembangan profesional guru di mana proses integrasi prestasi pelajar secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

objektif demi memenuhi polisi sekolah. Model ini juga bertujuan untuk meningkatkan penglibatan guru dalam menyediakan set struktur matlamat pentaksiran bagi mengurangkan konflik dan salah faham antara guru dan pelajar. Model ini dihasilkan mampu penyediaan set pentaksiran yang lebih tinggi objektiviti (Iwanicki, 2001).

Secara kesimpulannya, kedua-dua model ini adalah berasaskan kepada kompetensi dan *"outcomes-based evaluation philosophies"*. Ini menekankan kepada orientasi keputusan dan keputusan adalah berdasarkan pengukuran pencapaian dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, model ini juga berkaitan dengan kompetensi guru. Perbezaan antara kedua-dua model ini pula ialah Model Redfern mengambil kira input daripada guru dan ini menunjukkan gambaran profesionalisme yang tinggi sementara Model Manatt pula memberi penekanan kepada keputusan profesional pihak guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Pembelajaran Masteri

Konsep pembelajaran masteri diperkenalkan oleh Benjamin Bloom pada tahun 1960an adalah berasaskan kepada satu prinsip atau falsafah iaitu semua pelajar boleh menguasai suatu perkara yang diajar sekiranya mempunyai masa yang mencukupi (Segal, et al., (2014)) dan proses pdp yang berkualiti. Bloom (1971) mencadangkan sekiranya pelajar berjaya membuktikan bahawa dia sudah menyiapkan tugasan pertama dengan baik, maka dia akan menghadapi tugasan berikutnya dengan penuh semangat dan berkeyakinan. Idea untuk mengekalkan minat pelajar inilah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi asas dalam model pembelajaran masteri. Segal, et al. (2014) pula telah mengenal pasti ciri utama tentang pembelajaran masteri iaitu pelajar dibantu dan dibimbing apabila menghadapi masalah dan diberi penerangan yang jelas mengenai tahap pembelajaran dan jangkaan isi pelajaran.

Menurut Midgley (2014)menyatakan bahawa pembelajaran masteri sebagai satu set idea dan amalan pengajaran secara individu pelajar untuk belajar secara konsisten, idea dan amalan ini menghasilkan pengajaran yang sistematik. Ini membantu pelajar apabila menghadapi masalah pembelajaran, diberi peruntukan masa yang mencukupi untuk pelajar menguasai pelajaran dengan berpandukan kriteria pembelajaran masteri yang jelas. Ini sejajar dengan prinsip asas yang dikemukakan oleh PPK, (2001) dalam pembelajaran masteri di mana struktur pembelajaran dibahagikan kepada beberapa unit kecil supaya mudah dikuasai. Tempoh masa yang mencukupi untuk menguasai sesuatu hasil pembelajaran ditentukan oleh pelajar. Arahan pengajaran dan pembelajaran mestilah jelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam proses pembelajaran masteri, pelajar menunjukkan penguasaan dan diberi aktiviti-aktiviti tambahan untuk memahirkan apa yang belum dikuasai (Davis & Sorrell, 2005). Justeru, guru mestilah menyediakan aktiviti-aktiviti yang mencabar pelajar untuk berfikir, menyelesaikan masalah dan memberikan galakkan untuk kejayaan akademik pelajar. Hewett (2003) menyatakan dalam kelas masteri, pelajar diberi pelbagai tugasan untuk membimbing ke arah penguasaan dan objektif yang telah ditetapkan. Dan proses pentaksiran dilaksanakan untuk melihat sejauh mana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penguasaan pelajar dalam suatu topik. Konsep pembelajaran masteri memfokuskan pentaksiran tahap prestasi yang ditetapkan.

Guru perlu menstrukturkan semula bahan pembelajaran supaya pelajar mudah untuk memahami mengikut kesesuaian masa dan keupayaan serta mengajar semua unit (Ang, 1999; Khoo, 1996). Pembelajaran masteri adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada penguasaan pelajar dalam sesuatu perkara yang dipelajari. Melalui pembelajaran masteri pelajar diberi peluang untuk maju mengikut kebolehan dan kadar pembelajaran mereka sendiri. Pembelajaran masteri wajar dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran kerana guru perlu menyedari bahawa:

i. Pelajar mempunyai kebolehan dan keperluan yang berbeza.
ii. Pelajar memerlukan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan berkesan.
iii. Pelajar mesti menguasai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diajarkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prinsip asas dalam Pembelajaran masteri ialah:

i. Pelajar normal boleh mempelajari apa yang diajarkan oleh guru.
ii. Pembelajaran dipecahkan kepada beberapa unit kecil supaya mudah dikuasai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Pelajar memerlukan masa yang mencukupi untuk menguasai sesuatu hasil pembelajaran yang ditentukan.

iv. Arahan pengajaran dan pembelajaran bagi setiap unit pembelajaran mestilah jelas.

Ciri-ciri pembelajaran masteri adalah seperti yang berikut:

i. Hasil pembelajaran perlu ditentukan.

ii. Hasil pembelajaran disusun mengikut hierarki atau unit pembelajaran.

iii. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran hendaklah bermakna, berkesan, menarik dan menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Pentaksiran berasakan Ujian Rujukan Kriteria.

v. Bahan pdp berkesan.

vi. Pelajar perlu menguasai 80% tahap masteri yang ditetapkan setiap unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baru.

vii. Aktiviti pemulihan dilaksanakan untuk pelajar yang belum menguasai aras masteri.

viii. Aktiviti pengayaan dilaksanakan untuk pelajar yang telah mencapai aras masteri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran dalam pembelajaran masteri bertujuan untuk mengesan pencapaian pelajar, mengenal pasti pelajar yang cerdas, sederhana dan lemah, mengenal pasti sama ada hasil pembelajaran sudah atau belum dikuasai, mengenal pasti kelemahan pelajar dalam sesuatu unit pembelajaran, menentukan aktiviti pemulihan dan pengayaan yang perlu dijalankan dan menentukan keberkesanan kaedah, bahan atau aktiviti pdp. Aspek pentaksiran dalam pembelajaran masteri perlu dirancang, dibina, dikendali dan ditadbir oleh guru. Pentaksiran ini berbentuk formatif dan sumatif yang berasaskan Ujian Rujukan Kriteria. Kedua-dua pentaksiran ini bersifat diagnostik dan pentaksiran mestilah berdasarkan kepada hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

Pentaksiran pembelajaran masteri boleh dijalankan mengikut masa yang difikirkan sesuai seperti semasa pdp, selepas sesuatu unit pembelajaran dan selepas tempoh tertentu seperti mingguan, bulanan, pertengahan dan akhir tahun. Pentaksiran dalam pembelajaran masteri meliputi domain kognitif, afektif dan psikomotor. Ini ditetapkan berdasarkan unit dan tugasan yang sama diberikan, masa yang lebih fleksibel kepada pelajar lemah, belajar mengikut keupayaan masing-masing, pelajaran distrukturkan dan pemantauan rapi dan maklum balas tetap. Reilly (2000) menyatakan guru bertanggungjawab untuk menyediakan pengajaran yang efektif dengan mempelbagaikan teknik-teknik pengajaran.

Guru perlu memastikan langkah-langkah pengajaran berdasarkan langkah langkah berikut:

(i) menentukan hasil pembelajaran untuk suatu unit pembelajaran.

(ii) mengajar dengan kaedah atau aktiviti pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran dengan berkesan dan menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai.

(iii) menilai dengan Ujian diagnostik, ujian formatif dan

(iv) menjalankan aktiviti pemulihan dan pengayaan.

Kesimpulan, pembelajaran masteri dirumuskan sebagai suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan semua pelajar menguasai hasil pembelajaran yang dihasratkan dalam suatu unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran seterusnya. Pendekatan ini memerlukan peruntukan masa yang mencukupi dan proses pdp yang berkualiti. KSSR Matematik mengaplikasikan prinsip pembelajaran masteri bagi memastikan semua pelajar dapat menguasai Standard Prestasi bagi suatu Standard Kandungan sebelum diajar Standard Kandungan yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Taksonomi Bloom

Taksonomi Bloom diperkenalkan pada 1956 untuk memenuhi keperluan pendidikan yang berkaitan dengan proses pembelajaran dan pentaksiran. Benjamin Bloom dalam bukunya *Taxonomy of Educational Objectives: Handbook I: Cognitive Domain,* telah memperkenalkan satu hierarki kognitif yang disusun daripada aras rendah hingga ke aras tinggi iaitu aras pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan pentaksiran. Aras pengetahuan adalah aras kognitif yang rendah yang melibatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses mengingat kembali maklumat, fakta, formula dan definisi. Aras pemahaman melibatkan proses mengembangkan pemikiran di mana pelajar menyatakan idea-idea dalam perkataan.

Pada aras aplikasi pula pelajar menggunakan pengetahuan dan maklumat yang dikaitkan dengan konsep, teori, prinsip, hukum atau prosedur yang telah dipelajari serta kefahaman tentang pengetahuan dan maklumat itu dan diaplikasikan dalam satu situasi baru. Aras analisis ialah aras kognitif yang menunjukkan bahawa pelajar boleh mengasingkan idea-idea ke dalam komponen-komponen yang berasingan dan pelajar dapat menunjukkan kefahaman dalam hubungan. Dalam proses analisis, pertimbangan dan penghakiman adalah satu cara yang penting bagi membuat kesimpulan. Pada aras sintesis, aras kognitif yang menghendaki pelajar menggunakan imaginasi dan pemikiran dengan mencantumkan unsur-unsur yang terdapat pada sesuatu untuk menghasilkan sesuatu yang baru. Dan aras kognitif pula mengehendaki pelajar melakukan pentaksiran, diskriminasi, memberi rasional dan menyatakan pendapat dengan alasan-alasan tertentu.

Isahak (2002) berpendapat bahawa seseorang pelajar belajar dengan cara menemui struktur konsep-konsep yang dipelajari. Kanak-kanak membentuk konsep dengan mengasingkan benda-benda mengikut ciri-ciri persamaan dan perbezaan. Selain itu, pengajaran didasarkan kepada perangsang pelajar terhadap konsep itu dengan pengetahuan sedia ada.

Taksonomi Bloom menunjukkan operasi kognitif adalah bertahap dan berhierarki iaitu bertahap daripada yang mudah kepada yang kompleks. Ramai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji bersetuju bahawa keupayaan memahami sesuatu situasi dari pelbagai perspektif dengan pelbagai dimensi (Beyer, 2007; Bloom, 1976; Nowakowski & Bunda, 2004). Kajian juga telah membuktikan dengan penerapan aspek berfikir memberi kesan pertalian yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar (Hugo, 1989; Kokinda, 1989; Lumpkin, 1991; Siti Hawa Munji, 1992; Sulong, 1990). Kepentingan ini juga dibuktikan menerusi implementasi pdp serta input dalam bahan-bahan kurikulum (Hugo, 1989; Rollins, 1989; Thorpe, 1990) perlu diberi perhatian ke arah membentuk dan melahirkan pelajar yang mempunyai daya kebolehan berfikir dengan berkesan. Proses berfikir adalah satu proses yang kompleks dengan melibatkan operasi kognitif dalam pembelajaran matematik.

2.6 Penggunaan Modul Dalam Pengajaran

Modul merupakan satu kegiatan pdp yang dinyatakan mengikut jangka masa pengajian (Moon, 1998). Sharifah Alwiah (1981) merumuskan bahawa modul pengajaran adalah untuk menjadikan proses pdp lebih berkesan. Menurut Carr et al. (2013) menyatakan antara kegunaan modul ialah untuk membantu seseorang pelajar itu memperoleh ilmu pengetahuan, pemahaman dan kemahiran ke arah mempertingkatkan kecekapan mengurus bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Terdapat pelbagai definisi modul, antaranya yang dikemukakan oleh Cox, et al. (2016) dan Faulkner & Cain (2013) menerangkan modul sebagai satu bahan pelajaran yang boleh berdiri sendiri. Lee et al. (2016) menyenaraikan ciri-ciri utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

modul iaitu (1) dibentuk untuk memudahkan pembelajaran kendiri, (2) anjal- disusun dengan berbagai-bagai cara, (3) memberi kebebasan untuk belajar mengikut masa, keselesaan dan kecepatan sendiri, (4) boleh digabungkan dengan media lain, (5) memberi peluang kepada pelajar belajar melalui pelbagai kegiatan. Menurut Pape et al. (2015) dan Stanford et al. (2016) menyatakan terdapat berbagai bentuk modul tetapi kebanyakannya mempunyai komponen berikut: rasional, objektif, ujian pra, bahan-bahan pelbagai media, kegiatan pembelajaran, ujian kendiri dan ujian pos.

Menurut Kane et al. (2013), guru telah lama berusaha menjadikan pengajaran lebih berkesan untuk mencapai objektif pembelajaran. Kaedah pembelajaran perlu memenuhi keperluan dan ciri-ciri setiap pelajar. Salah satu cara yang disarankan ialah melalui pembelajaran yang berasaskan modul menekankan perkara-perkara berikut: (1) menyediakan kemahiran menilai awal pelajar, (2) membantu mengenal pasti tahap permulaan setiap pelajar melalui satu siri objektif yang ditentukan urutannya dengan teliti, (3) menyediakan bahan-bahan pengajaran bersifat autentik yang bersesuaian dengan stail pembelajaran pelajar, (4) membolehkan pelajar belajar mengikut kadar sendiri, bukan pada kadar yang tetap bagi keseluruhan kumpulan dan menyediakan ujian yang kerap supaya pelajar tidak berasa kecewa dengan kegagalan yang berulang. Falsafah asas di sebalik proses pdp ini ialah modul pembelajaran perlu dipelbagaikan untuk disesuaikan dengan matlamat dan keperluan setiap pelajar.

Brown & Pendlebury (2013) pula menggariskan langkah-langkah berikut dalam menyediakan sesebuah modul iaitu :

(i) menyenaraikan bahan-bahan yang diperlukan untuk membina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

modul sama ada oleh pengajar atau pelajar.

(ii) memperoleh bahan-bahan sedia ada yang berguna dan menyelaraskan dengan objektif modul.

(iii) menulis objektif untuk dinyatakan kepada pelajar atau dengan menerangkan hasil yang diharapkan.

(iv) mengadakan satu demonstrasi untuk menunjukkan mengapa membentuk keterampilan yang dinyatakan dalam objektif itu penting bagi pelajar.

(v) menyediakan garis panduan untuk pengajaran sebagai satu lajur selari dengan kegiatan-kegiatan yang akan dilakukan oleh pelajar dalam lajur lain.

(vi) menerangkan prosedur penggunaan alat atau bahan yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian yang telah dilakukan oleh Habibah (1991) membuktikan bahawa kegunaan modul boleh membantu meningkatkan prestasi pencapaian seseorang pelajar. Penggunaan modul telah membantu pelajar yang mengalami masalah motivasi pencapaian yang rendah untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran. Shahrom dan Yap (1991) menyatakan modul mempunyai unsur pentaksiran yang membolehkan pelajar mendapat maklum balas segera tentang tahap pencapaian dan kefahaman mereka. Justeru, ini bertepatan dengan kajian ini, di mana eviden yang akan digunakan oleh guru dalam menentukan tahap penguasaan seseorang pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Trenda kajian-kajian yang berkaitan dengan modul adalah berfokuskan kepada proses pembelajaran kendiri pelajar. Kebanyakan kajian-kajian yang lalu menghasilkan modul pdp yang dapat membantu pelajar untuk memahami proses pembelajaran dengan lebih berkesan. Kajian yang dilakukan oleh Rosniza (1999) adalah bagi pemulihan Bahasa Inggeris. Fokus kajian-kajian yang lepas berkaitan dengan modul pengajaran kendiri untuk membantu pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, M-PA disediakan untuk membantu guru dalam proses pentaksiran pembelajaran Matematik tahun satu.

2.7 Pentaksiran Dalam Pendidikan Matematik

Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) yang dimulai pada 2011 adalah bertujuan menggantikan sistem pentaksiran semasa yang dianggap tidak relevan bagi keperluan pentaksiran semasa bagi melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran yang kreatif, inovatif dan kritis serta mampu menyelesaikan masalah mempunyai fikiran bernas dan luar daripada kotak pemikiran.

Pentaksiran ialah proses mengesan prestasi pelajar dalam pembelajaran dan boleh dikategorikan mengikut tujuan, kaedah yang digunakan atau masa pelaksanaan. Menurut NCTM (2000) pentaksiran merupakan salah satu daripada enam prinsip yang mendasari pendidikan matematik iaitu menyokong kepentingan pengajaran dan menyampaikan maklumat kepada guru dan pelajar. Pentaksiran memainkan peranan penting untuk melihat sejauh mana penguasaan pelajar mengenai sesuatu konsep atau kemahiran yang diajar (Noraini, 2005). Pentaksiran juga didefinisikan sebagai proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat keputusan berdasarkan suatu peraturan atau piawai. Definisi pentaksiran secara umum mengikut "*The Joint Committee*" (1994) dalam Stufflebeam dan Shinkfield (2007) ialah pentaksiran merupakan satu kaedah pentaksiran secara sistematik untuk menentukan nilai atau merit sesuatu objek. Pentaksiran untuk pembelajaran merujuk kepada proses pencarian dan penghuraian eviden yang digunakan oleh pelajar dan guru bagi menentukan tahap penguasaan pelajar dan bagaimana cara terbaik untuk mencapai tahap tersebut (*Assessment Reform Group*, 2002; & Rayment, 2006).

Menurut Azizi (2010) pentaksiran memfokuskan kepada pentaksiran terhadap pembelajaran, pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran sebagai pembelajaran. Pentaksiran terhadap pembelajaran digunakan untuk mentaksir sama ada pelajar boleh mengaplikasikan konsep, pengetahuan, kemahiran dan sikap yang berkaitan dengan hasil kurikulum. Pentaksiran untuk pembelajaran merupakan suatu proses mendapatkan dan menginterpretasikan data yang diperoleh bagi membuat keputusan mengenai kedudukan pelajar dalam pembelajaran (Noraini, 2005). Pentaksiran sebagai pembelajaran pula ditakrifkan sebagai pentaksiran yang dilakukan secara berterusan dan bersifat formatif di mana guru terlibat sepenuhnya dan pelajar diberi peluang menunjukkan tahap penguasaan pelajar (Noraini, 2005). Oleh itu, adalah amat penting amalan pentaksiran guru dimantapkan bagi meningkatkan keberkesanan pdp.

Pentaksiran di Malaysia terbahagi kepada dua jenis iaitu pentaksiran pusat dan pentaksiran sekolah. Pentaksiran sekolah pula merupakan pentaksiran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibina dan dijalankan oleh guru sebagai sebahagian daripada proses pdp. Pentaksiran sumatif sesuai digunakan untuk memperbaiki pembelajaran. Pentaksiran sumatif lebih sesuai menggunakan instrumen yang bercorak autentik. Menurut Brookhart (2013) kebanyakan pihak lebih terdorong untuk hanya melakukan pentaksiran sumatif. Tindakan ini kurang menguntungkan kerana tanpa pentaksiran formatif, sesuatu program yang sedang melalui proses perkembangan tidak dapat dijalankan dengan lengkap dan berkesan (OECD, 2009).

Menurut Noraini (2013) pentaksiran akan mempengaruhi format pengajaran guru. Format pengajaran sedia ada didapati tidak sesuai dalam menyediakan pelajar pada abad ke 21. Pelajar perlu mempunyai kemahiran membaca dan aritmetik, mengakses, menstrukturkan, menilai dan mengaplikasikan maklumat. Kemahiran komunikasi dan kolaborasi, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah perlu dikuasai oleh pelajar untuk memenuhi keperluan pada masa akan datang. Pendekatan sesuatu pentaksiran boleh dijalankan dalam bentuk formatif atau sumatif (Julismah & rakan, 2013). Penilaian yang dilaksanakan lebih merujuk kepada pentaksiran yang dilakukan secara mendalam daripada kaedah tradisional seperti ujian aneka pilihan. Masa dan pendekatan yang digunakan lebih standard (Schoenfeld, 2015). Menurut Lesh & Lamon (2013) istilah pentaksiran autentik berdasarkan kepada empat kriteria iaitu (i) pentaksiran autentik adalah direka bentuk berdasarkan kepada situasi sebenar; (ii) pentaksiran autentik memerlukan perhatian yang lebih oleh guru semasa proses pengajaran; (iii) penilaian kendiri pelajar dan (iv) pelajar diharapkan dapat melakukan apa yang diketahui dan mengikut keupayaan masing-masing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran prestasi biasanya menilai tahap keupayaan pelajar semasa melakukan kemahiran khusus atau hasilan pelajar berdasarkan arahan yang diberikan (Braun, 2016). Ciri-ciri pentaksiran berasaskan prestasi pula adalah menggunakan tugasan *"open-ended"*, tumpuan yang tinggi, kemahiran yang kompleks, aplikasi strategi khusus, penyelesaian masalah, berdasarkan individu atau kumpulan, kebebasan memilih oleh pelajar (Herrington et al.,2014) dan juga berasaskan standard (Stacey & Wiliam 2012). Pentaksiran berasaskan prestasi adalah lebih luas dan menyeluruh seperti portfolio (Lesh & Lamon 2013) esei, eksperimen, pembentangan lisan, main peranan, pameran dan persembahan (Kane & Mitchell 2013; & Khattri, et al.,2012).

Menurut Bhasah (2007) pentaksiran prestasi mampu menyediakan cara yang sistematik untuk menilai kemahiran berfikir dan menaakul serta mampu menilai hasil yang tidak dapat diukur oleh ujian objektif dan esei biasa. Pentaksiran prestasi adalah sangat sesuai dan perlu untuk menilai kemahiran-kemahiran sebenar yang dilakukan oleh pelajar. Ini mampu menjelaskan kecekapan pelajar dalam melakukan sesuatu aktiviti atau kemahiran dan ini selaras dengan teori pembelajaran yang menyarankan penggunaan penilaian prestasi terbuka sebagai asas kepada peningkatan pembelajaran. Menurut Blömeke & Delaney (2014), telah menggariskan sembilan kriteria asas dalam pembentukan prestasi iaitu (i) tugasan mestilah bermakna dan sesuai diuji; (ii) mestilah satu sampel yang sah dan dapat mengukur prestasi pelajar secara keseluruhan; (iii) kriteria penskoran mestilah autentik dengan memberikan penetapan skor bagi skala tertentu; (iv) piawaian untuk penetapan skor haruslah bertepatan dan bersesuaian dengan taraf perkembangan pelajar; (v) rubrik penskoran mestilah mewakili trait yang terdapat dalam perlaksanaan prestasi sebenar; (vi) suasana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mestilah realistik dan menghampiri keadaan sebenar; (vii) tugasan mestilah mempunyai kesahan; (viii) penskoran mempunyai kebolehpercayaan; dan (ix) keputusan pentaksiran mestilah dapat digunakan dan dilaporkan.

Terdapat enam kriteria yang boleh digunakan untuk menilai tugasan pentaksiran (Bhasah, 2007) iaitu (i) memadankan ketetapan pentaksiran dengan kehendak pengajaran; (ii) menentukan kandungan dan kemahiran yang dijangka boleh dicapai oleh pelajar; (iii) memberi peluang kepada pelajar menunjukkan kecekapan dan kebolehan mereka; (iv) membuat pentaksiran yang mempunyai berbagai-bagai tujuan; (v) memastikan tugasan adalah autentik; dan (vi) membenarkan pendekatan daripada pelbagai disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran memerlukan skala rubrik sebagai rujukan penilaian berdasarkan kemahiran yang ditentukan dan menghuraikan prestasi bagi setiap tahap pelajar (Marzano et al., 1993). Menurut Bhasah (2007), rubrik penskoran merupakan satu panduan atau format pentaksiran bagi sesuatu perkara dan menjelaskan penskoran bagi sesuatu tahap pencapaian. Menurut Moyer-Packenham (2015), skala rubrik mengandungi tiga ciri penting iaitu kriteria penilaian, huraian yang berkualiti dan strategi pemarkahan. Kriteria penilaian ini digunakan bagi mengenal pasti tahap perbezaan kemahiran yang dipersembahkan oleh pelajar dan ia merupakan huraian yang spesifik mengenai apa yang hendak diukur (Li et al., 2013). Terdapat enam ciri kriteria penilaian iaitu (i) signifikan, kandungan yang spesifik dan strategi bagi menilai prestasi (ii) ketepatan (iii) menyeluruh; (iv) julat perbezaan setiap tahap (v)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mudah digunakan dan jelas terhadap guru, pelajar, ibu bapa dan masyarakat dan (vi) berguna bagi meningkatkan kualiti prestasi pelajar.

Penilaian pula adalah satu elemen penting bagi menentukan apa yang patut pelajar tahu dan mampu lakukan. Tanpa penilaian, guru tidak akan dapat mengetahui dan mengenal pasti sama ada pelajar telah belajar manakala pelajar pula tidak tahu apakah perlakuan tersebut telah mencapai standard yang ditentukan oleh guru (Lund & Tannehill, 2005). Menurut Noraini (2001), salah satu cara yang berkesan untuk melihat sejauh mana berjayanya proses pdp berlaku adalah melalui teknik penilaian. Marsh dan Willis (2007) pula menjelaskan penilaian adalah satu proses teknikal bagi melihat sejauh mana pelajar telah belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran berasaskan sekolah adalah isu kontroversi (Jaworski & Watson, 2014) kerana ini melibatkan persoalan apakah yang telah dinilai dalam Matematik. Di Amerika Syarikat pentaksiran berasaskan sekolah merangkumi struktur asas iaitu pelajar belajar dalam projek di bawah bimbingan guru dan dalam tempoh masa yang telah ditentukan (Steven, 2000). Menurut Zhang dan Burry Stock (2003) pentaksiran dalam bilik darjah kian diberi perhatian. Pentaksiran berasaskan sekolah adalah sebahagian daripada aktiviti yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Mc Millan, 2000). Tujuan pentaksiran yang penting adalah membantu pelajar menguasai isi kandungan pelajaran (Akhbar & Siti Zaliha, 2002), memperbaiki pembelajaran (Gronlund, 2006; Roeber, 2002) dan pemberian gred (Airasian, 2001). Menurut Suah et al. (2010), pentaksiran yang berkesan dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu guru mengetahui tahap pembelajaran pelajar dan juga keberkesanan pengajaran guru.

Dokumen Standard Prestasi bagi mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina sebagai panduan kepada guru dalam penambahbaikan Pentaksiran Sekolah agar sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard. Pentaksiran Rujukan Standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang tahap penguasaan pelajar berdasarkan kurikulum matematik. Pentaksiran dalam matematik menggunakan istilah iaitu band dan deskriptor. Band sebagai satu label yang digunakan untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun mengikut hierarki. Ini digunakan bagi tujuan pelaporan individu. Standard ialah satu pernyataan tentang domain yang merujuk kepada tanda aras tertentu. Ini bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Standard Prestasi pula merujuk pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan kedudukan pelajar dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (band). Penguasaan pelajar dijelaskan dengan satu atau lebih pemboleh ubah dengan menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul bagi menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Deskriptor pula pernyataan yang menerangkan apa yang pelajar telah menguasai berdasarkan standard. Ujian bertulis, ujian secara lisan, demonstrasi pelajar dan ujian amali digunakan sebagai instrumen untuk menguji penguasaan atau pencapaian pelajar bagi suatu domain. Tafsiran band bagi Matematik dibahagikan daripada Band 1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sehingga Band 6 dan pernyataan standard bagi menentukan Standard pelajar Matematik dinyatakan seperti Jadual 2.4.

KSSR Matematik Tahun Satu telah menetapkan takwim Standard Prestasi yang merangkumi Standard Kurikulum dan Standard Prestasi yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Setiap kemahiran yang perlu dinilai secara formatif oleh guru. Jadual 2.5 menunjukkan jadual pelaksanaan Standard Kurikulum dan Standard Prestasi yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia bagi tujuan pelarasan. Secara keseluruhannya KSSR Matematik Tahun Satu mempunyai 14 eviden bagi Band 1, tujuh eviden bagi Band 2, sembilan eviden bagi Band 3, empat eviden bagi Band 4, 2 eviden bagi Band 5 dan tiga eviden bagi Band 6.

Jadual 2.4

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penghuraian Band bagi Matematik

Band	Pernyataan Standard
1	Tahu pengetahuan asas matematik
2	Tahu dan faham pengetahuan asas matematik
3	Tahu dan faham pengetahuan asas matematik bagi melakukan operasi asas matematik, penukaran asas dan menyelesaikan masalah melibatkan perkataan.
4	Tahu dan faham pengetahuan matematik bagi melakukan langkah-langkah pengiraan matematik secara terbimbing, penukaran dan menyelesaikan masalah matematik mudah.
5	Menguasai dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran Matematik dalam menyelesaikan masalah matematik yang kompleks dengan menggunakan pelbagai strategi.
6	Menguasai dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran matematik alam menyelesaikan masalah matematik yang kompleks secara kreatif dan inovatif.

Penunjuk standard prestasi pula diwakili oleh B (Bidang) D (Deskriptor) dan E (Eviden) seperti Jadual 2.5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.5

Penunjuk Standard Prestasi diwakili oleh B (Bidang) D (Deskriptor) dan E (Eviden).

Standard Kurikulum	Standard Prestasi	Bulan Pelaksanaan
1.1 Menyatakan kuantiti secara intuitif	B1D1E1	Februari
1.2 Menama dan menentukan nilai	B1D3E1 B2D1E1	Februari
1.3 Menulis nombor.	B2D2E1	Mac
1.4 Melengkapkan sebarang rangkaian nombor	B2D1E1	Mac
1.5 Menentukan nilai tempat bagi nombor	B2D3E1	April
1.6 Menganggar	B3D2E1	April
1.7 Membundarkan nombor bulat	B3D3E2	
1.8 Melengkapkan pola nombor		
2.1 Mengenal pasti pasangan nombor untuk membentuk satu nombor yang berkaitan	B1D5E1 B1D2E2 B1D4E1	April
2.2 Mengenal simbol		
2.3 Tambah dan tolak dalam 100	B3D1E1	Mei
2.4Membina dan menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi cerita bagi operasi tambah dan tolak	B4D1E2 B5D1E1	Jun
2.4Membina dan menyelesaikan masalah yang melibatkan situasi cerita bagi operasi tambah dan tolak	B6D1E2 B6D1E3	Julai
3.1 Mengenal pasti konsep satu perdua dan satu perempat	B2D4E1	Julai
4.1 Mengenal pasti ringgit dan sen	B3D4E1 B1D6E1	Julai
4.2 Tambah dan tolak melibatkan wang	B3D1E2	Ogos
5.1 Menamakan hari dan bulan dan menerangkan aktiviti sejajar dengan hari persekolahan	B1D2E1	Ogos
5.2 Menyebut dan menulis waktu	B1D2E1 B3D5E1	September
6.1Menggunakan unit relatif untuk mengukur panjang	B1D2E3 B1D1E1 B4D1E2	September
7.1Menggunakan unit relatif untuk timbangan	B1D2E3 B1D1E1 B4D1E2	Oktober
8.1 Menggunakan unit relatif untuk isi padu cecair	B1D2E3 B1D1E1 B4D1E2	Oktober
9.1 Mengenal pasti bentuk tiga dimensi (3D)	B1D3E2 B2D5E1	Oktober

sambungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

9.2 Mengenal pasti bentuk dua dimensi (2D)	B3D3E1 B6D1E1 B1D3E2 B2D5E1 B3D3E1 B5D1E2	Oktober

Kajian Bol, Stephenson & O'Connell, 2008; McMorris & Boothroyd, 2003 & Zhang & Burry-Stock, 2000, amalan pentaksiran guru bergantung kepada mata pelajaran yang diajar dan peringkat persekolahan. Guru-guru Matematik didapati lebih kerap menggunakan item penyelesaian masalah (Marso & Pigge, 2007) dan item pengiraan. Menurut Berry (2001) pentaksiran dalam pendidikan matematik bergantung kepada proses pengajaran, dan pengajaran tradisional banyak bergantung kepada peperiksaan. Pentaksiran adalah berasaskan penyelesaian masalah dan pemikiran kemahiran matematik, dan kaedah pentaksiran bagi memastikan kedua-dua aspek tersebut dapat diukur dengan tepat. Kajian pendidikan matematik dapat memberikan maklum balas mengenai pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran (Crowford et al., 2008;& Saljo, 2009).

Menurut Miller (2006) dan Morrow et al. (2005) penilaian bagi domain kognitif yang digunakan ialah ujian objektif, ujian betul-salah, ujian aneka pilihan, ujian isi tempat kosong dan juga penulisan esei. Pentaksiran di sekolah adalah berasaskan kemudahan pdp dan penilaian program (Rink & Hensley, 2006). Rink dan Hensley (2006) telah mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara pentaksiran untuk proses pengajaran dan pentaksiran untuk penilaian program. Pentaksiran pdp adalah berdasarkan maklumat formatif berpandukan proses, maklum balas daripada pelajar dan proses penggredan. Maklumat yang diperoleh ini berguna kepada guru,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pihak pentadbiran, masyarakat, pihak berkuasa negeri dan persekutuan. Terdapat banyak istilah terminologi yang digunakan dalam pentaksiran seperti pentaksiran autentik, dan pentaksiran berasaskan prestasi bagi penilaian pelajar (Herman, Adchbacher & Winters, 2012).

Pentaksiran lebih merujuk kepada pentaksiran yang dilakukan secara mendalam daripada kaedah tradisional seperti ujian dan aneka pilihan. Masa dan pendekatan yang digunakan lebih standard (Marzano et al.,2013). Menurut Tengku Zawawi (2010) pentaksiran adalah proses mendapatkan maklumat tentang pembelajaran pelajar dan boleh menggunakan proses dalam bentuk saintifik iaitu proses pengukuran, penilaian atau pentaksiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7.1 Pentaksiran Autentik dalam Matematik

Pentaksiran autentik juga dikenali sebagai pentaksiran semula jadi (Branett & Macmann, 2002), pentaksiran berasaskan permainan (Bufkin & Bryde, 2006), pentaksiran kontekstual (Bell & Barnett, 2009), dan pentaksiran prestasi (Moorcraft et al., 2000; Klein & Ester, 2004). Pentaksiran autentik ialah proses pengumpulan data menggunakan pemerhatian yang spesifik untuk membuat keputusan kepada pelajar atau proses mengenal pasti eviden pembelajaran. Ini dapat dirumuskan bahawa pentaksiran autentik merangkumi amalan dan prestasi pelajar serta mengatasi aspek pengujian (Wiggins, 2008). Menurut Janesick (2001) pentaksiran autentik meliputi kaedah mentaksir sampel tugasan pelajar, nota anekdot, portfolio, senarai semak dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerhatian guru dalam bilik darjah. Pentaksiran autentik juga meliputi maklumat untuk perancangan program yang berkaitan dengan kurikulum.

Menurut Assessment, Evaluation and Programming System, 2nd Edition (AEPS) (2001), pentaksiran autentik merangkumi pentaksiran pelajar dalam persekitaran sebenar pembelajaran. Pentaksiran autentik melibatkan:

(i) pengumpulan data dalam persekitaran sebenar pelajar.

(ii) data pentaksiran dilaksanakan berdasarkan pemerhatian pelajar.

(iii) kemahiran pembelajaran ditaksir berdasarkan pengalaman sebenar pelajar.

(iv) maklumat pentaksiran pelajar dikumpul oleh individu yang mengenali pelajar.

Pentaksiran autentik amat bersesuaian untuk memantau perkembangan pembelajaran namun aspek kesahan dan kebolehpercayaan masih lagi boleh dipertikaikan.

Pentaksiran autentik melibatkan pengalaman sebenar amat dititikberatkan dalam proses pdp. Pentaksiran autentik mentaksir pelajar berdasarkan prestasi sebenar. Penggunaan situasi sebenar untuk menjalankan proses pdp amat diperlukan agar pelajar dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan kelak. Menurut Mokhtar (2009), pentaksiran autentik adalah bersifat PBS kerana mentaksir pelajar dalam konteks sebenar iaitu menekankan kepada prinsip holistik, bersepadu, kolaborasi seimbang dan fleksibel (Ng, 2008). Komponen pentaksiran autentik ini dikenali sebagai pentaksiran holistik iaitu hasil pembelajaran pelajar dan pembelajaran yang holistik yang dikaitkan dengan matlamat pengajaran. Pelajar dapat diterapkan dengan pelbagai kemahiran meliputi kemahiran penyelesaian masalah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran berfikir dan boleh menyesuaikan ilmu yang dipelajari dengan situasi sebenar di luar konteks persekolahan.

Pentaksiran autentik ini berfokus kepada pengukuran kebolehan keupayaan sebenar pelajar dan mengenal pasti pengetahuan dan kebolehan pelajar untuk diaplikasikan kepada konteks dunia sebenar serta (Pellegrino et al.,2001). Menurut Koh et al. (2012) guru sebagai pelaksanaan pentaksiran autentik perlu:

(i) menyatakan tujuan pentaksiran.

(ii) memahami kepentingan pentaksiran yang berbeza dalam pencapaian penyampaian.

(iii) memilih kaedah pentaksiran untuk mencapai tujuan yang berlainan.

(iv) pengumpulan skor pentaksiran berasaskan pencapaian semasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(v) mengelakkan bias dan masalah dalam pentaksiran.

Menurut Wiliam et al.(2004) guru yang melaksanakan pentaksiran autentik perlu memastikan tugasan yang disediakan dapat meningkatkan pemikiran kognitif pelajar dan menetapi matlamat pdp. Pemantauan terhadap tingkah laku dan penguasaan pelajar dilaksanakan semasa pdp. Maklum balas penguasaan pelajar dimaklumkan setiap masa dan dilaksanakan secara formatif (Shepard, 2000). Kualiti pengajaran perlu ditingkatkan sejajar dengan kualiti pentaksiran. Ini bertujuan memastikan kemahiran berfikir pelajar dapat dikembangkan dengan sempurna. Menurut Koh dan Luke (2009) menyenaraikan lima kriteria yang digunakan oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran autentik iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) pengetahuan yang mendalam – tiga jenis pengetahuan iaitu pengetahuan fakta, pengetahuan procedural dan pengetahuan konseptual perlu dikaitkan dengan tugasan atau projek yang diberikan kepada pelajar untuk dinilai. Tiga jenis pengetahuan adalah penting untuk meningkatkan proses pembelajaran.

(ii) pengetahuan untuk mengkritik – ini merujuk kepada perspektif baharu ke arah pentaksiran autentik iaitu pendebatan kritikal atau penyelesaian masalah (Luke, 2004). Penggunaan pentaksiran autentik iaitu pemerhatian pertama digunakan di Queensland membuahkan kejayaan dalam memastikan proses pengajaran dan pentaksiran adalah sejajar. Ini disokong oleh kajian yang dilaksanakan di United Kingdom (New London Group, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(iii) pengetahuan untuk dimanipulasikan – menurut Anderson dan Krathwohl (2001), pengetahuan pada tahap ini melibatkan proses mengurus, interpretasi, menganalisis dan menilai maklumat. Pentaksiran autentik perlu memberi ruang kepada pelajar untuk menguji hipotesis dan membuat generalisasi semasa menyelesaikan masalah, membuat kesimpulan dan menemui maksud baharu.

(iv) hubung kait antara pembelajaran di bilik darjah dengan situasi sebenar - pada tahap ini tugasan yang diberikan adalah menjurus ke arah tahap kognitif yang tinggi dan penyelesaian masalah. Tugasan yang diberikan berasaskan pengaplikasian masalah untuk kehidupan sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran autentik telah menjadi fokus utama dalam proses pentaksiran pembelajaran matematik. Proses pentaksiran ini mengalami perubahan sejajar dengan perubahan kurikulum matematik. Menurut Boud et al. (2010) pentaksiran autentik memerlukan pelajar untuk mengenal pasti masalah, merancang penyelesaian dan mengintepretasi keputusan yang diperoleh. Pentaksiran ini membolehkan guru mentaksir produk dan meningkatkan pencapaian matematik pelajar. Menerusi California State Department of Education (2001), pentaksiran autentik menyebabkan pelajar berupaya untuk berfikir dan menyatakan idea matematik, konjektur jawapan, demonstrasi pemahaman masalah matematik, kepelbagaian penyelesaian masalah dan menggalakkan diskusi matematik dalam bilik darjah.

Perkara penting antara pengajaran, pembelajaran dan proses pentaksiran ialah penekanan kepada ketulenan *(authenticity),* perlu menjadi budaya dalam pentaksiran yang dijalankan di bilik darjah (McMillan, 2007). Proses pentaksiran yang berlaku berdasarkan aktiviti yang sesuai, latar belakang dan pengalaman sebenar pelajar akan dapat meningkatkan pembelajaran dan memberi makna kepada pelajar. Pentaksiran yang berkesan membolehkan pelajar memperoleh ilmu yang bermanfaat merangkumi pengetahuan, pemahaman mendalam dan penyelesaian masalah. Pelajar diharapkan boleh mengaplikasikan ilmu yang dipelajari pada masa akan datang.

2.8 Faktor Guru

Proses pengajaran yang berkesan pada abad ke 21 memerlukan guru yang berkompetensi tinggi bagi menghadapi cabaran pengetahuan dan teknologi. Definisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kompetensi ialah kepakaran atau tahap kecekapan yang diperlukan seseorang untuk membolehkannya menjalankan tugas dengan lebih efektif dan efisien (Mahadi, 2006). Menurut M.P Singh (2007) merumuskan lima aspek berkaitan kompetensi guru iaitu kebolehan mendiagnosis pembelajaran pelajar secara individu, kebolehan menganalisis interaksi secara berkumpulan, kebolehan untuk berkomunikasi secara individu dan berkumpulan, mempunyai pengetahuan dan kemahiran dan kebolehan menyampaikan pengetahuan kepada pelajar dengan berkesan. Kajian mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku pelajar ialah kesediaan guru mengubah amalan pdp yang menyediakan maklumat asas, penglibatan aktif dan mengaplikasikan kemahiran dalam tempoh masa yang ditetapkan (Parker, 2001 & USDHHS, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Tan (2004), pengaplikasian teknologi adalah kompetensi baru yang perlu dikuasai oleh guru, selain pengubahsuaian ilmu pedagogi baru dalam proses pdp. Guru dianggap cekap dan berpengetahuan dalam pengajaran apabila sejajar dengan kehendak kurikulum (Gallant, 2009; Graham, 2002;& Torney, 2001). Menurut Cooper (2006) seorang guru perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang khusus untuk memahami maksud pendidikan seperti memahami perkembangan pelajar dan persekitarannya iaitu memahami perkembangan apa yang berlaku di dalam dan di luar kelas. Guru mestilah memahami sepenuhnya falsafah pendidikan yang akan membantu berperanan sebagai guru yang berkompetensi. Menurut NCTM (2005), guru berperanan penting dalam melaksanakan perubahan kurikulum. Dan guru matematik memerlukan sokongan dalam jangka masa panjang dan resos yang mencukupi. Guru memerlukan masa untuk menguasai kemahiran pengajaran dan pentaksiran adalah aspek yang perlu diberi perhatian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NCTM (1995) juga mengemukakan "*Standards for the Profesional Development of Teachers of Mathematics*" iaitu :

(i) menjadi model pengajaran matematik

(ii) mengetahui matematik.

(iii) mengetahui pelajar.

(iv) mengetahui pedagogi matematik.

(v) pembangunan guru matematik.

(vi) tanggungjawab dalam pembangunan matematik.

Menurut Smith (2006), guru yang keterampilan dan terlatih sepenuhnya, mestilah bersedia untuk melaksanakan dan menjayakan hasil pembelajaran yang dikehendaki iaitu menguasai sepenuhnya teori pdp, memahami tingkah laku pelajar, menguasai sepenuhnya apa yang hendak di ajar dan sentiasa meningkatkan kemahiran mengajar. Menurut Ee (1998) kursus dalam perkhidmatan bertujuan mengemas kini pengetahuan guru dalam sesuatu bidang yang diajar, meningkatkan kemahiran mengajar guru, pendedahan kepada inovasi dalam pengajaran seperti penggunaan multi media dan ICT dalam pengajaran dan membolehkan guru mengalami perkembangan potensi diri daripada aspek peribadi dan profesional serta lengkapkan guru dengan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran baru dalam bidang pendidikan. Menurut Jensen dan Kiley, (2000) faktor utama dalam proses pentaksiran adalah guru perlu berlandaskan kriteria pembelajaran (Wong & Wong, 2008). Infatino dan Wilke

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2009) pula berpendapat guru perlu maklumat yang tepat bagaimana proses pentaksiran perlu dilaksanakan.

Standard Guru Malaysia (SGM) (2009), menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Dokumen ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan dalam usaha untuk melahirkan dan melestarikan guru berkualiti. Pada masa kini, negara menghadapi cabaran baru kesan daripada globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Sehubungan dengan itu, Malaysia memerlukan modal insan yang celik TMK, progresif dan mampu bersaing di pasaran kerja global. Pembangunan sistem pendidikan bertaraf dunia mengikut acuan Malaysia adalah agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Justeru, guru perlu memahami, menunjukkan kesungguhan dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam melaksanakan daya usaha dan pendekatan baru ke arah usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan seperti petikan yang berikut:

> *"... as the most significant and costly resource in schools, teachers are central to school improvement efforts. Improving the efficiency and equity of schooling depends, in large measure, on ensuring that competent people want to work as teachers, that their teaching is of high quality, and that all students have access to high quality teaching*."

(Organization for Economic Co-operation and Development; petikan daripada Pelan Induk Pembangunan Pendidikan KPM 2007; hal. 106)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha untuk melahirkan guru yang berkualiti dan kekal berkualiti dalam sistem pendidikan. Antara langkah yang telah diusahakan termasuklah memantapkan latihan perguruan, menambah baik sistem pemilihan calon guru, melonjakkan kecemerlangan institusi latihan perguruan, dan menambah baik laluan kerjaya serta kebajikan guru. Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan peneraju utama latihan perguruan di Malaysia. BPG bersama-sama Institut Pendidikan Guru dan Universiti Umum bertanggungjawab merancang dan melaksanakan latihan perguruan untuk memenuhi keperluan tenaga pengajar di institusi pendidikan seluruh negara. Bagi menjamin guru yang dihasilkan berkualiti tinggi, tiga aspek utama ditekankan iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pdp.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Standard Guru Malaysia ini digubal berdasarkan rasional yang berikut:

(i) mengenal pasti tahap kompetensi profesional guru dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pdp.

(ii) mengenal pasti tahap penyediaan dan pelaksanaan keperluan latihan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi menjamin tahap kompetensi guru yang ditetapkan tercapai.

Standard Guru Malaysia akan dapat mengenal pasti dasar dan strategi pembangunan pendidikan guru yang patut ditambah baik sejajar dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perkembangan dan cabaran semasa. Penggubalan SGM adalah berasaskan kepada prinsip dan proses iaitu pernyataan standard dan keperluan kurikulum. Keperluan yang dicadangkan adalah berasaskan kajian dan penandaarasan dan proses penggubalan yang dilaksanakan secara kolaboratif, telus, terbuka dan persetujuan bersama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam pendidikan. SGM adalah dokumen rujukan yang patut diguna pakai oleh guru bagi tujuan membuat refleksi kendiri mengenai tahap pencapaian standard dan mengenal pasti keperluan pembangunan profesionalisme guru (rujuk Rajah 2.2).

Standard Guru Malaysia (SGM) juga menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Dokumen ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan dalam usaha untuk melahirkan dan melestarikan guru berkualiti (Chapman, 2009; & Othman, 2007 & Idris, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2 : Standard Guru Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009.

Transformasi dalam pendidikan bagi tahun 2013 sehingga 2025, telah menggariskan tunjang ke 4 iaitu berkaitan dengan transformasi keguruan sebagai profesion pilihan iaitu dengan mengetatkan syarat lantikan guru supaya dalam kalangan graduan 30 peratus teratas, meningkatkan kualiti CPD mulai tahun 2013 dengan memberi lebih tumpuan ke atas keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah, memastikan guru memberi fokus kepada fungsi teras pengajaran mulai 2013 dengan mengurangkan beban pentadbiran, meningkatkan laluan guru untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peranan kepimpinan, pakar pengajaran dan pakar bidang khusus menjelang 2016 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025).

Aspirasi kerajaan dalam memastikan kualiti guru yang cemerlang dan berkompetensi tinggi mampu melonjakkan mutu pendidikan di negara kita. Guru ini mampu mencapai aspirasi untuk setiap pelajar menerusi domain pengetahuan, domain kemahiran berfikir, domain kemahiran memimpin, domain kemahiran dwibahasa, domain etika dan kerohanian dan domain identiti nasional. KSSR Matematik menetapkan perubahan dalam paradigma guru iaitu sebagai penyedia eviden matematik. Guru berperanan membuat dan membuktikan konjektur, mengemukakan dan menyelesaikan masalah dan menjauhi pencarian jawapan secara mekanikal serta ke arah mengaitkan idea dan aplikasi matematik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Shepard (2000) menyatakan bahawa untuk mengubah paradigma pendidikan, guru sebagai pelaksana dan ejen perubahan perlu didedahkan secukupnya dan dilatih agar mahir untuk melaksanakan perubahan tersebut. Guru perlu mempunyai kemahiran yang berterusan, mengaplikasikan konsep yang sesuai, membantu pelajar menguasai pengetahuan yang mendalam subjek dan menggunakan pentaksiran dengan cara yang baharu. Kepercayaan, pengetahuan dan kemahiran guru terhadap kurikulum akan membawa perubahan dalam amalan pentaksiran. Pentaksiran dalam bilik darjah yang digabungkan dengan pentaksiran berpusat memerlukan satu mekanisme pengoperasian daripada segi pemantauan terhadap pentaksiran guru yang berbentuk penyelarasan atau penyetaraan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8.1 Kesediaan Guru

Menurut Tatto et al. (2012), guru pada kebiasaannya mempunyai pengetahuan dan pengalaman sedia ada yang berkaitan dengan bidang tugasnya. Apabila mengikut latihan profesional, seseorang guru itu akan mengaitkan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan melalui pengalaman yang merupakan dua sumber pengetahuan penting dalam latihan professional. Ke dua – dua sumber pengetahuan tersebut saling bergantungan antara satu sama lain dan membolehkan guru lebih bersedia untuk melaksanakan tugasnya. Guru-guru yang kreatif dan inovatif pula mestilah mempunyai persediaan daripada aspek pengetahuan dan kemahiran termasuk mengaitkan keseluruhan aspek tersebut dalam penyampaian pengajarannya (Norlia, 2000). Mereka perlulah mempunyai ilmu pengetahuan, kefahaman konsep dan kemahiran komunikasi yang lengkap serta seimbang supaya dapat digunakan dalam pelbagai situasi (Esah, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses pengajaran dan pentaksiran mestilah dilaksanakan secara serentak. Namun, ramai guru tidak bersedia untuk melakukan proses pentaksiran ini. Kajian yang dijalankan oleh Rudman (1987), guru berpendapat proses pentaksiran dalam bilik darjah akan mengurangkan masa untuk proses pdp. Dan ini sejajar dengan Laporan pelaksanaan pentaksiran kemajuan berasaskan sekolah yang dikendalikan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, (1993) mendapati 25 peratus guru tidak melaksanakan pentaksiran secara berterusan, 38 peratus tidak menyediakan soalan pentaksiran secara individu dan sebanyak 7 peratus tidak mengadakan tindakan susulan selepas pentaksiran. Kajian oleh Liew dan Wan Muhamad Saridan (1991), juga mendapati faktor kesediaan guru yang rendah akan menyebabkan pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengalami kesukaran untuk memahami pelajaran. Justeru, faktor kesediaan guru wajar diberi penekanan dalam kajian ini.

2.8.2 Kepercayaan Guru

Dalam aspek matematik, kepercayaan merujuk kepada suatu konsep, makna dan pernyataan, peraturan, keutamaan dan imej mental individu (Artzt et al., 2015). Imej mental adalah perwakilan kefahaman seseorang tentang pengalaman yang telah dilalui lalu membentuk persepsi dan kognisi dalam pelbagai keadaan. Ia adalah pengetahuan subjektif tentang suatu perkara ataupun objek (Pehkonen, 2004) ataupun fakta yang diketahui, hipotesis tentang institusi sosial, pernyataan tentang objektif seseorang dan aksiom logik (Mettas et al., 2006). Sistem kepercayaan membolehkan seseorang guru memahami profesion keguruan dan berpegang kepada falsafah yang didukungnya (Habsah, et al., 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor kepercayaan matematik merupakan salah satu faktor penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan penguasaan pelajar (Zaidah, 2005). Fokus kepercayaan terhadap matematik dalam konteks pendidikan matematik adalah suatu disiplin (Kloosterman, et al.,2006; & McLeod, 2002). Disiplin matematik adalah sifat matematik yang diperlukan oleh guru bagi membuat perubahan dalam proses pdp matematik (Shahvarani & Savisi, 2007). Kepercayaan terhadap pengajaran telah menjadi isu utama dan berperanan membantu guru membuat keputusan tanpa bergantung kepada pengetahuan pedagogi dan garis panduan yang ditetapkan dalam kurikulum (Handal, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Thompson (2004) pula mendapati kepercayaan membentuk tingkah laku guru dan memberi kesan yang signifikan kepada bentuk dan proses pengajaran yang diamalkan (Vacc & Bright, 2009). Walau bagaimanapun, Liljedahl (2008) mendapati wujud isu kepercayaan yang bertentangan dengan pengetahuan dan amalan pengajaran. Kepercayaan merupakan konstruk peribadi bagi seorang guru dan berkait rapat dengan perancangan dan proses pengajaran dalam bilik darjah serta mendominasi tindakan guru dalam pelaksanaan kurikulum (Roehrig & Kruse, 2005). Guru sedia maklum bahawa pengetahuan tidak dapat dipindahkan daripada seorang pelajar kepada pelajar yang lain dan sebaliknya. Pengetahuan ini dibina oleh pelajar itu sendiri melalui proses interaksi dengan persekitaran pembelajaran.

Kepercayaan merangkumi isu yang berkaitan dengan kurikulum, sekolah, pdp, pengetahuan, pentaksiran dan strategi pengajaran (Handal et al.,2004). Perkara-perkara yang berlaku dalam bilik darjah dipengaruhi oleh kepercayaan guru (Barkatsas & Malone, 2005 & Raymond, 2007). Ini termasuklah bagaimana guru mengenal pasti proses pengajaran, pembelajaran, pentaksiran dan potensi pelajar. Aktiviti pengajaran dilaksanakan berdasarkan kurikulum yang ditetapkan. Reformasi kurikulum yang diguna pakai turut mempengaruhi kepercayaan guru (Koehler & Grouws, 2002).

Sehubungan dengan itu, peranan dan tanggung jawab yang digalas oleh seseorang guru adalah amat berat dan memberi impak yang sangat besar dan mendalam kepada pelajar. Ini dibuktikan oleh banyak kajian yang menunjukkan kepercayaan guru akan mempengaruhi kepercayaan, pencapaian dan sikap pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Champman, 2001; Cooney, 1994; Emenaker, 1996; Kloosterman et al., 1993; Lester & Garofalo, 1987; Routlet, 2000). Kepercayaan seseorang guru sangat sukar diubah (Richardson 1996). Ini akan mempengaruhi apa yang akan diajar kepada pelajarnya (Ball & McDiarmid, 1990; & Dougherty, 1990; Veal 2004; Fennema & Franke, 1992; Gunstone & White, 1999; Pajares, 1992). Kesimpulan, faktor kepercayaan merangkumi gabungan aspek pengetahuan, sikap dan tindakan yang mempengaruhi proses pdp dalam matematik.

2.8.3 Amalan Guru

Pengajaran merupakan aspek pedagogi yang paling kritikal yang merangkumi proses mengorganisasikan dan mengurus bilik darjah, memberi penerangan yang jelas tentang tugasan yang diberikan, membuat pentaksiran dan berkomunikasi secara efektif dengan pelajar melalui aktiviti soal jawab dan perbincangan (Shulman, 1987). Amalan guru dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu pengetahuan, kepercayaan dan sikap guru. Menurut Zaidah (2005), pedagogi guru merupakan ciri utama bagi menentukan amalan pengajaran guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Stipek et al. (2001) mengemukakan perkara-perkara yang merangkumi aspek amalan guru iaitu:

i. penekanan terhadap prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar.
ii. kadar masa yang diberikan oleh guru kepada pelajar bagi menyelesaikan latihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. pendekatan yang digunakan oleh guru dalam menyampaikan pengajaran.

iv. galakan dan peluang yang diberi oleh guru kepada pelajar.

v. penekanan guru terhadap usaha pelajar dan bagaimana guru menyampaikan maklum balas tentang ganjaran atau peneguhan kepada usaha tersebut.

vi. penekanan guru terhadap galakan kepada pelajar supaya memberi tumpuan kepada pemahaman dan masteri.

vii. tahap semangat dan minat guru terhadap matematik.

Stipek et al. (2001) menyatakan bahawa amalan guru tradisional bertumpukan kepada prestasi pelajar dan bukan pembelajaran dan kefahaman pelajar iaitu penguasaan gred yang tinggi menjadi fokus utama. Namun, keberkesanan amalan pengajaran matematik bergantung kepada pengetahuan kandungan matematik dan pengetahuan pedagogi kandungan yang dimiliki (Burstein, 2014)). Kedua-dua komponen ini berperanan penting bagi pembentukan konsep matematik oleh pelajar (Kahan et al., 2003; Turnuklu & Yesildere, 2007). Mereka berpendapat pelajar akan lebih mempelajari matematik jika guru lebih mengetahui matematik. Guru seharusnya berupaya untuk menyediakan pengajaran matematik yang berkesan dan menilai pembelajaran pelajar (Ball, Hill & Bass, 2005).

National Research Council (NRC) (2001), menyenaraikan lima kemahiran matematik bagi mencapai matlamat pengajaran iaitu kefahaman konseptual, kemahiran prosedural, kemahiran strategik, penaakulan dan disposisi produktif. Kefahaman konseptual merangkumi aspek gabungan konsep matematik, operasi dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungan terkandung dalam matematik. Kemahiran prosedural adalah kebolehan melaksanakan prosedur matematik secara fleksibel, tepat dan bersesuaian. Kemahiran strategik ialah kebolehan membuat formulasi, perwakilan dan penyelesaian masalah. Penaakulan ialah merujuk kepada pemikiran logik, membuat refleksi dan justifikasi. Dan disposisi produktif adalah kemahiran melihat kepentingan matematik dan kepercayaan terhadap usaha yang bersungguh-sungguh. Secara rumusan, guru matematik mesti berupaya untuk mengintegrasikan kepentingan matematik dan hubungannya dengan konsep pentaksiran. Manakala pengetahuan pedagogi yang efektif perlu dikuasai oleh guru supaya pengajaran di dalam bilik darjah dapat dilaksanakan dengan baik.

2.9 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum Matematik yang mementingkan kepada orientasi peperiksaan mendatangkan kesan kepada peningkatan domain kognitif sahaja dan tidak berupaya menghasilkan individu-individu yang dihasratkan oleh FPN. Menurut Lau (1998) peperiksaan dapat memberi kesan negatif terhadap pelajar dalam pelajaran. Kerisauan terhadap kegagalan akan menimbulkan kebimbangan yang tinggi kepada pelajar. Konsep pentaksiran PBS yang diperkenalkan diharapkan mampu untuk mengurangkan kebergantungan terhadap peperiksaan.

KSSR matematik yang baru dilaksanakan pada tahun 2011 bermula secara berperingkat-peringkat iaitu bermula tahun satu bertujuan melahirkan pelajar yang berpengetahuan tinggi dalam matematik. Aspek PBS yang mengaplikasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pentaksiran secara formatif dan pentaksiran sumatif, mampu membentuk suasana pembelajaran Matematik yang lebih kondusif. Guru memainkan peranan penting ke arah merealisasikan usaha ini. Selain daripada mempunyai kefahaman yang jelas tentang KSSR dan aspek pentaksiran, guru perlu tahu bagaimana melaksanakan aspek PBS ini dalam pdp. Standard Guru Malaysia yang diperkenalkan mampu menyediakan guru yang berkompetensi dalam proses pdp.

Pembangunan M-PA mengambil kira faktor falsafah, teori-teori pembelajaran, strategi dan teknik pdp serta pentaksiran yang perlu diintegrasikan bagi membantu keberkesanan pdp. Pengintegrasian model-model khusus untuk memastikan proses pentaksiran dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik merangkumi Model "*Mutual Benefit Evaluation*", Model "*Management By Objective Evaluation*" dan modul pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Bahagian metodologi ini menghuraikan aspek-aspek penting berkenaan reka bentuk kajian, pemboleh ubah kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, prosedur pengumpulan data, prosedur kajian dan penganalisisan data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah merujuk kepada kaedah perancangan keseluruhan bagi menjawab soalan kajian atau strategi dalam melaksanakan penyelidikan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melaksanakan kaedah atau teknik analisis data yang khusus (Fraenkel & Wallen, 2003; & Bhattacherjee, 2012).


Secara umum, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan hanya menggunakan pendekatan kualitatif bagi menyokong data kuantitatif. Menurut Neuman (2000), kaedah penggunaan kajian yang baik selalu menggabungkan kedua–dua ciri kuantitatif dan kualitatif di mana penggunaan kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Kaedah kuantitatif menjawab persoalan: 'berapa banyak', 'berapa baik' atau 'setakat mana ketepatan' manakala kaedah kualitatif diperlukan apabila seorang pengkaji ingin mendapatkan satu gambaran menyeluruh tentang apa yang berlaku dalam sesuatu situasi atau *setting* (Fraenkel & Wallen 2003). Menurut Gall et al. (2003) pula kajian kuantitatif sebagai kajian *positivist* dan kajian kualitatif sebagai kajian interpretasi atau kajian kes.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara khusus, reka bentuk kajian ini dibahagikan kepada tiga fasa penyelidikan seperti Rajah 3.1. Pada peringkat fasa pertama, reka bentuk kajian tinjauan deskriptif dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif (Kerlinger, 2000; & Creswell, 2003). Pengumpulan maklumat dilakukan dengan menggunakan soal selidik untuk memperoleh maklumat mengenai tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan dan tahap pemantauan guru dalam melaksanakan KSSR Matematik Tahun Satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1 : Reka bentuk kajian mengikut fasa

Pada peringkat fasa ke dua kajian, melibatkan proses pembangunan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA). M-PA yang dihasilkan akan diuji dengan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kuasi-eksperimen dengan mengaplikasikan Reka bentuk Ujian Pra dan Ujian Pos Berkumpulan Kawalan Tidak Setara *(Non-Equivalent Pre Test and Post test Control Group Design)* (Chua, 2006; Creswell, 2002; & Salkind, 2000). Kesemua pelajar dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan menduduki Ujian Pra dan Ujian Pos. Kumpulan yang terlibat dalam kajian ini (Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan) akan dipilih berdasarkan ciri-ciri setara berasaskan skor Ujian Pra. Secara ringkasnya, reka bentuk kajian eksperimen boleh digambarkan dengan Jadual 3.1 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1:

Model Reka Bentuk Eksperimen

Kumpulan	Ujian Pra	Rawatan	Ujian Pos
Eksperimen	O_1	X	O_2
Kawalan	O_3	-	O_4

X : Eksperimen (Menggunakan M-PA)

- : Kawalan (Tidak Menggunakan M-PA)

O_1 dan O_3 : Ujian Pra


O_2 dan O_4 : Ujian Pos

Pembangunan modul merupakan antara objektif utama kajian ini. Pembangunan modul pengajaran mempunyai kepelbagaian model antaranya: Model Dick & Carey (1996), Model Mager (1990), Model Russell (1974), Model Mohd Sidek Mohd Noah (2001) dan Model Sharifah Alwiah Alsagoff (1981). Walau pun terdapat perbezaan daripada segi prosedur atau pendekatan yang digunakan dalam pembangunan modul berasaskan tokoh-tokoh ini, matlamat akhir kesemua pendekatan ialah untuk menghasilkan modul yang bermutu tinggi. Kajian ini menggunakan Model Mohd Sidek, Model Sharifah Alsagoff dan Model Russell sebagai panduan kerana gabungan model ini menghasilkan model integrasi yang lebih komprehensif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah pembangunan M-PA, pengujian dilaksanakan oleh seorang guru Matematik di daerah Kuala Terengganu. Setelah pengujian M-PA dilakukan, pengkaji melaksanakan temu bual secara berstruktur terhadap guru pengendali modul tersebut. Secara rumusan, Rajah 3.2 menunjukkan tiga peringkat fasa kajian yang akan dilaksanakan.



Rajah 3.2 : Fasa Kajian

3.3 Pemboleh ubah – pemboleh ubah Kajian

Pemboleh ubah kajian terdiri daripada dua iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah bersandar ialah pemboleh ubah yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengalami perubahan akibat daripada pemboleh ubah yang lain (Mohd Majid, 2009; Mok, 2009; Mokhtar, 2011 & Wiersma & Jurs, 2009). Pemboleh ubah dalam kajian kuantitatif merujuk kepada ciri-ciri karakter yang mempunyai nilai yang berbeza kepada manusia atau perkara (Ary et al., 2010). Pemboleh ubah yang dikaji dan diukur adalah pemboleh ubah bersandar. Menurut Sekaran (2003), matlamat utama pengkaji ialah untuk memahami, menjelaskan kebolehpercayaan dan meramal pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bersandar yang diukur dalam kajian ini ialah kesediaan, penerimaan, amalan dan pemantauan guru dalam melaksanakan KSSR dengan menggunakan borang soal selidik berkaitan pentaksiran KSSR.

Pemboleh ubah yang dimanipulasikan dalam kajian dikenali sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah ini juga dikenali sebagai pemboleh ubah independen, pemboleh ubah anteseden, pemboleh ubah prediktor, pemboleh ubah eksploratori atau pemboleh ubah kawalan (Mok, 2009). Dalam kajian ini, pemboleh ubah tidak bersandar ialah pengajaran yang menggunakan M-PA untuk menilai tahap pencapaian pelajar tahun satu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Populasi Kajian

Pensampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan responden kajian. Pensampelan merupakan satu aspek penting dalam pengkajian kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Selain daripada faktor-faktor reka bentuk kajian dan pengukuran, kualiti hasil pengkajian juga bergantung kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pensampelan kajian (Chua, 2006). Dalam kajian ini hanya fasa pertama dan fasa ketiga kajian yang melibatkan populasi kajian.

Populasi kajian bagi fasa pertama merupakan guru Matematik Tahun Satu di sekolah rendah di Terengganu iaitu seramai 725 orang yang mewakili tujuh daerah iaitu Daerah Besut seramai 109 orang guru, Daerah Dungun seramai 104 orang guru, Daerah Hulu Terengganu seramai 63 orang guru, Daerah Kemaman seramai 119 orang guru, Daerah Kuala Terengganu seramai 210 orang, Daerah Marang seramai 64 orang guru dan Daerah Setiu seramai 56 orang guru (Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, 2012). Terdapat 350 buah sekolah rendah di seluruh Negeri Terengganu. Jadual 3.2 menunjukkan bilangan sekolah rendah dan bilangan guru Matematik Tahun Satu di Negeri Terengganu yang mewakili 7 buah daerah iaitu daerah Kuala Terengganu sebanyak 81 buah, daerah Marang sebanyak 29, daerah Dungun dan Hulu Terengganu masing-masing 48 buah, daerah Kemaman sebanyak 47 buah, daerah Setiu sebanyak 43 buah dan daerah Besut sebanyak 54 buah sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.2:

Bilangan guru Matematik Tahun Satu dan bilangan sekolah rendah mengikut daerah di Terengganu.

Daerah	Bilangan guru	Bilangan/buah sekolah
Kuala Terengganu	210	81
Marang	64	29
Setiu	56	43
Besut	109	54
Dungun	104	48
Hulu Terengganu	63	48
Kemaman	119	47
Jumlah	725 orang	350 buah

Sumber : Statistik Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu. Data diperoleh pada 1 April 2013

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam fasa ketiga kajian pula melibatkan populasi pelajar murid tahun satu di sebuah sekolah kebangsaan daerah Kuala Terengganu seramai 112 orang yang terdiri daripada 31 orang pelajar lelaki dan 81 orang pelajar perempuan. Secara keseluruhan terdapat 3 buah kelas tahun satu.

3.5 Sampel Kajian

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan rentasan atau "cross-sectional " yang mengambil sesuatu data hanya pada satu ketika (Fraenkel & Wallen 1996:368). Bilangan sampel fasa pertama kajian ialah sebanyak 81 buah sekolah dari daerah Kuala Terengganu yang dipilih secara pensampelan rawak mudah dari 7 buah daerah iaitu seramai 210 orang guru Matematik tahun satu, untuk menjawab soal selidik pentaksiran KSSR yang dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa ketiga kajian melibatkan sampel kajian yang terdiri daripada 63 orang pelajar tahun satu Sekolah Kebangsaan Simpang Rawai yang telah dipilih secara rawak. Seramai 31 orang pelajar dikategorikan sebagai kumpulan kawalan dan 32 orang pelajar sebagai kumpulan eksperimen. Dalam aspek pemilihan guru pengendali modul, Patton (2002) dan Mason (2002) berpendapat pemilihan sampel ini berdasarkan teknik pensampelan bertujuan. Peserta kajian yang dipilih berdasarkan aspek memenuhi keperluan persoalan kajian, bersedia untuk bekerjasama, ditemu bual dan dapat memberi maklumat yang diperlukan. Cohen, Manion & Morrison (2007) juga telah memberi saranan yang hampir sama iaitu pengkaji perlu menentukan had sempadan dalam memilih peserta kajian dengan mengambil kira limitasi masa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebenaran untuk akses ke tempat kajian dan peserta kajian berupaya menjawab persoalan kajian.

Menerusi teknik ini, peserta yang dipilih kepada mereka yang dapat memberi maklumat mendalam (Marshall & Rosman, 2006;& Cohen, Manion & Morrison, 2007). Dengan ini, pemilihan peserta kajian berdasarkan teknik pensampelan berupaya membolehkan maklumat diperoleh di lokasi kajian dengan lebih mudah dan maklumat yang lebih terperinci serta berkemampuan menjawab persoalan kajian. Menurut Ary et al. (2002) pemilihan tempat kajian perlu melihat kepada sifat dan keperluan kajian bagi memastikan tempat yang dipilih tidak membatasi apa yang ingin dikaji. Ary et al. (2010) pula mencadangkan supaya tempat yang dipilih hendaklah mudah dan tidak kompleks serta menjimatkan masa. Marohaini (2001) menganggap pemilihan peserta adalah penting kerana tempoh masa yang terlibat agak panjang dan juga maklumat adalah dipunyai oleh peserta kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Marohaini (2001) menyarankan kriteria-kriteria berikut dipenuhi iaitu peserta yang dipilih perlu mempunyai latar belakang dan kepakaran aspek yang dikaji, persetujuan untuk menjadi peserta kajian perlu diperoleh; (iii) sokongan daripada pihak berwajib perlu diambil kira dan susunan jadual perlu disediakan agar guru yang dikaji dapat dibuat pemerhatian tanpa bertindan. Dalam kajian kes kualitatif, jumlah peserta kajian tidak dibataskan atau ditetapkan bilangannya (Chua, 2011; Othman, 2012;& Merriam, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Burns (2000), penentuan peserta kajian perlu berdasarkan tujuan kajian dan Marohaini (2001) menjelaskan bilangan peserta kajian yang kecil adalah memadai untuk membolehkan penerokaan secara mendalam dan menjawab persoalan kajian secara holistik dan bermakna tentang fenomena yang dikaji, sesuai dengan sifat kajian kualitatif yang kompleks serta proses pengumpulan dan penganalisisan data yang rumit. Oleh yang demikian, seorang guru yang dipilih secara rawak daripada empat orang guru yang bersedia dari daerah Kuala Terengganu bagi menggunakan dan menguji M-PA. Faktor masa pelaksanaan pdp yang serentak menyukarkan pemerhatian dilaksanakan sekiranya bilangan guru yang penguji M-PA melebihi seorang. Di samping itu, temu bual dilaksanakan bertujuan agar data kajian secara terperinci diperoleh. Di samping itu juga, analisis dokumen seperti penulisan refleksi pdp guru dan lembaran kerja juga dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Instrumen Kajian

Bagi menjawab persoalan-persoalan kajian, instrumen yang akan digunakan ialah : (1) Soal Selidik Pentaksiran KSSR; (2) Soal Selidik Penilaian Modul dan (3) Ujian Pra – Ujian Pos (4) Protokol Temu Bual (5) Protokol Pemerhatian.

3.6.1 Soal-selidik Pentaksiran KSSR

Menurut Cresswell (2005), reka bentuk tinjauan dengan soal selidik merupakan alat kajian yang paling sesuai kerana “versatility”, efisien dan boleh membuat generalisasi. Penggunaan soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang tingkah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku dan personaliti menjadi pilihan penyelidik (Boone & Deborah, 2012). Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik guru yang dibina berdasarkan ketetapan dalam objektif kajian berpandukan contoh yang dikemukakan daripada *"Association of assessment Inspector and Adviser,* U.K. (AAIA, 2002), Evans (2003) dan Swan (2006).

Soal selidik tersebut meliputi lima bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E (Lampiran A). Jadual 3.3 menunjukkan taburan item soal selidik tersebut. Bahagian A mengandungi soalan-soalan mengenai latar belakang guru seperti maklumat diri, latihan dan pengalaman. Bahagian B pula mengenai kesediaan guru untuk melaksanakan KSSR daripada segi kemahiran dan pengetahuan. Bahagian C adalah berkaitan dengan aspek penerimaan yang merangkumi aspek kepercayaan, sikap dan kemahuan dalam melaksanakan pentaksiran KSSR. Bahagian D adalah merangkumi aspek amalan guru dalam pentaksiran. Dan Bahagian E pula merangkumi aspek pemantauan. Instrumen ini menggunakan Skala likert 5 skala yang dicadangkan dalam kajian oleh Cunningham-Sabo, & Baker, 2011; Diker, Walters, Elizer, 2011; Hines, Hansen & Fallen, 2011; Kroth & Peutz, 2011 & Singletary, Emm & Hill, 2011).

Jadual 3.3

Taburan item soal selidik.

Bahagian	**Konstruk yang diukur**	**Bilangan Item**	**Item**	**Sumber**
Bahagian A	Maklumat Demografi	8	1-8	AAIA, 2002
Bahagian B	Latihan Kemahiran	10	1a-1j	AAIA, 2002

sambungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian C	Pengetahuan	11	2a - 2k	
	Kepercayaan	9	3a - 3i	Evans (2003)
	Sikap	11	4a - 4k	
	Kemahuan	7	5a – 5g	
Bahagian D				
	Amalan	18	6a-6q 7a-7m	Swan (2006)
Bahagian E				
	Pemantauan	23	8a-8d 9a-9b 10a-10d 11a-11c 12a-12c 13a-13d 14a-14c	AAIA, 2002

3.6.2 Soal Selidik Penilaian Modul

Soal selidik Penilaian Modul ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Soal selidik ini digunakan kerana merupakan alat pungutan data yang paling diterima, diakui, digunakan secara meluas, paling lengkap dan paling pantas (Fraenkel & Wallen, 2003). Soal selidik ini diubah suai daripada Borang Penilaian Modul Nik Zaharah (2006). Bahagian A mengandungi 18 item berkaitan modul dan Bahagian B merangkumi 10 item mengenai topik Wang, Masa dan Waktu (rujuk Lampiran B).

3.6.3 Ujian Topik Wang, dan Masa dan Waktu

Menurut Chua (2006), ujian diberikan bertujuan untuk mengukur tahap pembelajaran yang berlaku selepas didedahkan dengan sesuatu pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran. Pencapaian pelajar dalam topik yang dipelajari diukur melalui Ujian Topik Wang, dan Masa dan Waktu. (Lampiran C).

Topik wang dipilih dalam kajian ini kerana topik ini sangat diperlukan dalam kehidupan seharian dan membolehkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan dalam pendidikan formal serta meningkatkan nilai matematik (Kulbir Singh Sidhu, 2006). Topik ini dapat menarik minat pelajar dan memerlukan pengetahuan matematik untuk memahaminya (Marquez & Westbrook, 2007). Pelajar perlu memahami konsep wang untuk membantu pengurusan wang dalam kehidupan (Schwartzman & Suckow, 2010). Guru juga perlu menggunakan mengaplikasikan pengajaran kontekstual semasa mengajar wang. Pengajaran topik wang adalah penting untuk dikaitkan dengan topik sebelumnya seperti operasi nombor dan ini dapat mengurang jurang kesilapan konsep (Braddon et al., 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) adalah dicadangkan untuk memudahkan pemahaman konsep wang (Gillespie, 2012) dan aktiviti kumpulan akan memberi kesan untuk pelajar apabila mempelajari topik ini (Reesink, 2008). Topik masa dipilih kerana pelajar tidak dapat melihat dan merasa seperti mereka mempelajari tajuk berat, isi padu, panjang dan suhu (Rosalind & Karen, 2003). Masa adalah suatu perkara yang subjektif dan susah untuk difahami oleh kanak-kanak. Menurut Kamus Longman 2004, masa adalah pengukuran dalam minit, jam, tahun dan asas unit masa yang telah dimurnikan pada 1967. Kebanyakan pelajar tidak dapat memahami masa sehinggalah mereka berumur tujuh atau lapan tahun (Ann Montague-Smith, 2005). Piaget (dalam Sue Gifford, 2005), beliau juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpendapat sedemikian, tetapi ia akan berlaku sebaliknya jika seorang kanak-kanak itu telah didedahkan mengenai masa oleh ibu bapanya.

Pemahaman seseorang pelajar sangat bergantung kepada pengalamannya di rumah. Masa adalah salah satu aspek dalam pengukuran yang bukan unit metrik, membuatkan pelajar susah hendak membuat perhubungan antara unit (60 saat dalam seminit, 60 minit dalam satu jam, 24 jam dalam sehari dan seterusnya) dan tajuk masa menjadi sangat mencabar. Menurut Valsa et al. (2000) pelajar mengalami kesukaran untuk mempelajari konsep masa yang tidak sama dengan unit metrik dalam topik pengukuran seperti jisim, panjang dan sebagainya. Haylock (2006), berpendapat bahawa penukaran unit dalam masa adalah menjadi cabaran kepada pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tajuk masa membuatkan pelajar sukar mengira dan keliru sewaktu mereka melalui proses penukaran unit susah untuk menerangkan konsep dan kemahiran dalam topik masa seperti mengetahui perbezaan fungsi jarum jam, membaca nombor, memahami putaran arah jam, mengira dalam gandaan lima dan mengenali bentuk pecahan pada muka jam (Kerslake (1975) dalam Sue Gifford (2005)). Permasalahan pelajar dalam tajuk masa mungkin boleh diselesaikan dengan penggunaan resos mengajar. Menurut Syakila Brown (2006), untuk membantu pelajar memahami konsep masa memerlukan bantuan resos yang berbentuk jam analog. Pengajaran mengenai masa kadang kala ia amat menyusahkan dan memenatkan, tetapi *'hand-on'* dan latihan yang banyak (Beverly Hernandez, 2013), aktiviti *'mind-on'* (Sue & Beth, 2008) akan membantu untuk memperkenalkan tajuk masa dan waktu terutamanya dari sudut konsep masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Sue McMillen dan Beth Ortiz Hernandez (2006), pelajar boleh mencipta garis masa mereka sendiri untuk mewakili pelbagai aktiviti yang mereka lalui. Tetapi kebanyakan pelajar tidak mampu berbuat sedemikian kerana mereka mempunyai masalah mengingat hubung kait antara unit masa dan waktu. Hansen (2005) menyatakan pelajar perlu memahami "*passage of time*" seperti tempoh masa antara masa makan pagi dan masa makan tengah hari. Konsep ke dua adalah *"recorded time*" iaitu merujuk masa spesifik sesuatu peristiwa itu berlaku. Ini dilaksanakan dengan penggunaan jam analog dan jam digital. Cockburn (2009), pelajar mengalami kesukaran memahami masa dalam konteks lampau. Di samping itu, Hopkins, Pope dan Pepperell (2004) penggunaan jam analog dapat membantu pelajar memahami konteks peristiwa lampau. Mooney et al.(2004) mendapati penggunaan muka jam dapat membantu pelajar mengatasi kesukaran dalam topik masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian topik ini merupakan ujian secara formal yang sistematik, menggunakan kertas-pensel dan menghasilkan markah ujian dalam bentuk angka (numerical). Ujian ini mempunyai dua tahap; tahap satu mengandungi lima belas item objektif dan tahap dua mengandungi sepuluh item yang perlu diberikan jawapan ringkas. Pembahagian soalan berpandukan kepada pemberat yang telah dipersetujui oleh guru dan pengkaji. Ini berpandukan kepada format soalan peperiksaan sumatif tahun satu. Soalan dibina oleh pengkaji dengan kerjasama guru berdasarkan sukatan pelajaran Matematik tahun satu. Ujian ini akan ditadbir kepada sampel kajian sebagai Ujian Pra dan Ujian Pos. Bagi menentukan item yang dibina sesuai digunakan, nilai indeks kesukaran dan indeks diskriminasi dikira. Indeks kesukaran merujuk kepada jumlah pelajar yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjawab item ialah J dan bilangan pelajar yang dapat menjawab item dengan betul ialah B; formula dan contoh pengiraan adalah seperti di bawah:

$$\text{Indeks kesukaran (p)} = \frac{B}{J}$$

Contoh pengiraan indeks kesukaran item 7,

$$\frac{12}{30} = 0.40$$

Jadual 3.4:

Pngkelasan Item Indeks Kesukaran

Nilai p	Pengkelasan Item
0.00-0.20	Terlalu sukar
0.21-0.40	Sukar
0.41-0.60	Sederhana sukar
0.61-0.80	Mudah
0.81-1.00	Terlalu mudah

Sumber: Reynolds et al. (2010). *Measurement and assessment in education*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Indeks diskriminasi pula merujuk kepada prestasi kumpulan calon yang menjawab ujian. Contoh pengiraan dan Jadual 3.5 pengelasan adalah seperti di bawah:

$$D = \frac{\mathbf{U-L}}{\frac{\mathbf{N}}{\mathbf{2}}}$$

Contoh pengiraan item 6 (Lampiran C) adalah seperti

$$D = \frac{10-2}{\frac{30}{2}} = 0.53$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5 :

Indeks Diskriminasi dan Pengkelasan Item

Nilai p	Pengkelasan Item
0.00-0.10	Tidak baik
0.11-0.20	Kurang baik
0.21-0.30	Sederhana baik
0.31-0.40	Baik
0.41-1.00	Sangat baik

Sumber: Reynolds et al. (2010). *Measurement and assessment in education*.

Secara rumusan indeks diskriminasi dan indeks kesukaran adalah seperti Jadual 3.6. Kesemua item objektif adalah sesuai dan diterima boleh digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.6 :

Interpretasi Indeks Kesukaran dan Indeks Diskriminasi

ITEM	IK	PENGKELASAN ITEM (IK)	ID	PENGKELASAN ITEM (ID)	TAFSIRAN DATA
1	0.50	Sederhana sukar	0.40	Baik	Soalan diterima
2	0.43	Sederhana sukar	0.93	Sangat baik	Soalan diterima
3	0.50	Sederhana sukar	0.47	Sangat baik	Soalan diterima
4	0.43	Sederhana sukar	0.60	Sangat baik	Soalan diterima
5	0.43	Sederhana sukar	0.33	Baik	Soalan diterima
6	0.40	Sukar	0.53	Sangat baik	Soalan diterima
7	0.40	Sukar	0.27	Sederhana baik	Soalan diterima
8	0.33	Sukar	0.53	Sangat baik	Soalan diterima
9	0.50	Sederhana sukar	0.73	Sangat baik	Soalan diterima

sambungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

10	0.40	Sukar	0.22	Sederhana baik	Soalan diterima
11	0.50	Sederhana sukar	0.33	Baik	Soalan diterima
12	0.60	Sederhana sukar	0.67	Sangat baik	Soalan diterima
13	0.57	Sederhana sukar	0.33	Baik	Soalan diterima
14	0.43	Sederhana sukar	0.33	Baik	Soalan diterima
15	0.53	Sederhana sukar	0.53	Sangat baik	Soalan diterima

3.6.4 Protokol Temu bual, Pemerhatian dan Analisis Dokumen

Instrumen utama kajian kualitatif adalah pengkaji sendiri kerana proses pengumpulan dan penganalisisan data dijalankan berdasarkan proses pemikiran (Ary et al.,2002). Peringkat pengutipan dan penganalisisan data merupakan peringkat yang penting dalam kajian kualitatif. Peringkat ini akan menentukan kejayaan sesebuah kajian. Menurut Marohaini (2001) pengkaji perlu mempunyai pengetahuan serta kemahiran bagi mentadbir instrumen.

Menurut Ary et al.(2010) kemahiran yang diperlukan dalam melaksanakan kajian ialah dapat menyesuaikan diri, berkebolehan berinteraksi, berkemampuan membuat interpretasi, melakukan analisis dan peka dengan persekitaran. Dan pengkaji perlu bertindak membuat interpretasi data memandangkan berlakunya interaksi dinamik antara peserta dan konteks kajian. Justeru, kajian memperoleh data melalui pelbagai kaedah iaitu temu bual, pemerhatian fizikal, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen. Menurut Patton (2002), dengan menggunakan protokol temu bual, protokol pemerhatian dan bahan dokumen (Bogdan & Bilken, 2003; & Merriam,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2009) sebagai instrumen, data yang diperoleh adalah menyeluruh dan mendalam. Menurut Yin (2003) protokol merupakan kaedah atau taktik yang boleh digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan menjadi panduan kepada pengkaji. Justeru, protokol temu bual, protokol pemerhatian dan analisis dokumen telah digunakan dalam kajian ini.

Temu bual adalah lebih bersifat peribadi dan dapat meneroka keadaan sebenar, malah dapat diperjelaskan apabila timbul kekeliruan data pada kali pertama (Maxwell, 2005). Proses temu bual dibuat juga akan dilaksanakan untuk memperoleh maklumat tentang M-PA secara lebih mendalam. Menurut Tuckman (2000), temu bual membolehkan pengkaji untuk mengukur apa yang diketahui, disukai, nilai dan apa yang difikirkan oleh seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Temu bual dapat membantu untuk memperoleh informasi yang cepat dan kaedah yang terbaik ialah temu bual tidak berstruktur kerana maklumat secara lebih mendalam diperoleh (Pratt, 2006). Fokus utama temu bual ialah mengenai kesesuaian M-PA untuk menilai pencapaian pelajar, masalah-masalah yang dihadapi dalam menggunakan M-PA dan cadangan untuk mengatasi masalah. Temu bual dilangsungkan berdasarkan Protokol Temu bual yang diubahsuai berdasarkan kajian yang digunakan oleh Nik Zaharah (2006). Protokol ini mengandungi tujuh item berkaitan dengan pentaksiran KSSR dan masalah-masalah yang dihadapi dalam menggunakan M-PA dan cadangan mengatasi masalah tersebut (Lampiran D).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji memastikan guru pengendali M-PA berasa selesa dan dapat menerima dirinya sebagai rakan. Ini penting bagi membolehkan peserta memberi maklumat yang tepat dan tidak melindungi sebarang maklumat, lebih-lebih lagi dengan status pengkaji sebelum ini merupakan individu yang sering berhubung dengan peserta kajian. Sesi temu bual telah dijalankan di lokasi sekolah iaitu di bilik guru. Menurut Gilham (2000), pemerhatian pula melibatkan tiga ciri iaitu memerhati, mendengar dan bertanya soalan untuk mendapatkan penjelasan. Pemerhatian perlu dilakukan bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang apa yang berlaku dalam satu-satu situasi tertentu.

Pemerhatian adalah kaedah terbaik untuk mengumpul data kerana peserta kajian tidak menyedari tingkah laku mereka diperhatikan dalam situasi tersebut dalam jangka masa yang panjang kerana peserta kajian telah dapat membiasakan diri (Morse & Richards, 2002). Kajian ini juga menggunakan pemerhatian turut serta. Pemerhatian ini boleh diklasifikasikan kepada tiga jenis iaitu pemerhatian deskriptif, berfokus dan terpilih (Fraenkel, Wallen & Hyun, 2012). Pemerhatian deskriptif merupakan pemerhatian yang melibatkan pemerhatian secara holistik terhadap latar dan aktiviti yang berlangsung dalam situasi tersebut. Pemerhatian ini memberi gambaran yang jelas terhadap persekitaran kelas yang sesuai untuk melaksanakan pentaksiran autentik. Pemerhatian berfokus pula melibatkan pemerhatian khusus terhadap aspek yang dikaji. Daripada pemerhatian berfokus, akan terbentuk pemerhatian terpilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pemerhatian dijalankan terhadap pelaksanaan M-PA dalam pdp guru pengendali modul, bahan dan aspek persekitaran fizikal yang memberi kesan kepada kajian ini. Pemerhatian dirakamkan dalam bentuk rakaman video dan nota lapangan. Satu protokol pemerhatian telah digunakan (Lampiran E) untuk pemerhatian pdp.

Protokol pemerhatian ini mengandungi urutan perkembangan proses pengajaran dengan mencatatkan masa dan tempat, aktiviti dan bahan, serta deskripsi proses pengajaran yang berlaku, yang dicatat secara sistematik (Marshall & Rossman, 2006). Protokol ini penting bagi membolehkan pengkaji mencatat nota lapangan berdasarkan apa yang berlaku dalam tempoh pengajaran. Nota lapangan ialah satu koleksi nota yang diambil semasa menjalankan pemerhatian mendalam (Merriam, 2009) dan mengandungi deskripsi tentang kawasan kajian, informan dan aktiviti yang berlaku. Kajian ini juga menggunakan analisis dokumen bagi mengukuhkan, membanding dan melengkapkan data yang diperoleh daripada teknik temu bual dan pemerhatian (Yin, 2014). Maklumat daripada analisis dokumen merupakan sumber bukti yang penting dalam kajian kualitatif (Maxwell, 2005). Pengkaji membuat analisis terhadap dokumen buku rekod mengajar, standard kandungan, standard prestasi, bahan bantu mengajar, lembaran kerja dan hasil kerja pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesahan sesuatu instrumen kajian adalah merujuk kepada sejauh mana sesuatu instrumen itu mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kebolehpercayaan instrumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan dua perkara yang perlu ditentukan terlebih dahulu sebelum sesuatu instrumen itu digunakan untuk mengumpul data dalam sesuatu kajian. Asas pertimbangan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah kerana instrumen yang digunakan untuk mengukur lazimnya memberikan nilai ukuran yang dipengaruhi ralat.

3.7.1 Kesahan Soal Selidik Kajian

Kesahan instrumen dilakukan bagi memastikan bahawa instrumen kajian mengukur dengan tepat konstruk yang dikaji (Ary, Jacobs & Sorenson, 2010;& Wiersma, 2000). Ini bermaksud kesahan instrumen akan dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Oleh itu, alat pengukur yang berupaya mengukur dengan tepat sesuatu pemboleh ubah yang ditetapkan dianggap sah sebagai alat pengukur bagi pemboleh ubah tersebut dan jika kesahan tinggi, maka darjah kebolehannya mengukur juga tinggi (Field, 2009; & Miles & Shevlin, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan Soal Selidik Pentaksiran KSSR, telah dilaksanakan oleh dua orang pakar dalam Matematik dan Bahasa Inggeris. Proses penterjemahan bagi instrumen Soal Selidik Pentaksiran KSSR dilaksanakan bagi tujuan kesahan kandungan. Kesahan kandungan soal selidik yang dilaksanakan oleh pensyarah pakar dalam bahasa Inggeris untuk terjemahan semula dalam Bahasa Inggeris yang telah dilakukan bagi memastikan ketekalan maksud item dalam sola selidik memandang instrumen asal soal selidik adalah dalam Bahasa Inggeris. Kaedah *back to back translation* digunakan dalam memastikan keaslian maksud setiap item asal. Seterusnya seorang pakar dalam kedua-dua bahasa membuat perbandingan bagi kedua-dua versi supaya ia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai maksud yang tepat, sesuai dan jelas. Cadangan dan penambahbaikan item dilakukan mengikut cadangan yang diberikan oleh pakar.

Bagi Soal selidik Penilaian Modul, seorang pakar yang berpengalaman dalam pembangunan modul pdp, telah dipilih untuk memastikan instrumen adalah tepat dan sesuai digunakan. Dan bagi Ujian Topik Wang dan Masa dan Waktu yang dibina oleh pengkaji dengan bantuan guru-guru Matematik Tahun Satu juga di rujuk kepada dua orang pakar yang merupakan guru Matematik berpengalaman lebih daripada 10 tahun mengajar topik tersebut. Salah seorang daripada mereka merupakan pemeriksa Kertas Matematik peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Aspek yang diteliti ke atas instrumen ujian ini adalah:

(i) kesesuaian bahasa dengan peringkat usia pelajar

(ii) penggunaan ayat-ayat yang mudah difahami

(iii) item yang digunakan menepati maksud yang ingin diperoleh

(iv) pemberian markah yang sesuai

(v) item selari dengan sukatan Matematik Tahun Satu

Selepas maklum balas daripada pakar diterima, perubahan dan penambahbaikan instrumen kajian dilakukan. Kebolehpercayaan dalam pengkajian kuantitatif merujuk kepada dua situasi iaitu ketekalan sesuatu ukuran dan kestabilan sesuatu ukuran pada sepanjang masa (Akhiar & Samsina, 2011;& Noraini, 2000). Kebolehpercayaan yang tinggi pada sesuatu alat ukur menunjukkan tiada kesilapan penilaian dalam alat pengukuran yang digunakan di mana kesilapan penilaian dianggap sebagai kesilapan rawak. Sekiranya nilai pekali *Alpha Cronbach* lebih daripada 0.70, item-item setiap konstruk boleh diterima dan mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehpercayaan yang tinggi bagi mengukur setiap aspek yang hendak dikaji (Chua, 2006).

3.7.2 Kesahan Dalaman bagi Kajian Kuasi-Eksperimen

Kesahan dalaman merujuk sejauh mana pemboleh ubah extraneous dapat dikawal oleh pengkaji supaya kesan sebenar adalah semata-mata daripada pemboleh ubah rawatan (Gall et al., 2003). Menurut Frankfort dan Nachmias (2000), terdapat sepuluh ancaman bagi kajian reka bentuk kuasi-eksperimen dan bagi reka bentuk kuasi-eksperimen pra-pos terdapat sedikit kawalan bagi tujuh ancaman tersebut. Menurut Effandi (2003) pula, reka bentuk ini memberi kawalan yang lemah terhadap lokasi, sikap, pelaksanaan, ciri pemungut data dan kecenderungan memihak pemungut data. Pengkaji cuba mengurangkan ancaman ini dengan melakukan tindakan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(i) Ancaman ciri-ciri subjek

Pelajar tahun satu yang berusia 6 tahun lebih dan 7 tahun dipilih iaitu lingkungan usia yang hampir sama, daripada bangsa Melayu dan mempunyai band Matematik yang sama mengurangkan ancaman dari segi ciri subjek. Secara tidak langsung bilangan pelajar mengikut jantina juga sama antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

(ii) Ancaman kehilangan subjek

Pengkaji menggunakan pelajar dalam kelas yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah Sepanjang proses kajian berlangsung, tidak ada lagi pelajar yang keluar dari kelas tersebut.

(iii) Ancaman ujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jangka masa ujian pra dengan ujian pos adalah selama lima minggu iaitu jangka masa yang tidak memungkinkan pelajar mengingati jawapan mereka dalam ujian pra untuk menjawab ujian pos. Ini disebabkan kandungan soalan kedua-dua ujian adalah sama. Jangka masa ini juga mengelakkan pelajar dari kumpulan kawalan berusaha dengan gigih bagi mengatasi pelajar di kumpulan eksperimen. Menurut Ary et al.(2010), akan terdapat kesan *Hawthorne* iaitu kesan terhadap pemboleh ubah bersandar hasil daripada rawatan yang diterima semasa proses rawatan dijalankan. Maka, dengan itu pelajar kedua-dua kumpulan tidak diberitahu ujian pos yang mereka akan lalui nanti selepas lima minggu, begitu juga dengan jawapan ujian pra tidak dibincangkan dan markah yang mereka peroleh juga tidak diketahui.

(iv) Ancaman peristiwa

Bagi mengelakkan ancaman peristiwa, guru yang mengajar kedua-dua kumpulan adalah guru yang sama dan pelajar tidak digalakkan mengikuti kelas tuisyen di luar sekolah bagi mata pelajaran Matematik. Jadi ancaman ini dapat diatasi secara tidak langsung.

(v) Ancaman kematangan

Pemilihan sampel kajian mestilah dari latar belakang yang hampir sama ini mengurangkan ancaman kematangan.

(vi) Ancaman regresi secara statistik

Kedua-dua kumpulan pelajar mempunyai pencapaian yang hampir sama. Jadi tiada pelajar yang ekstrem dalam kedua-dua kumpulan.

(vii) Ancaman lokasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelas bagi kedua-dua kumpulan berada di blok dan aras yang sama di mana kelas kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen bersebelahan antara satu sama lain. Masa pdp Matematik kedua-dua kumpulan melibatkan hari yang sama.

(viii) Ancaman Instrumentasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.4 Masalah dalam Menggunakan M-PA

Menurut guru pengendali modul, masalah yang dihadapi sebenarnya bukan berpunca daripada modul tetapi daripada faktor lain. Modul ini banyak membantu guru untuk melaksanakan proses pentaksiran. Guru juga menghadapi masalah dalam pengendalian modul yang berpunca daripada bebanan tugas berat kerana selain daripada mengajar, mereka juga terlibat dengan tugas-tugas lain melibatkan pentadbiran, kokurikulum dan tugas luar. Ini menyebabkan guru banyak bertanya untuk melaksanakan modul ini. Ini merujuk kepada pernyataan yang dikemukakan oleh guru:

> *"Masalah utama saya ialah untuk tidak pernah menggunakan pelbagai jenis pentaksiran hanya ujian. Kerja di sekolah banyak, macam kena buat. Kerja pengurusan banyak." (TBG baris 36)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *"Ya dan boleh kerana dapat idea untuk mengintegrasikan pdp dan pentaksiran."(TBG baris 38)*

Berdasarkan pemerhatian pula, didapati sikap guru yang sangat positif dalam melaksanakan pdp. Guru melaksanakan 20 modul ini dengan berjaya. Namun didapati segelintir pelajar mempamerkan sikap yang negatif seperti tidak menunjukkan minat semasa guru mengajar, tidak serius dalam kelas dan membuat kerja lain semasa guru mengajar. Selain daripada itu, aktiviti pengajaran menggunakan modul terganggu kerana pelajar lewat masuk ke kelas. Walaupun guru telah bersedia lebih awal, tetapi tanpa pelajar dalam jumlah yang mencukupi, pengajaran tidak dapat dimulakan. kelewatan yang berlaku menyebabkan peruntukan masa yang ditetapkan untuk melaksanakan modul tidak mencukupi. Kesannya, guru didapati terpaksa melaksanakan sesi penutup secara tergesa-gesa. Guru telah memberi ingatan dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

amaran atas kejadian ini. Perasaan kecewa terbayang di wajah guru lantaran senario ini.

5.4.5 Ciri-ciri M-PA

Berdasarkan analisis, tema mengenai ciri-ciri M-PA didapati muncul dalam data verbatim temu bual, dokumen dan pemerhatian pdp. Dapatan temu bual berupaya mencungkil pendapat guru berkaitan dengan ciri-ciri M-PA iaitu lengkap dan meningkatkan keyakinan guru. Guru pengendali M-PA menyatakan bahawa modul ini lengkap, tersusun dan jelas seperti yang disuarakan oleh guru berkenaan:

> "*Ya sebab lengkap dengan resos lagi."(TBG baris 22)*

> "*Format RPH ni selalu saya guna masa di maktab pula. Dan ok bagi saya bermula dari set induksi, langkah pengajaran dan sesi penutup. EMK pun ada." (TBG baris 24)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan respons guru, M-PA dikatakan memberi keyakinan kepada guru dalam melaksanakan pentaksiran:

> *"Saya yakin isi kandungan adalah tepat dengan KSSR. Pelajar tiada masalah dan masa dan tempoh pengajaran sesuai. Saya sebagai guru yang guna pun tiada masalah. Lengkaplah." (TBG baris 20)*

Hasil pemerhatian pengajaran guru, didapati guru dapat menggunakan M-PA dengan baik kerana langkah-langkahnya yang lengkap dan tersusun. Guru telah menggunakan semua resos yang dibek**a**lkan dengan baik. Dan semakan dokumen menunjukkan guru telah menulis dalam rekod pengajaran bahawa aktiviti pdp telah dilaksanakan mengikut M-PA yang dibekalkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.6 Ciri-ciri guru

Ciri-ciri guru merujuk kepada peranan guru sebagai pentaksir dan guru memahami tentang proses pentaksiran. Berdasarkan analisis, tema ini muncul dalam data verbatim temu bual guru dan pemerhatian pdp. Hasil analisis data verbatim temu bual guru pengendali menyatakan secara jelas bahawa beliau faham tugas sebagai pentaksir seperti penyataan berikut:

> "*Saya faham tugas saya sebagai pentaksiran dalam KSSR ni."*

Analisis data verbatim guru pengendali M-PA mendapati eviden yang digunakan dalam pdp adalah berbentuk lembaran kerja atau buku aktiviti. Tambahan pula, guru pengendali M-PA kurang memahami proses PBS secara mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *"Sebelum ini saya selalu memikirkan apakah eviden yang perlu digunakan kerana saya menggunakan eviden yang ada dalam buku rujukan, dan saya hanya menggunakan eviden "paper and pencil" dan buku aktiviti. Proses pdp saya masih sama aje. Saya tidak membina eviden sendiri." (TBG baris 12)*
>
> *"Saya kurang memahami PBS secara mendalam. Prosedur sebelum ini sangat menyusahkan terutama untuk masuk markah pelajar. Bila menteri umumkan perubahan daripada on-line kepada off-line..saya tidak stress lagi. Ini benda baru, saya perlu melaksanakan dengan baik. Saya kena banyak baca lagi cara untuk menilai pelajar." (TBG baris 14)*
>
> "*Dah 3 tahun mengajar KSSR ini, keyakinan bertambah dan selepas penambahbaikan dibuat ini memudahkan proses pdp. Saya perlu memahami PBS dengan lebih mendalam." (TBG baris 16)*

Ciri-ciri modul merangkumi aspek kesesuaian modul dalam membantu pentaksiran pelajar secara formatif, pdp, kurikulum dan pelajar. Objektif utama pembangunan modul ini ialah bagi membantu guru dalam usaha melaksanakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penilaian formatif dalam pengajaran matematik. Semasa pembangunan modul, penyelidik mengenal pasti jenis pentaksiran yang sesuai untuk digunakan dalam sesuatu tajuk dan seterusnya mencadangkan aktiviti yang sesuai bagi melaksanakan pentaksiran formatif dalam fasa pengajaran yang difikirkan paling sesuai. Berdasarkan respons guru, modul ini didapati berjaya membantu dalam melaksanakan pentaksiran. Ini disuarakan oleh guru:

> "*Saya yakin modul ni memberi panduan jenis pentaksiran yang boleh saya gunakan dalam kelas selain ujian. Saya tidak pernah menggunakan jenis pentaksiran ini." (TBG baris 18)*

Data pemerhatian juga menunjukkan M-PA membantu dalam pentaksiran berbentuk projek. Pelajar berjaya menyiapkan projek bagi modul 4, modul 5 dan modul 9.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.7 Kesesuaian M-PA

Kesesuaian M-PA dapat dibuat berdasarkan analisis data temu bual, dokumen dan pemerhatian. Kesemua pemerhatian yang dibuat melibatkan pengendalian kelas dalam dan di luar bilik darjah. Secara keseluruhan, pdp menggunakan modul dalam kelas eksperimen menunjukkan perbezaan ketara dengan pengajaran kelas kawalan. Pelajar dalam kelas eksperimen dilibatkan dengan aktif di mana mereka diminta mengemukakan pendapat, melaksanakan projek, mencari maklumat untuk pembentangan dan mengemukakan idea yang baik dan berkesan. Pembelajaran di luar bilik darjah juga memberi pengalaman pembelajaran matematik yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara bagi kumpulan kawalan pula, pelajar mengalami situasi pembelajaran yang berpusatkan guru. Pelajar dalam kelas kawalan sangat pasif Sebahagian besar masa pengajaran, guru hanya bertindak sebagai pembekal maklumat dan pelajar diminta menyalin nota. Pentaksiran dilaksanakan secara ujian sahaja dan pengajaran hanya dilakukan dalam bilik darjah. Pengendalian pengajaran kelas eksperimen adalah lebih aktif berbanding dengan kelas kawalan. Guru kelihatan yakin dalam melaksanakan pentaksiran formatif; mungkin disebabkan oleh perancangan yang tersusun. Minda pelajar senantiasa dirangsang untuk berfikir dan daya kreativiti mereka cuba dikembangkan melalui aktiviti pentaksiran yang mencabar seperti projek dan ujian lisan.

Dalam usaha melaksanakan pentaksiran formatif, minat pelajar juga turut dipertingkatkan dan ini secara langsung dapat membantu penguasaan isi pelajaran. Walau bagaimana pun, berdasarkan pengalaman dan kreativiti guru, pengubahsuaian telah dibuat bagi modul tertentu bertujuan menjadikan pdp lebih berkesan contohnya: "Pelajar ditunjukkan objek sebenar, tidak hanya gambar objek". Ini dianggap sebagai satu pengubahsuaian yang baik kerana keluwesan harus/boleh dipraktikkan dalam pdp berdasarkan situasi pelajar serta persekitaran sekolah. Objektif akhirnya ialah peningkatan keberkesanan pdp itu sendiri. Guru pengendali modul juga berpendapat bahawa M-PA sesuai dengan pelajar:

> "*Modul ini sangat membantu saya dalam proses pentaksiran yang melibatkan pelbagai jenis lain seperti projek, lisan dan pemerhatian." (TBG baris 26)*
>
> *"Pentaksiran projek kerana ini sesuatu yang baru bagi pelajar Tahun Satu dan proses komunikasi dan kerjasama antara pelajar dapat diperhatikan. (TBG baris 28)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Rumusan

Rumusan keseluruhan dapatan kajian dibincangkan mengikut urutan persoalan kajian (5.3.1) dan hasil daripada pengujian hipotesis (5.4.1). Dapatan daripada persoalan kajian pertama menunjukkan bahawa aspek kesediaan yang merangkumi aspek latihan, kemahiran dan pengetahuan guru dalam KSSR adalah pada tahap sederhana. Tahap penerimaan guru pula merangkumi aspek kepercayaan, pandangan dan kemahuan dalam melaksanakan KSSR. Aspek kepercayaan dan kemahuan berada pada tahap sederhana. Dan aspek pandangan berada pada tahap sederhana dan tahap tinggi. Tahap amalan guru dalam melaksanakan KSSR juga berada tahap sederhana dan tahap tinggi. Tahap pemantauan yang diterima di sekolah adalah tahap memuaskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil pengujian hipotesis pula mendapati kaedah pengajaran menggunakan modul dapat membantu meningkatkan penguasaan pelajar dalam topik wang, dan masa dan waktu. Analisis data kualitatif pula mendapati guru pengendali modul berpendapat M-PA dapat membantu dalam melaksanakan pentaksiran formatif KSSR. Guru tersebut juga menyatakan modul ini lengkap dan boleh digunakan di sekolah-sekolah. Menyentuh mengenai masalah-masalah dalam penggunaan modul pula, guru ini berpendapat bahawa mereka tidak menghadapi apa-apa masalah dalam menggunakannya. Walau pun ada masalah yang timbul, ianya bukan berpunca daripada modul itu sendiri tetapi masalah-masalah lain di luar kawalan guru dan penyelidik seperti faktor beban tugas dan masa pengajaran. Berdasarkan kepada dapatan-dapatan kajian secara umumnya boleh dirumuskan bahawa M-PA yang telah dibina dan diuji keberkesanannya dalam pdp matematik di sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB ENAM

KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1 Pengenalan

Dalam bab ini, perbincangan difokuskan kepada lima bahagian utama iaitu rumusan kajian, perbincangan, implikasi kajian, sumbangan dapatan kajian dan cadangan kajian lanjutan. Bahagian ringkasan kajian memuatkan ringkasan daripada pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, kaedah kajian, sampel kajian, kaedah pengumpulan dan penganalisisan data serta ringkasan dapatan kajian. Manakala bahagian perbincangan pula mengandungi perbincangan dapatan kajian berdasarkan teori-teori serta kaitan dengan kajian lepas.

Implikasi kajian pula memfokuskan kepada pdp di bilik darjah, sistem pentaksiran, latihan guru, kerjasama antara guru dan implikasi kepada Bahagian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Guru dan sumbangan hasil kajian. Dalam bahagian cadangan kajian lanjutan dimuatkan beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan oleh penyelidik seterusnya dalam usaha merealisasikan proses pentaksiran di sekolah-sekolah atau institut pendidikan yang lain.

6.2 Ringkasan Kajian

Dalam konteks merealisasikan KSSR yang menghasilkan sistem pendidikan bertaraf dunia, tumpuan diutamakan terhadap para pendidik agar dapat memahami kehendak kurikulum tersebut. Usaha ke arah pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah adalah satu dimensi baharu dalam inovasi untuk mempertingkatkan kualiti kaedah penilaian pelajar. Usaha ini sejajar dengan Transformasi Pendidikan untuk melahirkan pelajar yang bukan sekadar memiliki keupayaan 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul) tetapi juga menghasilkan pelajar yang berpengetahuan luas, mampu berfikir secara kreatif dan kritis, berkemahiran dan mempunyai nilai interpersonal yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan proses pdp dan kaedah pentaksiran yang lebih berpusatkan pelajar harus dilakukan secara lebih dinamik dan mantap di semua peringkat persekolahan agar usaha menjadikan pentaksiran berasaskan sekolah dapat direalisasikan. Perubahan KSSR merupakan usaha menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada bagi memastikan pelajar dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membuat penanda aras dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurikulum negara maju bagi memastikan kurikulum persekolahan kebangsaan setanding dengan pendidikan global. Transformasi kurikulum persekolahan merupakan usaha yang dilakukan bagi memastikan kurikulum tersebut holistik, sentiasa relevan untuk melahirkan modal insan yang seimbang dan mampu menangani cabaran semasa dan masa depan.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu dasar baru yang diperkenalkan dalam bidang pendidikan di mana komponen pentaksiran dikendalikan oleh pihak sekolah dan pentaksiran dilaksanakan oleh guru-guru mata pelajaran secara berterusan dalam proses pdp. PBS dirancang dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Demi menjamin kualiti pelaksanaan PBS, mekanisme penyelarasan dan pemantauan dilaksanakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan skor pentaksiran tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun kajian lepas menunjukkan bahawa pentaksiran sekolah sangat penting dalam proses pembelajaran (Berita Harian, 2012). Kajian Meor Ibrahim dan Siti Nadya (2008), Mohd Anuar dan Khamsawati (2010) mendapati guru kurang jelas dalam pelaksanaan KSSR dan tidak pasti apakah kaedah dan pendekatan yang perlu digunakan dalam proses pdp. Justeru, kajian dalam bidang ini perlu dilaksanakan bagi memastikan semua kehendak kurikulum dan keperluan guru dapat dikenal pasti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Ringkasan Dapatan Kajian

Ringkasan dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 6.1. Paparan dibuat dalam bentuk jadual ini bertujuan membantu kefahaman menyeluruh tentang dapatan kajian serta berfungsi sebagai rujukan pantas kepada objektif kajian.

Jadual 6.1

Ringkasan Dapatan Kajian

Bil	Objektif Kajian	Hipotesis Nul (H_o)	Dapatan Kajian
1	Menilai tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan dan tahap pemantauan guru dalam melaksanakan KSSR Matematik Tahun Satu.		Tahap kesediaan guru adalah pada tahap sederhana. Tahap penerimaan pada tahap sederhana. Tahap amalan adalah tinggi. Tahap pemantauan adalah tinggi.
2	Membangunkan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) dalam pengajaran Matematik Tahun Satu bagi topik Wang, dan Masa dan Waktu.		Modul telah disediakan dengan menggunakan gabungan Model Russell, Model Sharifah Alwiah dan Model Mohd Sidek. Modul Pentaksiran Autentik mempunyai 20 rancangan pengajaran bagi topik Wang, dan Masa dan Waktu.
3	menguji keberkesanan penggunaan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) yang dibangunkan dalam membantu guru melaksanakan pentaksiran autentik bagi topik Wang, dan Masa dan Waktu.	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian matematik dalam ujian pra antara kumpulan kawalan dengan kumpulan eksperimen.	Hipotesis Null diterima. Kumpulan eksperimen menunjukkan pencapaian yang sama dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra.

sambungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4	menguji keberkesanan penggunaan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) yang dibangunkan dalam membantu guru melaksanakan pentaksiran autentik bagi topik Wang, dan Masa dan Waktu.	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian matematik yang mengikuti pengajaran menggunakan Modul Pentaksiran Autentik dengan pelajar yang tidak mengikutinya.	Hipotesis Null ditolak. Kumpulan eksperimen menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi dalam ujian Topik Wang, dan Masa dan Waktu.
5	mengenal pasti masalah dan pandangan yang dihadapi guru pengendali Modul Pentaksiran Autentik (M-PA).		Masalah yang dihadapi adalah disebabkan oleh faktor tugas-tugas lain melibatkan pentadbiran, kokurikulum dan tugas luar. Guru berpendapat bahawa modul adalah lengkap, tersusun, sesuai dengan proses pentaksiran formatif yang dicadangkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4 Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa Modul Pentaksiran Autentik (M-PA) telah dapat dibina dengan baik. Penggunaan M-PA pula telah membantu dalam meningkatkan pencapaian matematik pelajar. Secara statistik, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen dalam topik Wang, dan Masa dan Waktu. Dan guru pengendali modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpendapat bahawa modul yang dibina adalah lengkap dan membantu dalam pentaksiran formatif dalam pengajaran matematik.

Perbincangan berikut memfokuskan kepada: (1) tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan guru dan tahap pemantauan terhadap KSSR Matematik Tahun Satu, (2) pembangunan dan pengujian Modul Pentaksiran Autentik dan (3) temu bual guru.

6.4.1 Tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan guru dan tahap pemantauan dalam KSSR

Dalam pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia, guru dan pelajar memainkan peranan utama bagi memastikan pentaksiran ini berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Guru berperanan sebagai motivator, pemudah cara, membuat pemerhatian ke atas tugasan pelajar, mendapatkan maklumat daripada aktiviti dan tugasan yang dilaksanakan oleh pelajar dan memberi maklum balas. Secara keseluruhan, guru perlu membantu memperbaiki pembelajaran pelajar berdasarkan maklumat yang diperoleh (KPM, 2012). Pelajar perlu mengetahui apa dan bagaimana suatu perkara itu hendak dipelajari, seterusnya melaksanakan tugasan yang diberikan supaya guru boleh mengetahui kemahiran pelajar dan boleh ditaksir.

Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa guru mengetahui tentang PBS. Namun, kadang-kadang pengetahuan adalah tidak seiring dengan amalan. Meskipun mereka mempunyai pengetahuan, tetapi amalan itu tidak dilakukan dengan sebaik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mungkin . Ini selari dengan kajian Rasidah (2004) yang mendapati kefahaman yang tinggi terhadap konsep ilmu pentaksiran 63.6% dan kajian Alkharusi (2012) juga memberikan input yang sama, 73.3% guru yang menganggap diri mereka cekap atau kompeten, 25% sederhana kompeten dan 1.7% mempunyai kemahiran yang rendah dalam bidang pentaksiran. Kajian ini menunjukkan bahawa pengetahuan dalam bidang pentaksiran adalah pada tahap yang maksimum. Malah sepatutnya menjadi prioriti guru kerana pentaksiran merupakan sebahagian daripada proses pdp di dalam bilik darjah. Pengetahuan yang luas dalam bidang pentaksiran ini dapat memberi ilmu dan pendekatan yang berbeza kepada pelajar khususnya. Kepelbagaian strategi dan jenis pentaksiran yang digunakan dapat memberi peluang kepada pelajar guru mengetahui kesan pentaksiran terhadap pencapaian pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Umumnya, kajian menunjukkan guru memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu reformasi pendidikan (Battista 1994; De Mesquita & Drake 1994; & Fullan 1993). Ini sejajar dengan pendapat Fullan (1994) iaitu kebolehan dan kecenderungan guru untuk melaksanakan perubahan dalam amalan serta tafsiran tentang reformasi pendidikan boleh membantu atau menghalang tindakan yang sewajarnya dalam bilik darjah. Tahap kesediaan, tahap penerimaan, tahap amalan dan tahap pemantauan guru akan mempengaruhi tindakan guru dalam melaksanakan proses pdp. Faktor-faktor ini mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pembentukan amalan bilik darjah (Macnab & Payne, 2003). Ini bertentangan dengan dapatan kajian Lynh (2013) mendapati dua pertiga daripada guru – guru di Maryland tidak bersedia dalam menghadapi kurikulum baharu disebabkan faktor perbezaan amalan pdp. Fenomena ini hampir menyamai dapatan kajian ini kerana perubahan perlu dilaksanakan. Suah et al. (2010) dalam kajiannya tahap kesediaan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membuat penilaian dan tahap keyakinan untuk menjalankan pentaksiran dipengaruhi oleh cara pentaksiran yang dijalankan. Watt (2005) pula mengenal pasti guru menggunakan pentaksiran tradisional iaitu lembaran kerja sebagai kaedah pentaksiran utama.

Kajian tentang faktor-faktor ini adalah penting sebab terdapat bukti yang menunjukkan bahawa faktor ini mempengaruhi aspek pengajaran, pembelajaran dan kurikulum dan memberi kesan terhadap amalan guru dalam bilik darjah (Calderhead 1996; Clark & Peterson 1986; Pajares 1992; Phillip et al., 1994; Thompson 1992). Guru sememangnya dianggap sebagai pembina negara bangsa kerana guru yang dapat membangunkan modal insan dan memastikan pembentukan jati diri pelajar yang kukuh, berdaya saing, berkeyakinan tinggi dan berpegang teguh kepada agama dan nilai sejagat seterusnya menjadi warganegara glokal yang mampu bersaing dengan dunia luar (Noriati et al., 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini didapati menyokong kajian yang dijalankan oleh Pahsi Shalberg (2010), Berinderjeet (2005), Kamaruzaid (2006), Noraini dan Saifulazri (2010) dan Mohd Anuar dan Khamsawati (2010). Mohd Anuar dan Khamsawati (2010) menyatakan bahawa guru mengamalkan pentaksiran untuk pembelajaran dan pentaksiran terhadap pembelajaran, namun beberapa aspek penting perlu diperbaiki. Antaranya ialah guru perlu menggalakkan pelajar menjalankan pentaksiran kendiri dan rakan sebaya serta kurangkan amalan mengajar untuk peperiksaan. Faktor persepsi guru terhadap kepentingan prinsip asas pentaksiran amat mempengaruhi amalan pentaksiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian Mohamad Azhar juga selari dengan dapatan kajian Abdul Rahim dan Saliza (2008) yang mendapati tahap penguasaan guru dalam menjalankan PBS bagi mata pelajaran Sains adalah tinggi. Begitu juga dapatan kajian oleh Mohd Fadhli (2010) mendapati amalan pentaksiran dalam kalangan pensyarah di Kolej Komuniti Johor berada pada tahap tinggi. Para pensyarah memahami konsep pentaksiran dan mengaplikasikan dalam membuat pentaksiran pendidikan di Kolej Komuniti. Selain itu, dapatan kajian Noor Azreen dan Sulaiman (2012) menyatakan pentaksiran boleh dijalankan di sekolah melalui pengetahuan dan sikap profesional yang diamalkan dalam kalangan guru selari dengan dapatan kajian Kamaruzaid (2006) yang menunjukkan bahawa majoriti guru di tiga buah sekolah menengah daerah Kuantan, Pahang memahami konsep PBS dengan baik. Guru sentiasa berusaha dan mencari ruang untuk meningkatkan tahap kefahaman guru dengan menyediakan sendiri soalan-soalan PBS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cabaran dalam pelaksanaan perubahan pentaksiran kurikulum ialah jurang antara faktor-faktor ini dan tindakan. Faktor yang mempengaruhi fenomena ini termasuklah faktor kejelasan, komitmen, terjemahan, pengupayaan sinergi dan akauntabiliti guru terhadap kurikulum baharu (Covey, 2007). Guru perlu mengetahui dengan jelas matlamat dan kepentingan pentaksiran KSSR untuk mengembangkan potensi pelajar secara menyeluruh. Guru perlu menangani jurang ini dengan tindakan yang sewajarnya. Dalam tempoh empat tahun ini melaksanakan KSSR dengan perubahan terkini yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah tindakan yang berkesan untuk memastikan Pelan Induk Pembangunan Malaysia berjaya dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian terdahulu banyak melihat perkaitan antara beberapa faktor seperti kepercayaan guru (Haser & Star 2004) dan amalan pengajaran (Boz, 2008; Liljedahl 2005; Siti Mistima & Efandi, 2010; Villena-Diaz, 2005; Wah Zah et al., 2007) pengetahuan guru (Richardson et al., 1991; Vance et al., 1999) memberi kesan yang sangat positif dalam pengajaran matematik. Dapatan kajian juga selari dengan kajian oleh Anne dan Michael (2006) yang menyatakan kepercayaan guru ini akan mempengaruhi amalan pengajaran. Dapatan juga menyatakan bahawa kepercayaan dikatakan mempengaruhi dan memberi kesan kepada proses pengajaran. Dapatan juga menyatakan bahawa kepercayaan dikatakan mempengaruhi dan memberi panduan kepada guru untuk membuat keputusan, melaksanakan strategi pengajaran (Pajares, 1992; Van Zoest et al.,1998) dan mengamalkan apa yang dipelajari di dalam bilik darjah matematik (Honggying, 2009; Teo, 1997 dlm Golafshani 2004; &, Wilson & Cooney, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan kajian ini dan dapatan kajian-kajian lepas didapati terdapat ketidakseimbangan dalam dapatan kajian yang melibatkan kepercayaan matematik. Terdapat kajian yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan (Anne & Michael, 2006; Marchionda, 2006; Quillen, 2004; & Wilson & Cooney, 2002) antara faktor yang melibatkan kepercayaan matematik dengan faktor-faktor lain dan ada juga kajian yang menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan (Siti Mistima & Effandi 2010; Villena-Diaz 2004; & Willcox-Herzog, 2002 & Raymond 1997) antara faktor-faktor tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, dapatan kajian ini didapati berbeza dengan kajian oleh Villena-Diaz (2005) dan Willcox-Herzog (2002) mendapati tiada hubungan yang signifikan antara kepercayaan dan amalan pengajaran di dalam kelas matematik. Dan ini disokong oleh dapatan kajian oleh Siti Mistima (2011) dan Raymond (1997), yang mendapati tiada konsisten antara kepercayaan dan amalan pengajaran. Banyak kajian mendapati terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan kandungan Matematik, pedagogi Matematik dan pencapaian pelajar (Baumert et al.,2010; Hill, Rowan, & Ball, 2005) tetapi kepercayaan guru dan pencapaian pelajar (Love & Kruger, 2005).

Dapatan kajian Siti Aishah (2014) mendapati bahawa kesediaan guru Dunia Sains dan Teknologi sekolah rendah dalam melaksanakan PBS adalah tinggi. Dapatan ini dilihat selari dengan hasil kajian oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2012) menerusi kajian soal selidik yang dijalankan mengenai kesediaan guru melaksanakan PBS secara dalam talian mendapati kira-kira 90.7% daripada 89 618 guru tahun 1, 2 dan 3 memahami konsep dan cara melaksanakan PBS. Dan hanya 10.0% iaitu 9 006 orang guru jelas tentang konsep komponen akademik PBS. Zambri et al.(2009) mendapati amalan gaya pengajaran dalam proses pdp banyak dipengaruhi oleh sikap dan tanggungjawab guru dalam menyesuaikan gaya pembelajaran pelajar.

Pelbagai kursus pemantapan PBS yang dilaksanakan untuk guru dalam memastikan PBS dapat dilaksanakan dengan jayanya. Hasil kajian Zulkifli et al., (2011) mendapati sekolah yang mempunyai demografi luar bandar dan pedalaman menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan pdp kerana faktor capaian maklumat melalui jaringan internet sekolah dan di rumah berbeza dengan persekitaran di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kawasan bandar. Menurut Rogers (2003), dalam teori penyebaran terdapat lima kategori guru iaitu "inovator" sebagai guru yang bersedia menghadapi perubahan dengan mudah, "penyesuai awal" dan "majoriti terawal" yang akan berubah setelah memperoleh maklumat yang lengkap dan setelah melihat kelebihan yang akan diperoleh. Kategori guru yang keempat ialah "majoriti lambat" iaitu guru yang mengambil masa yang lama untuk melaksanakan perubahan. Kategori terakhir ialah "ketinggalan" yang sukar untuk berubah dan merasakan perubahan adalah sukar untuk dilaksanakan. Sampel kajian ini kebanyakan tergolong dalam kategori "inovator" dan "penyesuai awal". Golongan ini melaksanakan perubahan kurikulum dan pentaksiran sebaik mungkin.

Guru memahami dan mengetahui amalan pentaksiran yang diamalkan di sekolah tetapi ia menjurus kepada pentaksiran yang berorientasikan peperiksaan dan memberi tumpuan kepada aspek kognitf pelajar (Marziah & Jamil, 2011). Pemerhatian di dalam kelas kawalan mendapati guru cuba untuk mencungkil pengetahuan pelajar menerusi penyoalan berdasarkan apa yang telah dipelajari. Proses pentaksiran telah berkembang dengan pesatnya, namun maklumat yang dihasilkan masih terhad kepada mengukur sebahagian daripada perkembangan kognitif pelajar secara tradisional. Guru hanya menggunakan ujian atau peperiksaan untuk menilai pelajar.

Pengetahuan tentang bidang pentaksiran pembelajaran ini diperlukan dari semasa ke semasa kerana pada era abad ke-21 merupakan ledakan maklumat yang dikenali sebagai "letupan pengetahuan". Proses penambahan maklumat guru diperlukan agar maklumat pengetahuan mereka tidak ketinggalan dalam pentaksiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini. Perubahan yang berlaku dalam bidang pentaksiran menuntut capaian kognitif yang tinggi daripada peserta kajian. Perubahan kepada pengetahuan akan berlaku sebanyak 80% pada setiap lima tahun (Lazear, 2004). Justeru, perlunya guru menambah pengetahuan profesional mereka dalam bidang pentaksiran pembelajaran ini (Turner-Bisset, 2009; & Earl & Giles, 2011). Tidak dinafikan bahawa guru mengamalkan pentaksiran, namun pentaksiran autentik tidak dilaksanakan dalam pentaksiran pembelajaran. Input yang mendalam diperlukan oleh guru terutamanya tentang pentaksiran autentik untuk diaplikasikan dalam bilik darjah (Nor Azreen & Sulaiman, 2011). Kajian Charles (2005) menunjukkan bahawa pengetahuan dan kepercayaan diperlukan bagi melaksanakan prinsip-prinsip dan amalan pentaksiran yang lebih berkesan. Walaupun pengetahuan mempengaruhi amalan, namun ia bergantung kepada sistem yang mendasari sesuatu amalan tersebut (Rashidah, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru perlu membuka minda dan pemikiran mereka untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang pentaksiran agar ia lebih menjurus kepada pentaksiran autentik (Earl, 2003;& Earl & Giles, 2011). Profesionalisme guru dalam bidang pentaksiran di dalam bilik darjah ini adalah terhad. Mereka tidak berpeluang untuk dilatih, menghadiri kursus, seminar atau mesyuarat yang berkaitan kerana tumpuan lebih kepada meningkatkan proses pentaksiran autentik (Alkharuzi, 2012; & Noor Azreen & Sulaiman, 2011). Guru seharusnya digalakkan menggunakan pentaksiran autentik yang lebih berkesan untuk menggalakkan pembelajaran (Nicol & Macfarlene- Dick, 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peluang untuk membangunkan pentaksiran pembelajaran dan berkongsi amalan dengan pelajar perlu diwujudkan (Ming & Carless, 2012). Satu matlamat penting dalam menyediakan guru ialah kepercayaan membangunkan pentaksiran autentik akan mempengaruhi amalan tersebut (Conroy & Van Es, 2009). Guru perlu mengenal pasti cara untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran. Pelajar dapat membina pengetahuan baru, kemahiran yang sesuai dan dapat disepadukan dengan mudah ke dalam amalan yang sedia ada (Timperley, 2011). Amalan pentaksiran autentik ini perlu menjadi sebahagian daripada latihan kepada guru (Alkharusi, 2012).

Pentaksiran autentik ini perlu menjadi amalan utama guru kerana kajian Prins et al. (2005) dan Sluijsmans dan Prins (2006) membuktikan latihan dan kursus yang diintegrasikan dengan pentaksiran dapat mewujudkan pemikiran reflektif dan merangsang guru untuk melihat kandungan kursus yang dipelajari dari perspektif yang berbeza. Hasilnya, guru akan lebih berkeyakinan dalam pentaksiran manakala pelajar lebih berpuas hati dengan pembinaan kriteria dan matlamat yang lebih jelas. Namun, kajian Alkharuzi (2012) menunjukkan bahawa kebanyakan pentaksiran yang dijalankan menggunakan kaedah pentaksiran secara tradisional. Oleh itu, pelajar kurang mempunyai daya kreativiti dan berfikiran kritis.

6.4.2 Modul Pentaksiran Autentik

PBS merupakan salah satu transformasi dalam sistem pendidikan di Malaysia. Aspek kualiti pentaksiran yang diamalkan masih jauh ketinggalan berbanding negara lain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terutama dalam Program Penilaian Murid Antarabangsa (PISA) dan Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS). Sistem pentaksiran yang berbentuk ujian dan latih tubi yang banyak digunakan untuk melatih menjawab soalan peperiksaan (BPK, 2012). Sehubungan dengan itu, Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) adalah satu sistem pentaksiran yang ditambah baik dalam transformasi pendidikan. Dalam pendidikan, pentaksiran adalah proses menilai kefahaman kognitif pelajar (Esah, 2004). SPPK merupakan transformasi daripada sistem berorientasikan pencapaian dalam ujian dan peperiksaan kepada sistem yang lebih holistik. Ini bertujuan untuk menyediakan satu set indikator untuk menilai potensi pelajar dan kesediaan untuk belajar, selain menguji penguasaan dan pencapaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Secara spesifik, PBS digunakan bagi mentafsir bidang akademik dan bukan akademik serta memberi pengiktirafan dan autonomi kepada guru untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan sumatif berasaskan sekolah (LPM, 2012). PBS dirancang, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang ditetapkan oleh LPM. PBS mula dilaksanakan bermula Tahun 1 pada sesi persekolahan tahun 2011. Perubahan ini secara dasarnya dapat mengubah pengiktirafan keterlaluan kepada pencapaian akademik semata-mata dan mengurangkan tekanan kepada pelajar, ibu bapa dan guru bagi mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan khususnya. Rentetan daripada ini, kajian ini dilaksanakan bagi menilai pentaksiran autentik yang dilaksanakan di sekolah bagi pelajar Tahun 1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka konseptual utama kajian ini merujuk kepada pembangunan modul sebagai input. Dalam proses ini, konsep pentaksiran diasaskan kepada pentaksiran formatif di mana proses pengajaran dan pentaksiran merupakan satu kesepaduan yang tidak dapat dipisahkan. Pentaksiran adalah sebahagian daripada proses pdp di mana guru dan ibu bapa dapat mengetahui perkembangan dan pencapaian pelajar. Hasil kajian Borich dan Tombari (2004) dan Dietel, Herman dan Knuth (1991) mendapati proses pentaksiran yang dilaksanakan dengan efektif, dapat menunjukkan proses pembelajaran yang sebenar. Dapatan kajian menunjukkan pentaksiran sumatif yang dilaksanakan menunjukkan guru mementingkan peperiksaan (Gurnam Kaur Sidhu et al., 2011). Menurut Tan (2000), penambahbaikan pentaksiran telah dilaksanakan di mana pentaksiran autentik telah dilakukan bagi memenuhi perubahan dunia. Penggunaan portfolio dan pemerhatian berstruktur adalah lebih baik dalam menaksir penguasaan pelajar (Abu Bakar, 2013). Pentaksiran autentik cuba diterapkan ialah pentaksiran projek, lisan dan pemerhatian selain lembaran kerja dalam modul ini. Pemilihan pentaksiran autentik ini juga berdasarkan kesesuaiannya untuk diterapkan dalam topik Wang, dan Masa dan Waktu.

Pentaksiran merupakan fasa penting dalam pdp kerana ini membantu guru mengenal pasti sama ada pengajaran berjaya atau tidak. Pentaksiran yang dilaksanakan membantu guru memerhati kefahaman, kualiti hasil kerja dan potensi pelajar. Pentaksiran juga bertujuan mengetahui tahap penerimaan pelajar dan guru merancang penambahbaikan (McMillan, 2007). McMillan (2000) merasakan pentaksiran dalam bilik darjah adalah aktiviti penting dalam pdp. Pentaksiran merangkumi pelbagai maklum balas pelajar dan perbincangan untuk mengukur dan menilai kualiti pembelajaran (Azizi, 2010). Menurut Suah et al. (2010) pentaksiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang berkesan dapat membantu guru mengetahui tahap pembelajaran pelajar dan keberkesanan pengajaran guru. Guru memainkan peranan penting dalam pentaksiran pdp pelajar. Namun, kajian oleh Mohd Azhar dan Shahir (2007) mendapati guru tidak menyedari bahawa proses pentaksiran yang dijalankan boleh membantu meningkatkan kecemerlangan pelajar. Pentaksiran yang dijalankan dapat membantu guru mengenal pasti masalah dan mendapatkan maklum balas daripada pelajar. Oleh itu, amalan pentaksiran yang autentik serta dilakukan secara berterusan dapat meningkatkan keberkesanan pdp.

Pentaksiran bermaksud kaedah yang sistematik yang digunakan oleh guru untuk mengumpul maklumat dalam bilik darjah (Airasian, 2001). Ini melibatkan semua kaedah yang digunakan mengumpul maklumat bagi membuat keputusan, daripada skor ujian, projek, portfolio, prestasi, pemerhatian atau temu bual (Hanna & Detmer, 2004). Pentaksiran tradisional melibatkan kaedah ujian bertulis dan pentaksiran kaedah lain dikenali sebagai pentaksiran autentik. Menurut Carlson et al. (2003), pentaksiran autentik adalah bersifat pentaksiran berterusan. Pentaksiran autentik perlu dipelbagaikan dalam aspek kaedah dan kriteria. Pentaksiran perlu dilaksanakan secara berterusan dalam proses pdp seperti yang dilaksanakan menggunakan M-PA.

Selain daripada kesepaduan ilmu matematik dan pentaksiran, pembangunan modul juga mengintegrasikan teori pembelajaran, strategi pembelajaran, kaedah dan teknik yang sesuai bagi meningkatkan pdp matematik. Pelbagai sumber rujukan digunakan sepanjang tempoh kajian. Berdasarkan pandangan guru pengendali modul,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

M-PA dianggap lengkap daripada segi isi kandungan, pentaksiran yang sesuai dan mudah diikuti. Selain daripada itu, modul ini menggunakan konsep PBS sentiasa cuba diterapkan dalam pengajaran matematik. Modul ini juga dinilai oleh pakar-pakar dalam bidang matematik, kurikulum dan pentaksiran bagi menentukan kesahan kandungan. Modul ini telah diuji dalam jangka masa yang lama iaitu 10 minggu.

Guru berpendapat bahawa modul ini menyatakan dengan jelas bagaimana, di mana dan bila pentaksiran tertentu perlu diterapkan. Hasil ini berjaya diperoleh kerana semasa pembangunan modul, penyelidik telah mengenal jenis pentaksiran yang sesuai untuk diterapkan, seterusnya juga menentukan di mana, bagaimana dan bila pentaksiran tersebut diterapkan dalam langkah pengajaran. Panduan jelas sebegini memudahkan guru dalam melaksanakan pentaksiran autentik di bilik darjah dan membantu memberi keyakinan kepada guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran yang dilaksanakan sekarang ini adalah bersifat holistik dan menyeluruh. Bagi mendapatkan proses pentaksiran yang berkesan guru sepatutnya melaksanakan penilaian yang komprehensif (Juslimah & rakan 2011). Kajian yang dilakukan oleh Nur Zawani (2008), dan Shaharom dan Yap, (1993) mendapati penggunaan modul dapat membantu pelajar menguasai suatu topik dengan berkesan. Pentaksiran formatif dapat meningkatkan kepercayaan guru dalam melaksanakan peranan sebagai guru (Keeley & Tobey, 2011). Dalam pentaksiran ini, guru akan melaksanakan proses interaksi dengan pelajar dengan lebih kerap dan ini dapat meningkatkan pembelajaran pelajar (Black & Harrison, 2004). Kajian Lowery (2003) mendapati ujian lisan penting bagi mengembangkan pelajaran, mengesahkan apa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipelajari serta kemahiran yang telah dikuasai oleh pelajar. Kesimpulannya, penggunaan pentaksiran autentik bagi pelajar tahun satu sememangnya satu keperluan oleh guru. Guru perlu menambah baik amalan pentaksiran dalam bilik darjah agar pelajar dapat dinilai secara lebih holistik dan kepelbagaian eviden perlu disediakan oleh guru dalam memastikan kejayaan proses pentaksiran.

Pentaksiran autentik yang dijalankan kebiasaannya memakan masa dan melibatkan subjektiviti dalam pemarkahan yang akan mengakibatkan ralat pengukuran yang besar (Oosterhof, 2003).

6.5 Implikasi Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini menunjukkan hasil inovasi yang berguna dan berkesan kepada pelaksanaan pentaksiran pembelajaran matematik sekolah rendah. Kajian ini memberikan implikasi utama secara teori dan praktikal

6.5.1 Teori

Dalam konteks pendidikan matematik di Malaysia, ukuran kejayaan sesebuah organisasi pendidikan adalah berdasarkan kepada pencapaian pelajar. Pencapaian matematik selalunya dilihat sebagai faktor utama bagi memastikan kejayaan dalam sistem persekolahan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000). Secara spesifiknya, proses pentaksiran memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap kumpulan yang dikaji, proses pentaksiran dalam kalangan pelajar lebih tertumpu kepada pengujian. Pentaksiran berbentuk autentik jarang digunakan oleh guru. Secara teori, kebolehan bukan kognitif juga penting bagi menentukan pencapaian pelajar dalam matematik (Anneke, Adelene & Karel, 2001). Teori pembelajaran Piaget sangat menekankan struktur atau hierarki dalam memastikan suatu konsep matematik dapat dikuasai oleh pelajar (Kamii, 2003). Pembelajaran matematik perlu bermula dengan penggunaan bahan konkrit dan diikuti dengan semi konkrit. Setelah penguasaan pelajar meningkatkan pembelajaran menggunakan formula matematik boleh digunakan. Di samping itu, Bruner menekankan pembelajaran secara berpusatkan pelajar iaitu pendekatan penemuan dapat meningkatkan kebolehan dalam matematik (Steffe et al.,2009). Perspektif teori pembelajaran ini menjadi asas dalam pembangunan Modul Pentaksiran Autentik (M-PA).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, aplikasi teori pembelajaran oleh Bruner juga diguna pakai dalam pembangunan M-PA. Reka bentuk KSSR menepati idea kurikulum “spiral” yang dikemukakan oleh Bruner. Ini bermaksud pelajar akan mengaplikasikan semula pengetahuan dalam topik lain dalam matematik. Dalam melaksanakan proses pentaksiran, guru akan menilai pelajar secara berterusan dan mengamalkan prinsip pentaksiran proses. Band atau tahap penguasaan pelajar dinilai berasaskan eviden yang digunakan. Dalam kajian ini, prinsip pembelajaran masteri dapat menentukan tahap keupayaan pelajar dalam topik Wang, dan Masa dan Waktu. Oleh itu, adalah amat penting amalan pentaksiran guru dimantapkan bagi membantu meningkatkan keberkesanan pdp.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pentaksiran autentik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada pemerhatian, pentaksiran lisan dan projek. Sementara lembaran kerja hanya digunakan dalam kelas kawalan. Pembinaan instrumen pentaksiran dipengaruhi oleh taksonomi Bloom. ini bertujuan memastikan instrumen pentaksiran menepati tahap penguasaan pelajar yang telah ditetapkan dalam KSSR. Menurut Huitt (2004), tiga tahap taksonomi bloom yang bertepatan dengan pelajar ialah pengetahuan, pemahaman dan aplikasi.

